

S U H A K A M
HAK ASASI UNTUK SEMUA

LAPORAN TAHUNAN

2014

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA, 2015

© Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Tingkat 11, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
Emel: humanrights@suhakam.org.my
URL: <http://www.suhakam.org.my>

Direka dan dicetak di Malaysia oleh

SALZ-TERACHI DESIGN SDN BHD

5-10-1 Floor 10, Suria Avenue
Jalan Dawai 16/2, Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03 - 5524 1722
Fax : 03 - 5524 5822
Email : salzterachi@myjaring.net.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

ISSBN: 1675-1159

ANGGOTA SURUHANJAYA 2014



Puan Rodziah Abdul
(Setiausaha)

Encik James Nayagam

Encik Francis Johen Adam

Datuk Dr Khaw Lake Tee
(Naib-Pengerusi)

Tan Sri Hasmy Agam
(Pengerusi)

Prof Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid

Encik Nordin Kasim Madating

Prof Dato' Dr Aishah Bidin

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2014

KANDUNGAN

| | | |
|---------------------|---|-----|
| PERUTUSAN PENGERUSI | 1 | |
| RINGKASAN EKSEKUTIF | 5 | |
| ISU-ISU UTAMA | 8 | |
| BAB 1 | LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM | 19 |
| | I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI | 20 |
| | II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM | 29 |
| BAB 2 | LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI | 39 |
| | I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN | 40 |
| | II. BAHAGIAN INKUIRI | 59 |
| BAB 3 | LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR | 63 |
| | I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR | 64 |
| | II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA | 85 |
| BAB 4 | LAPORAN PEJABAT SABAH | 101 |
| BAB 5 | LAPORAN PEJABAT SARAWAK | 109 |

LAMPIRAN

| | | |
|-------------------|---|-----|
| LAMPIRAN I | KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2014 | 128 |
| LAMPIRAN II | KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA | 170 |
| LAMPIRAN III | AKTIVITI SURUHANJAYA 2014 | 176 |
| LAMPIRAN IV | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN - NASIONAL 2014 | 199 |
| LAMPIRAN V | CERAMAH, MESYUARAT, BENGKEL DAN PERSIDANGAN - ANTARABANGSA 2014 | 210 |
| LAMPIRAN VI | PENERBITAN SURUHANJAYA 2014 | 215 |
| LAMPIRAN VII | MESYUARAT BULANAN 2014 - KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA | 216 |
| LAMPIRAN VIII | SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA | 221 |
| SENARAI SINGKATAN | | 238 |

PERUTUSAN Pengerusi



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

Laporan ini merupakan Laporan Tahunan ke-14 yang dihasilkan oleh Suruhanjaya sejak ia mula beroperasi pada bulan April 2000 sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) yang bebas, yang mempromosi dan melindungi hak asasi manusia semua rakyat di Malaysia. Laporan ini membentangkan rekod kerja Suruhanjaya termasuk aktiviti dan program yang telah dijalankan, penyampaian perkhidmatan dan pengurusan kewangan bagi tempoh yang berakhir 31 Disember 2014.

Pada tahun ini, Suruhanjaya terus menjalankan fungsi dan kuasa utama di bawah Seksyen 4 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) melalui antaranya, kajian tematik; aktiviti pendidikan dan peningkatan kesedaran; advokasi mengenai penyertaan negara kepada baki triti teras hak asasi manusia dan protokol pilihan, serta penarikan balik reservasi kepada tiga triti yang telah diratifikasi atau disertai oleh negara; pemantauan pelaksanaan negara terhadap obligasi triti; siasatan mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia; dan penglibatan dengan pihak berkepentingan tempatan, serantau dan antarabangsa serta mekanisme hak asasi manusia. Ia juga meneruskan usaha yang masih berjalan berkenaan dengan hak-hak golongan rentan seperti Orang Asal, kanak-kanak dan wanita, orang kurang upaya, warga tua, pekerja migran, tahanan, pelarian dan pencari suaka.

Dalam memenuhi mandatnya, Suruhanjaya turut mengemukakan pandangan dan syor tentang pelbagai isu hak asasi manusia di negara ini menerusi kenyataan media dan wawancara. Satu isu yang membimbangkan Suruhanjaya adalah peningkatan berhubung penangkapan dan pendakwaan terhadap individu di bawah Akta Hasutan 1948 oleh pihak berkuasa di Malaysia. Lantaran itu, Suruhanjaya telah menyeru kepada pemansuhan Akta ketinggalan zaman ini, yang boleh menghukum penyuaran pendapat atau perbuatan yang dianggap mempunyai kecenderungan "menghasut".

Hak kepada kebebasan berpendapat dan bersuara adalah penting bagi menggalakkan tadbir urus yang baik dan kemajuan sosial dalam sebuah demokrasi moden, di mana rakyat bebas untuk berbahas dan menyuarakan pendapat atau kebimbangan mengenai dasar awam dan undang-undang yang mempunyai implikasi ke atas mereka atau negara secara keseluruhannya. Hak ini juga penting untuk memenuhi hak asasi manusia yang lain seperti hak kebebasan berfikir, menentukan salah dan benar, dan beragama; hak untuk berhimpun secara aman; hak kebebasan berserikat dan hak kepada maklumat.

Walaupun penggunaan hak kepada kebebasan berpendapat dan bersuara datang dengan tanggungjawab dan boleh tertakluk kepada sekatan, sekatan tersebut mestilah berasaskan justifikasi yang dibenarkan, seimbang dengan keperluan yang membentuk dasar kepada had yang dikenakan, dan juga selari dengan norma hak asasi manusia antarabangsa.

Suruhanjaya mengulangi sokongannya terhadap cadangan 'Akta Keharmonian Nasional', yang bertujuan untuk mendapatkan keseimbangan di antara hak kebebasan bersuara dan keperluan untuk menangani kerumitan masyarakat majmuk di Malaysia. Ia berharap agar Akta ini digubal berdasarkan nilai persefahaman dan perhormatan terhadap hak asasi semua kumpulan dalam masyarakat, serta mengambil langkah untuk menggalakkan keharmonian negara dan pada masa yang sama, menghalang kekerasan atau kebencian agama dan perkauman.

Suruhanjaya juga sesungguhnya percaya bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam menggalakkan toleransi dan pemeliharaan hak asasi manusia yang lebih baik, serta mencegah pencabulan hak asasi manusia dalam masyarakat.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya meneruskan usaha mendidik dan mempromosi hak asasi manusia melalui pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk institusi pendidikan, agensi penguatkuasa undang-undang, ahli masyarakat sivil dan masyarakat akar umbi. Suruhanjaya berbesar hati dengan penerimaan dan kefahaman terhadap hak asasi manusia di kalangan pihak berkepentingan ini, terutamanya sekolah yang mengambil bahagian dalam Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia di Sekolah (ATHAM) yang diterajui bersama oleh Suruhanjaya dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, Suruhanjaya mendapati bahawa masih terdapat jurang yang perlu ditangani dalam pelbagai aspek di sekolah Orang Asli dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Suruhanjaya akan terus memantau dan mengetengahkan isu ini kepada agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memastikan hak pendidikan semua kanak-kanak, khususnya mereka yang terdiri daripada golongan rentan, dapat dipenuhi secara menyeluruh.

Kajian tematik Suruhanjaya pada tahun 2013 mengenai hak kanak-kanak bermasalah pembelajaran (CWLD) dan warga emas telah menghasilkan dua laporan iaitu 'Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran' dan 'Perkhidmatan Penjagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga'. Suruhanjaya berharap agar laporan ini dapat menjadi pemangkin untuk peningkatan kesejahteraan CWLD dan warga emas di negara ini.

Suruhanjaya juga mempergiatkan penglibatannya dengan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi memajukan agenda tentang hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia melalui perbincangan meja bulat dan projek usahasama berkenaan membentuk satu pelan tindakan

Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia, dengan sokongan kewangan daripada Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO) United Kingdom.

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah menerima sejumlah 717 aduan, yang mana 448 kes adalah di bawah bidang kuasanya manakala 269 lagi berada di luar bidangnya. Bilangan aduan yang diterima secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 93 kes (15%) berbanding tahun sebelumnya. Daripada 448 aduan tersebut, Suruhanjaya telah menyelesaikan 195 kes dan sedang menyalut 253 kes yang selebihnya. Antara isu utama yang sering timbul dalam aduan ini adalah mengenai penangkapan dan penahanan, seruan pelajar universiti untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), Empangan Murum, hak pekerja, pelarian dan pencari suaka.

Menyedari akan keperluan untuk melipatgandakan usahanya bagi menamatkan pencabulan hak asasi manusia, Suruhanjaya telah memulakan dua kajian tematik baru, iaitu 'Kematian dalam Tahanan Polis' dan 'Hak kepada Kesihatan di Penjara'. Kajian ini dipilih berikutan aduan yang diterima oleh Suruhanjaya pada tahun-tahun sebelumnya. Kedua-dua kajian ini telah memberi peluang kepada Suruhanjaya untuk mengkaji secara mendalam isu berkaitan kematian dalam tahanan polis dan juga keadaan kesihatan di penjara Malaysia dari sudut hak asasi manusia. Laporan penuh bagi kedua-dua kajian tematik yang mengandungi penemuan penting dan syor Suruhanjaya akan diterbitkan pada tahun 2015 dan akan dikemukakan kepada pihak berkepentingan untuk tindakan yang sewajarnya.

Suruhanjaya terus mengetengahkan kebimbangannya terhadap isu kanak-kanak dalam tahanan imigresen kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Hasil daripada usaha advokasi Suruhanjaya dan beberapa organisasi masyarakat sivil, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja mengenai Alternatif kepada Tahanan (ATD) untuk mengkaji dan membuat syor berdasarkan kepada pelbagai model ATD. Sebagai ahli Kumpulan Kerja ini, Suruhanjaya memainkan peranan yang aktif bagi menyokong inisiatif Kementerian dalam meneroka pelbagai model dan amalan terbaik bagi ATD.

Suruhanjaya meneruskan penglibatan dengan mekanisme dan badan hak asasi manusia antarabangsa dan serantau, dengan tumpuan lebih kepada usaha meningkatkan kesedaran dan penyertaan semua pihak berkepentingan dalam proses Penilaian Penggalan Sejagat (UPR), terutamanya berkaitan penerimaan hasil proses UPR Kedua terhadap Malaysia oleh Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) pada bulan Mac. Ini dilakukan melalui satu siri sesi taklimat mengenai UPR di serata negara.

Suruhanjaya mengalu-alukan pemegangan dua jawatan antarabangsa berprofil tinggi oleh negara iaitu keahlian di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan jawatan Pengerusi ASEAN. Suruhanjaya berharap untuk bekerja rapat dengan Kerajaan bagi menangani isu hak asasi manusia di kedua-dua forum serantau dan antarabangsa demi meningkatkan imej dan kredibiliti Malaysia sebagai sebuah negara yang menghormati hak asasi manusia.

Tahun ini juga menyaksikan sokongan berterusan Suruhanjaya ke atas pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) oleh Kerajaan melalui penyertaannya dalam


rundingan dan juga penyerahan satu kertas pandangan yang menyetengahkan isu dan syor Suruhanjaya kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seperti yang telah acapkali dibangkitkan sebelum ini, Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah penting bagi Kerajaan untuk menyelesaikan isu mengenai hak tanah Orang Asal di negara kita. Suruhanjaya mengambil maklum bahawa Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/ Asli (Laporan NI) telah mengemukakan laporannya kepada Menteri pada 10 September 2014. Sementara menantikan perkembangan lanjut perkara ini, Suruhanjaya mengulangi seruannya agar Kerajaan mengendalikan perkara ini dengan segera dan memastikan pelaksanaan awal dan efektif bagi syor-syor yang terkandung dalam Laporan NI Suruhanjaya demi memperbaiki nasib Orang Asal yang menaruh harapan dan ekspektasi tinggi terhadap hasil Inkuiri Nasional.

Sejak 13 tahun yang lalu, Suruhanjaya tidak pernah gagal mengemukakan Laporan Tahunannya kepada Parlimen seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 21 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597). Walau bagaimanapun, tiada satu pun daripada laporan tersebut pernah dibahaskan di Parlimen. Laporan Tahunan Suruhanjaya merupakan satu dokumen penting yang mencerminkan realiti situasi hak asasi manusia di lapangan. Sekiranya Laporan ini langsung tidak dibahaskan, Parlimen akan gagal dalam menangani isu-isu penting yang diketengahkan oleh Suruhanjaya dalam Laporan Tahunannya dalam memenuhi mandat dan misi memperbaiki keadaan hak asasi manusia di negara ini.

Dalam memenuhi cabaran dan pencapaian utama Suruhanjaya ini, saya ingin mengiktiraf sumbangan yang besar dan berterusan oleh rakan-rakan Pesuruhjaya saya, dan juga Setiausaha dan kakitangan Suruhanjaya yang telah menunjukkan iltizam dan semangat bersungguh-sungguh mereka terhadap perjuangan hak asasi manusia. Adalah merupakan satu penghormatan bagi saya untuk bekerja dengan mereka untuk penggal yang kedua. Dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada mereka atas usaha gigih dan sokongan yang diberikan kepada Suruhanjaya selama ini. Saya amat berterima kasih kepada Naib-Pengerusi Datuk Dr Khaw Lake Tee dan Pesuruhjaya Prof Dato' Dr Aishah Bidin atas sumbangan dan bimbingan mereka dalam memandu Jawatankuasa Laporan Tahunan Suruhanjaya dan dalam memastikan penyajian Laporan ini menepati waktu.

Saya menyambut tahun akan datang dengan harapan untuk melihat negara ini berkembang lebih cepat dalam bidang hak asasi manusia, selaras dengan kedudukan dan tanggungjawab baru negara dalam Majlis Keselamatan PBB dan sebagai Pengerusi ASEAN, yang mana di bawah pengawasannya, ASEAN dijangka akan berkembang sepenuhnya menjadi Komuniti Negara-negara Asia Tenggara.



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memenuhi visi dan misinya, Suruhanjaya telah melaksanakan program dan aktiviti berdasarkan Pelan Kerja sejajar dengan Pelan Strategik (2012-2016) yang telah dirangkanya. Suruhanjaya telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program berbentuk pendidikan, latihan, dan penglibatan kemasyarakatan bersama segenap lapisan rakyat Malaysia.

Penyelidikan, advokasi dan syor-syor turut disediakan untuk Kerajaan dan pihak berkepentingan bagi memastikan hak asasi manusia dihormati di sisi undang-undang, polisi dan amalan negara, serta difahami oleh agennya.

Pentauliahan Suruhanjaya, yang diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI) bertaraf 'A', akan dinilai semula pada bulan Oktober 2015. Pentauliahan ini, yang dinilai semula setiap lima tahun, memerlukan setiap NHRI mematuhi sepenuhnya Prinsip PBB Berkenaan Status Institusi Nasional, yang turut dikenali sebagai Prinsip-prinsip Paris. Adalah penting bagi Suruhanjaya untuk mengekalkan pentauliahannya bagi memenuhi peranannya yang begitu mustahak dalam mempromosi dan memantau keberkesanan pelaksanaan piawaian antarabangsa hak asasi manusia di peringkat nasional.

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Untuk tahun 2014, **Bahagian Pendidikan dan Promosi**, dalam meneruskan mandat Suruhanjaya untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran hak asasi manusia di sekolah, telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bagi memperluaskan program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) kepada 138 buah sekolah kebangsaan dan 93 buah sekolah Orang Asli. Selari dengan matlamat program ATHAM untuk menerapkan nilai dan prinsip hak asasi manusia ke dalam komuniti sekolah, beberapa buah sekolah telah menunjukkan hasil positif dari segi kadar vandalisme, disiplin dan perilaku pelajar. Program ini dijangka akan dilancarkan oleh KPM di Sabah dan Sarawak pada tahun 2015.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya telah menjalankan program Jurulatih Utama (*Master Trainers*) bagi guru-guru peringkat Kaunselor Negeri dan juga terus menganjurkan bengkel hak asasi manusia untuk tenaga pengajar pendidikan khas dan sekolah agama. Bahagian ini juga telah menyampaikan ceramah kepada para siswa dan menjalankan latihan untuk pegawai penguatkuasa, selain menganjurkan *road show* dan seminar untuk masyarakat akar umbi di pelbagai lokasi.

Bahagian Perhubungan Awam telah menganjurkan tiga acara utama yang bertujuan untuk mempromosi kesedaran hak asasi manusia di kalangan masyarakat awam serta pihak

berkepentingan. Ini termasuklah pengumuman awam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia 2014 dan Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia. Selain itu, Suruhanjaya telah menerima kunjungan daripada pelbagai delegasi seperti Pelapor Khas PBB serta beberapa buah NHRI dan organisasi lain. Suruhanjaya turut membantu mengendalikan wawancara media, mengeluarkan kenyataan media dan memberi maklum balas mengenai isu hak asasi manusia yang mendapat perhatian awam.

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

Sehingga hujung tahun, **Bahagian Aduan dan Pemantauan (CMD)** telah menerima 717 aduan berkenaan pencabulan hak asasi manusia, yang mana ianya menunjukkan peningkatan sebanyak 93 aduan berbanding tahun sebelumnya. 448 (63%) daripada aduan diterima adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Sebagai respon kepada pelbagai aduan yang diterima berhubung kematian dalam tahanan dan keadaan kesihatan di penjara, CMD telah memulakan kajian ke atas dua bidang berkenaan dengan tujuan untuk mengemukakan hasil dan syor kepada agensi berkaitan untuk penyelesaian. Tahun ini, CMD telah mewakili Suruhanjaya sebagai peguam pemerhati dalam tiga kes iaitu berkenaan hak kanak-kanak dan kebebasan untuk bersuara. CMD juga telah memantau empat perhimpunan awam yang mana tiada insiden tidak diingini berlaku. Walau bagaimanapun, satu aduan telah diterima daripada dua organisasi awam berhubung insiden semasa dan selepas demonstrasi anti-Lynas. Tahun ini, CMD juga turut mengadakan lawatan sama ada sebagai respon kepada aduan yang diterima atau atas inisiatif Suruhanjaya sendiri, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(2)d Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Bagi memenuhi keperluan latihan para pegawainya, CMD telah membantu mengendalikan dua program pembangunan kapasiti bersama dengan Forum Asia Pacific (APF) dan Sekretariat Komanwel.

Berikutan penubuhan Pasukan Petugas Khas oleh Kerajaan pada bulan Ogos 2013 untuk mengkaji semula penemuan dan syor Laporan Hak NI, **Bahagian Inkuiri (ID)** telah ditugaskan oleh Suruhanjaya untuk membuat tindakan susulan dengan pihak berkuasa yang berkaitan bagi mendapatkan progres Pasukan Petugas Khas tersebut.

Sementara menunggu laporan Pasukan Petugas Khas, ID telah menangguhkan aktiviti susulannya bagi membolehkan Pasukan Petugas Khas membincangkan dan merangka strategi untuk melaksanakan pelan cadangan dan syor NI bagi manfaat Orang Asal. Walaupun demikian, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa Kerajaan tidak menyokong cadangan yang berkaitan dengan hak tanah Orang Asal semasa sesi UPR di Geneva pada 24 Oktober 2013.

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar (RPDD) telah selesai menjalankan kajian tematik yang bertajuk 'Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran'

dan 'Perkhidmatan Penjagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga'. Pada masa yang sama, RPDD masih meneruskan tugas utamanya yang berkaitan dengan triti teras antarabangsa yang belum diratifikasi; pemantauan pelaksanaan triti antarabangsa oleh Negara; penarikan semula reservasi dan penyertaan kepada protokol pilihan; serta bidang-bidang seperti hak kepada kesihatan dan HIV/AIDS dan antipemerdagangan orang.

RPDD telah memulakan kerja untuk membentuk kerangka Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional pada bulan Julai 2014, dan sejak itu telah menganjurkan perbincangan meja bulat (PMB) dengan perancangan untuk mengadakan temubual bersama pihak berkepentingan yang berkaitan sebagai sebahagian daripada proses rundingan pada tahun berikutnya. Projek yang dibiayai oleh Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO) ini dijangka selesai sekitar Mac 2015.

Bahagian Koordinasi Antarabangsa telah membantu Suruhanjaya dalam tugasnya di lapangan serantau dan antarabangsa menerusi penyertaan dalam aktiviti dan mesyuarat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi-institusi Nasional untuk Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC) dan Majlis Hak Asasi Manusia (HRC). Ini merupakan tambahan kepada tugas Suruhanjaya sebagai Pengerusi Forum Komanwel NHRI (CFNHRI) dan Forum NHRI Asia Tenggara (SEANF) serta keahlian Suruhanjaya dalam Forum NHRI Asia Pasifik (APF).

Suruhanjaya mengakhiri tempohnya sebagai anggota Biro ICC pada tahun 2014 selepas berkhidmat selama dua penggal untuk tempoh lima tahun. Sebagai NHRI dengan tauliah 'A Status', Suruhanjaya diberikan hak penyertaan rasmi di Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

LAPORAN PEJABAT SABAH

Sehingga hujung 2014, sebanyak 279 aduan telah diterima oleh Pejabat Suruhanjaya di Kota Kinabalu, Sabah. Hal tanah, isu kewarganegaraan dan masalah sijil kelahiran merupakan perkara utama bagi kebanyakan aduan yang dikemukakan kepada Pejabat Sabah. Pejabat Sabah turut membantu di dalam kajian tematik Suruhanjaya mengenai 'Hak Kepada Kesihatan di Penjara' dan 'Kematian dalam Tahanan Polis' serta program HIV/AIDS dan Penilaian Penggalan Sejagat (UPR). Ia juga mengadakan lawatan ke tempat tahanan termasuklah penjara, pusat tahanan imigresen dan lokap polis bagi memantau kemudahan di fasiliti tersebut dan mengadakan sesi latihan bersama agensi penguatkuasa.

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Tahun ini Pejabat Suruhanjaya di Kuching, Sarawak menerima 29 aduan di mana tujuh adalah berkaitan dengan hak tanah adat anak negeri. Pejabat Sarawak turut mengadakan ceramah berkenaan hak asasi manusia kepada golongan masyarakat yang lemah, dan membuat lawatan ke tempat tahanan, rumah orang tua, institusi kanak-kanak dan pusat pemulihan dalam masyarakat. Kunjungan hormat turut dianjurkan ke pelbagai agensi Kerajaan bagi memperkukuhkan lagi jalinan kerja antara kedua-dua belah pihak.

ISU-ISU UTAMA

1. LAPORAN INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI (LAPORAN NI)

Tahun ini, Suruhanjaya terus giat mengadakan tindakan susulan dengan pihak berkuasa yang berkaitan berhubung perkembangan Pasukan Petugas Khas, yang ditubuhkan pada Ogos 2013. Suruhanjaya telah menunda aktiviti susulannya untuk membolehkan Pasukan Petugas Khas tersebut untuk berbincang dan merangka strategi dalam merumuskan satu pelan untuk melaksanakan secara efektif semua syor-syor di dalam Laporan NI demi kepentingan orang Asal. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa Laporan Pasukan Petugas ini telah dikemukakan kepada Menteri pada 10 September tetapi malangnya, sehingga akhir tahun 2014, Suruhanjaya masih belum menerima sebarang maklumat mengenai laporan tersebut. Suruhanjaya berharap agar Laporan Pasukan Petugas Khas ini akan diterima dan mengesyorkan pelaksanaan sebanyak mungkin, jika tidak kesemuanya, cadangan dan syor-syor di dalam Laporan NI sepertimana yang diperlukan demi kebaikan Orang Asal Malaysia.

2. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Suruhanjaya mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk membangunkan NHRAP yang pertama. Sejak pengumuman pada 2010, Suruhanjaya konsisten dalam menyokong dan menggesa agar pembangunannya dipercepatkan. Pada 2014, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas pandangan kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas NHRAP.

Kebimbangan utama yang dibangkitkan oleh Suruhanjaya kepada Kerajaan adalah berkenaan lima teras utama NHRAP, iaitu hak sivil dan politik; hak ekonomi, sosial dan kebudayaan; hak golongan rentan; hak Orang Asal; dan obligasi antarabangsa, yang mana skopnya terlalu luas, dan seterusnya boleh menjadi satu cabaran kepada Malaysia dalam mencapai kesemua lima Teras mengikut tarikh sasaran. Oleh itu, dalam membangunkan objektif dan strategi bagi setiap Teras, terdapat keperluan untuk memastikan bahawa kesemuanya adalah realistik, praktikal dan boleh dicapai. Di samping itu, Kerajaan juga perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

Pengumuman pada 2010, Suruhanjaya konsisten dalam menyokong dan menggesa agar pembangunannya dipercepatkan. Pada 2014, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas pandangan kepada YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas NHRAP.

- i. Konsultasi secara tetap, menyeluruh dan bermakna diadakan dengan pihak berkepentingan di setiap peringkat proses pembangunan;
- ii. Wakil daripada Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemandu;
- iii. Penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia antarabangsa dan syor-syor UPR Malaysia diutamakan di dalam NHRAP; dan
- iv. Perincian akhir rancangan tersebut, yang dijadualkan berlangsung pada akhir tahun 2016, dipercepatkan.

3. KEMATIAN DI DALAM TAHANAN POLIS

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menjalankan dua kajian tematik, yang pertama berkenaan insiden kematian dalam tahanan polis dan kedua berkenaan hak kepada kesihatan di penjara.

Kajian pertama didorong oleh jumlah kes kematian dalam tahanan polis yang menjadi kebimbangan masyarakat awam. Berdasarkan statistik yang diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), di antara tahun 2000 dan Februari 2014 sebanyak 242 kematian dalam lokap polis telah direkodkan di seluruh Malaysia. Dalam kebanyakan kes, punca kematian yang dilaporkan adalah berkaitan dengan kesihatan seperti serangan asma, HIV/AIDS dan serangan jantung. Sebab-sebab lain termasuklah bunuh diri, maut akibat terjatuh dan pergaduhan antara tahanan. Daripada keseluruhan 242 kes, hanya dua kematian berpunca daripada perlakuan jenayah yang melibatkan polis.

Suruhanjaya telah menjadi saluran untuk ahli keluarga si mati dan kumpulan masyarakat sivil untuk mendapatkan keadilan. Walaupun tiada formula mudah untuk memastikan keselamatan tahanan, Suruhanjaya berpendapat bahawa tanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah pencegahan tidak harus terletak di tangan polis semata-mata dan semua institusi perlu bekerjasama dalam memastikan keberkesanan langkah-langkah pencegahan tersebut.

Dengan itu, dalam tahun yang dilaporkan, Suruhanjaya telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian mengenai kematian dalam tahanan polis.

Kajian tersebut tidak hanya tertumpu kepada hak dan kesihatan tahanan, tetapi ia juga termasuk hak dan kebajikan pegawai dan anggota polis yang terbabit atau berhubung secara langsung dengan tahanan. Aktiviti kajian tersebut merangkumi (i) lawatan ke lokap-lokap di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan (ii) temubual bersama pegawai, anggota polis dan tahanan di lokap. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk meneliti faktor dan punca yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan;
- ii. Untuk memberi pandangan dan cadangan dalam penambahbaikan di dalam perundangan dan polisi;

- iii. untuk menambahbaik dan memperkukuhkan infrastruktur dan fasiliti untuk siasatan yang lebih efektif;
- iv. Untuk mengenalpasti amalan terbaik di negara-negara lain yang menyumbang kepada pengurangan kematian dalam tahanan; dan
- v. Untuk membangunkan satu modul latihan berdasarkan hasil penemuan dan syor-syor dalam menyampaikan maklumat yang relevan kepada pihak polis.

Laporan kaji selidik Suruhanjaya ini, yang dijangka akan siap pada tahun 2015, akan menggariskan punca-punca yang membawa kepada kematian dalam tahanan; pemerhatian dan hasil dapatan Suruhanjaya kepada isu-isu; serta syor-syor yang bersesuaian sebagai langkah untuk mengurangkan kematian dalam tahanan.

4. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA

Kajian tematik kedua Suruhanjaya, adalah berkenaan hak kesihatan di penjara, yang dijalankan dengan objektif keseluruhan untuk memastikan keadaan penjara di dalam negara ini berasaskan perlembagaan dan konsisten dengan piawaian kesihatan, keselamatan dan martabat kemanusiaan dalam mencapai sistem keadilan jenayah yang menghormati hak-hak individu.

Kajian ini berpandukan Prinsip Asas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan Terhadap Banduan (1990) yang menetapkan bahawa "banduan hendaklah diberikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang ada di negara tanpa diskriminasi berdasarkan kepada status perundangan mereka" (Prinsip 9, A/RES/45/111). Metodologi penyelidikan meliputi pengumpulan data yang berkaitan melalui kajian dan penelitian semula amalan dan prosedur penjara yang relevan kepada hak kepada kesihatan. Dalam menjalankan kajian ini, Suruhanjaya telah melawat 24 buah penjara dan menemubual seramai 5,484 orang banduan (lelaki dan wanita), 893 orang kakitangan penjara dan 51 orang pembantu perubatan.

Pada masa ini, data yang dikumpul sedang disusun dan dianalisis. Laporan penuh berkenaan keadaan kesihatan di penjara Malaysia serta syor-syor termasuk amalan terbaik antarabangsa akan diterbitkan pada tahun 2015.

5. PENDIDIKAN HAK ASASI DI SEKOLAH

Menyedari bahawa sekolah adalah tempat terbaik untuk menyemai dan memupuk nilai-nilai hak asasi manusia untuk generasi akan datang, Suruhanjaya, bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada tahun 2008 telah memperkenalkan Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM). Program ATHAM direka untuk mengintegrasikan nilai dan prinsip hak asasi manusia di dalam sistem sekolah, dan ia telah diperluaskan ke 138 sekolah awam dan 93 sekolah Orang Asli pada tahun 2014. Beberapa orang guru telah dilatih sebagai Jurulatih Utama untuk memimpin dan melatih guru-guru lain berkenaan program ini. Suruhanjaya mendapati

kebanyakan sekolah di bawah program ATHAM sedikit sebanyak telah berjaya memasukkan program tersebut ke dalam aktiviti sekolah masing-masing.

Walaupun demikian, Suruhanjaya turut menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program-program, termasuk situasi di mana pentadbir sekolah mempunyai anggapan yang tidak tepat berkenaan program tersebut, koordinator sekolah terlalu sibuk dengan tugas yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program, dan perubahan di dalam struktur hirarki KPM yang menyebabkan kelewatan dalam melaksanakan program tersebut. Di samping itu, Suruhanjaya telah menunda pengembangan program ATHAM di Sabah dan Sarawak ke tahun 2015 berikutan masalah logistik yang dialami oleh KPM.

Pada jangka masa panjang, Suruhanjaya berhasrat untuk memperkukuhkan lagi kerjasama dengan KPM dan berusaha untuk memperkenalkan pendidikan hak asasi sebagai sebahagian daripada kurikulum di sekolah.

6. ALTERNATIF KEPADA PENAHANAN IMIGRESEN TERHADAP KANAK-KANAK

Isu kanak-kanak tanpa penjaga dalam tahanan sering dihadapi oleh kebanyakan negara yang membuka pintu mereka kepada pemohon suaka dan pelarian. Walaupun Malaysia bukan ahli kepada Konvensyen Berkaitan Dengan Status Pelarian 1951, Malaysia masih mempunyai tanggungjawab untuk melindungi hak kanak-kanak pelarian dan pemohon suaka. Tambahan pula, Jawatankuasa berkenaan Hak Kanak-kanak melalui 'Concluding Observations on Malaysia Report' menyatakan bahawa kanak-kanak yang memohon suaka dan pelarian terdedah kepada penangkapan, penahanan dan pengusiran. Penahanan kanak-kanak ini di pusat tahanan juga telah dimuatkan di dalam laporan di atas. Berdasarkan laporan ini, Jawatankuasa tersebut telah menyarankan kepada Kerajaan Malaysia untuk merumus kerangka utama perundangan yang bertepatan dengan piawai antarabangsa untuk melindungi kanak-kanak pelarian dan yang memohon suaka terutamanya mereka yang tidak mempunyai penjaga. Adalah penting supaya kerangka perundangan ini memberi perlindungan, penjagaan dan layanan kepada kanak-kanak tanpa penjaga yang bertepatan dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) khususnya berkenaan prinsip tiada diskriminasi dan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Semasa lawatan yang telah dilakukan, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat ramai kanak-kanak tanpa penjaga yang kebanyakannya merupakan pelarian dan pemohon suaka ditahan bersama orang dewasa di dalam sel yang sama. Ini bukan sahaja bertentangan dengan prinsip penahanan berasingan tetapi juga mendedahkan kanak-kanak ini kepada risiko penderaan dan penganiayaan.

Semasa lawatan yang telah dilakukan, Suruhanjaya mendapati bahawa terdapat ramai kanak-kanak tanpa penjaga yang kebanyakannya merupakan pelarian dan pemohon suaka ditahan

bersama orang dewasa di dalam sel yang sama. Ini bukan sahaja bertentangan dengan prinsip penahanan berasingan tetapi juga mendedahkan kanak-kanak ini kepada risiko penderaan dan penganiayaan.

Oleh itu, Suruhanjaya melihat keperluan untuk menyokong Kerajaan dalam mengenalpasti dan sekiranya perlu, membangunkan mekanisme untuk memastikan bantuan dan perlindungan yang berkesan diberikan secara sistematik, menyeluruh dan bersepadu bertepatan dengan prinsip 'kepentingan terbaik kanak-kanak'.

Suruhanjaya dan beberapa pertubuhan masyarakat sivil, di dalam usaha untuk menangani isu ini, sedang mengkaji kaedah lain sebagai alternatif kepada penahanan imigresen terhadap kanak-kanak dan juga melihat kepada amalan terbaik beberapa negara lain.

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah membentangkan cadangan kepada Menteri Dalam Negeri yang telah menyokong inisiatif ini dan Suruhanjaya telah diminta untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen. Lanjutan daripada ini, satu kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian dan membuat pengesyoran berkenaan model alternatif kepada penahanan imigresen. Ahli kumpulan kerja ini terdiri daripada Jabatan Imigresen, Suruhanjaya, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pertubuhan masyarakat sivil seperti SUKA Society, Yayasan Chow Kit dan *International Detention Coalition*. Kumpulan kerja ini telah bersetuju untuk melancarkan projek perintis yang mana kanak-kanak tanpa penjaga akan menjadi tumpuan utama projek ini.

7. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2011, Majlis Hak Asasi Manusia PBB telah menerima pakai Prinsip-Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (UNGP). Prinsip ini menggariskan tugas dan tanggungjawab Kerajaan dan perniagaan dalam melindungi, mempromosi dan menghormati hak asasi manusia. Melalui Prinsip ini, syarikat di seluruh dunia telah diberikan mandat untuk menunjukkan bahawa mereka akan menghormati hak asasi manusia melalui operasi atau perhubungan perniagaan mereka.

Walaupun Kerajaan memegang tanggungjawab utama untuk memastikan promosi dan perlindungan hak asasi manusia, syarikat sebagai organ masyarakat mempunyai tugas untuk mempromosi dan menjaga hak asasi sepertimana yang telah digariskan di dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Pada masa kini, perniagaan tidak akan berjaya menangani isu risiko kepada hak asasi manusia tanpa kerjasama daripada Kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Aktiviti perniagaan memberikan impak kepada kehidupan dan hak asasi manusia. Sebagai contoh, aktiviti yang dilakukan oleh syarikat perladangan mungkin akan memberi kesan yang menyeluruh terhadap alam sekitar dan hak asasi manusia Orang Asal yang tinggal di kawasan tersebut. Terdapat banyak contoh perniagaan yang telah mencapai kejayaan melalui hak asasi manusia, tetapi bagaimanakah situasi 'menang-menang' ini dapat dicapai?

Banyak kempen telah dijalankan oleh pertubuhan masyarakat sivil di seluruh dunia untuk memastikan tiada pelanggaran hak asasi manusia oleh sektor perniagaan. Pihak PBB dan beberapa badan antarabangsa telah merangka pelbagai garis panduan yang berasaskan piawaian hak asasi manusia untuk entiti perniagaan. Pada masa sekarang, terdapat peningkatan di kalangan entiti perniagaan yang mengambil kira hak asasi manusia semasa membuat keputusan berkaitan dengan perniagaan. Syarikat perniagaan yang terkemuka juga telah menjalankan perancangan dan menggunakan mekanisme antarabangsa untuk menangani kesan perniagaan mereka terhadap hak asasi manusia, sebagai contoh untuk menambahbaik kondisi tempat kerja, menghapuskan diskriminasi, menghentikan penggunaan buruh kanak-kanak dan lain-lain. Dengan menyerapkan aspek hak asasi manusia ke dalam aktiviti perniagaan mereka, syarikat dan entiti perniagaan dapat melindungi reputasi dan imej serta meningkatkan produktiviti.

Berpanduan kepada keberkesanan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional tersebut, pada tahun 2014, Suruhanjaya dan United Nations Country Team (UNCT) di Malaysia telah bekerjasama di dalam satu projek berkenaan 'Promoting Business and Human Rights in Malaysia for Business Success and Inclusive Growth' dengan tujuan untuk merumus satu pelan tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa di beberapa negara di dunia, pihak Kerajaan seperti di United Kingdom, Denmark dan Belanda, telah memperkenalkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional yang memasukkan prinsip UNGP. Berpanduan kepada keberkesanan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional tersebut, pada tahun 2014, Suruhanjaya dan United Nations Country Team (UNCT) di Malaysia telah bekerjasama di dalam satu projek berkenaan 'Promoting Business and Human Rights in Malaysia for Business Success and Inclusive Growth' dengan tujuan untuk merumus satu pelan tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan untuk Malaysia melalui penerimapaikaaian UNGP oleh Kerajaan dan pihak-pihak yang terbabit. Projek ini dibiayai oleh FCO dimulakan pada Julai 2014 dan dijangka akan tamat pada Mac 2015.

Untuk mendapatkan maklumat di dalam merangka pelan tindakan tersebut, Suruhanjaya telah merancang beberapa aktiviti utama bagi

mendapatkan input dan maklumat terkini berkenaan perniagaan dan hak asasi manusia. Aktiviti ini termasuklah temuduga dan sesi konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti GLC, badan perundangan, badan penguatkuasa, agensi kerajaan yang berkaitan, dan juga NGO. Pelan tindakan bagi Hak Asasi Manusia dan Perniagaan ini dijadualkan siap pada tahun 2015.

8. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

Pada Oktober 2013, Malaysia telah menjalani penilaian kedua di bawah proses UPR dan telah menerima sejumlah 232 syor daripada 104 Negara Ahli. Daripada jumlah 232 syor itu,

Malaysia telah menerima 150 syor, 113 diterima secara penuh, 22 diterima secara prinsip dan 15 diterima secara bahagian. Malaysia tidak menyokong 83 syor berkenaan perubahan pada undang-undang yang sedang beroperasi, serta peraturan dan polisi yang belum bersedia untuk dilaksanakan pada ketika ini. Antara syor yang diterima sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia adalah berkenaan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan, terutamanya pembasmian kemiskinan, akses kepada pendidikan dan kesihatan, penambahbaikan status hak wanita dan kesaksamaan gender serta menghapuskan pemerdagangan orang.

Kerajaan juga menyokong syor untuk memperkasakan mekanisme hak asasi manusia nasional, promosi dan perlindungan hak asasi kanak-kanak dan orang kurang upaya dan juga akses pekerja asing kepada keadilan. Suruhanjaya mengharapkan agar Kerajaan Malaysia mempertimbangkan syor ini secara positif dan seterusnya menerimanya sebanyak mungkin untuk memperlihatkan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan hak asasi manusia di peringkat nasional.

Namun begitu, Suruhanjaya kesal kerana syor berkenaan penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia, pembaharuan perundangan dan pemansuhan hukuman mati tidak disokong oleh Kerajaan. Suruhanjaya berasa gusar kerana ini akan menghindar Negara daripada memperbaiki rekod hak asasi manusia di samping menghalang Malaysia daripada mencapai status negara maju pada penghujung dekad ini. Suruhanjaya juga kesal kerana Kerajaan tidak menyokong enam syor utama berkenaan Orang Asal, terutamanya syor yang berkaitan dengan hak kepada tanah yang mana ianya selari dengan syor-syor yang terkandung di dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia.

9. KEBEBASAN BERHIMPUN

Merujuk kepada perhimpunan awam, Suruhanjaya menyatakan harapan agar keseimbangan hak di antara kumpulan-kumpulan berbeza yang terlibat di dalam tunjuk perasaan aman akan dapat dicapai. Walaupun pihak polis mempunyai kuasa berhubung pengawasan sesuatu tunjuk perasaan, Suruhanjaya berharap agar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut, amalan terbaik serta norma antarabangsa mengenai kebebasan berhimpun dapat dipatuhi. Suruhanjaya juga berharap agar semua tunjuk perasaan dianggap sebagai aman melainkan jika terdapat bukti yang jelas dan meyakinkan bahawa penganjur atau peserta berniat untuk menggunakan atau mendorong kepada keganasan dan berkemungkinan keganasan akan berlaku.

10. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

Pada 2014, Suruhanjaya telah membuat beberapa pemerhatian terhadap beberapa cadangan untuk memperkenalkan dan/atau menggunapakai undang-undang kontroversi tertentu, seperti berikut.

(a) Akta Hasutan 1948

Suruhanjaya sesal dengan keputusan Kerajaan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dan cadangan untuk mengukuhkannya dengan peruntukan tambahan, walaupun akujanji Kerajaan pada 2012 untuk memansuhkan undang-undang yang bersifat menindas dan kuno ini.

Walaupun Suruhanjaya memahami kerumitan untuk menyeimbangkan di antara kebebasan dan keselamatan, serta mengakui bahawa pelaksanaan kebebasan bersuara tertakluk kepada sekatan yang telah termaktub oleh undang-undang, namun sekatan tersebut hendaklah seimbang, berkadar, jelas dan adil; terutama sekali ianya hendaklah selari dengan norma antarabangsa mengenai hak kepada kebebasan bersuara dan berucap.

Suruhanjaya seterusnya menggalakkan agar pihak Kerajaan memastikan bahawa pindaan kepada undang-undang sedia ada atau pengenalan kepada undang-undang baru hendaklah berdasarkan penglibatan penuh dan konsultasi yang bermakna bersama semua pihak berkepentingan yang terbabit dengan cara yang adil, jelas dan mematuhi proses yang sewajarnya, serta tidak tergesa-gesa.

(b) Rang Undang-undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa draf Rang Undang-undang ini akan menjadikan perlakuan menghasut kebencian kepada agama dan bangsa sebagai satu kesalahan. Penglibatan dalam tingkah laku yang bertujuan untuk membawa kebencian dan menghina Raja juga dijadikan kesalahan di bawah draf Rang Undang-undang ini.

Walaupun niat draf rang undang-undang ini dilihat selaras dengan Artikel 4 Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) dan Artikel 20 Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR), yang mewajibkan Negara Peserta untuk menganggap apa-apa sokongan "kebencian nasional, kaum atau agama yang merupakan hasutan untuk mendiskriminasi, permusuhan atau keganasan", Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan dapat memastikan bahawa skop undang-undang tersebut adalah terhad dengan tegas terhadap hukuman jenayah kebencian dan tidak kepada individu yang menyatakan rasa tidak puas hati secara sah atau menjalankan hak mereka untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka.

(c) Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional

Sepertimana yang diperkatakan, bahawa rakyat Malaysia menjadi semakin berpecah belah, serta cenderung untuk bersama-sama dengan individu dari latar belakang bangsa yang serupa. Sebagai kesimpulan yang menyatakan bahawa walaupun rakyat Malaysia hidup bersama-sama secara aman, ini hanyalah didorong oleh toleransi semata-mata dan bukanlah perpaduan.

Suruhanjaya berpendapat yang perpaduan, sama seperti kepercayaan, perlu dipupuk dari usia muda. Memupuk perpaduan memerlukan komitmen bersama daripada semua peringkat masyarakat. Sokongan institusi adalah amat penting untuk perpaduan. Peranan dan contoh yang diberikan oleh ibu bapa dan guru merupakan wadah di mana perpaduan itu disemai dan dipupuk. Peranan guru-guru dan ibubapa sangat mustahak dalam memupuk perpaduan.

Walaupun ada yang berhujah bahawa undang-undang bukanlah agen terbaik kepada perubahan, ia tidak boleh menafikan hakikat bahawa undang-undang membentuk sikap, dan sikap mempengaruhi tingkah laku. Berdasarkan perkara ini, Suruhanjaya percaya bahawa, seiring dengan keazaman politik, penerimaan dan pelaksanaan cadangan Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional adalah perlu dalam mewujudkan satu persekitaran perpaduan.

Suruhanjaya mengiktiraf tujuan Rang Undang-undang Penyelarasan dan Keharmonian Nasional, yang mana ia adalah untuk melaksanakan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan keperluan Kerajaan serta aktor bukan Kerajaan untuk menegakkan prinsip kesamarataan. Ia juga bertujuan untuk melarang diskriminasi yang tidak adil atas alasan agama, bangsa, keturunan, tempat lahir, jantina dan kecacatan dalam pendidikan, politik, ekonomi, sosial, budaya atau mana-mana bidang lain dalam kehidupan umum. Rang undang-undang ini secara jelas memelihara hak keistimewaan yang diberikan kepada Bumiputera dan pribumi di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kajian semula Suruhanjaya terhadap draf rang undang-undang ini, Suruhanjaya mencadangkan untuk menyenaraikan 'umur' sebagai satu asas diskriminasi yang dilarang.

Undang-undang ini, jika digubal, boleh juga menjadi dorongan kepada penyertaan Kerajaan terhadap pelbagai triti hak asasi manusia antarabangsa yang lain, khususnya ICCPR, Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR), dan ICERD.

(d) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Suruhanjaya telah menyatakan kebimbangannya terhadap penurunan Malaysia ke tahap terendah, iaitu Tahap 3, oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dalam laporannya yang bertajuk Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) 2014. Ini disebabkan kegagalan untuk mematuhi sepenuhnya piawai minimum untuk membanteras pemerdagangan orang di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Amerika Syarikat 2000 (TVPA), walaupun dua pengecualian berturut-turut telah diberikan kepada Malaysia pada 2012 dan 2013. Apa yang membimbangkan Suruhanjaya adalah hasil penemuan Laporan ini yang menyatakan bahawa usaha Malaysia dalam memerangi penyeludupan manusia dalam tiga aspek utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan, tidak mencukupi atau memuaskan, dan beberapa aspek telah ditekankan secara konsisten oleh Suruhanjaya melalui Laporan Tahunannya, serta dialog dan perbincangan meja bulat bersama agensi Kerajaan yang berkaitan dan pihak berkepentingan lain. Suruhanjaya juga amat konsisten dalam cadangannya kepada Kerajaan termasuklah menyeru kepada pengukuhan mekanisme Negara dalam mendakwa pesalah, melindungi mangsa pemerdagangan dan mencegah pemerdagangan orang, meningkatkan hubungan serta kerjasama dengan kumpulan masyarakat sivil dan pihak berkepentingan yang lain dalam memerangi pemerdagangan orang, dan mewujudkan mahkamah khas bagi mempercepatkan kes-kes yang berkaitan dengan pemerdagangan orang.

Suruhanjaya berbesar hati dengan pengumuman oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada bulan Oktober bahawa mahkamah khas akan ditubuhkan bagi mendengar dan mempercepatkan kes-kes di bawah ATIPSOM. Suruhanjaya akan terus memantau dalam merealisasikan penubuhan mahkamah khas tersebut.

Seterusnya, Suruhanjaya mengambil maklum dan menyokong inisiatif Kerajaan untuk meminda ATIPSOM. Suruhanjaya maklum bahawa semasa sesi dialog yang diadakan pada bulan September, Kerajaan telah mencadangkan untuk meminda ATIPSOM bagi membenarkan Rumah Perlindungan NGO untuk beroperasi sebagai tempat perlindungan kepada individu yang menjadi mangsa pemerdagangan dan untuk memperluaskan kriteria untuk melantik Pegawai Pelindung. Cadangan Kerajaan untuk membenarkan “mana-mana orang yang sesuai” termasuk ahli NGO, untuk dilantik sebagai Pegawai Pelindung, Suruhanjaya mengesyorkan agar Akta ini hendaklah mengehadkan dan menetapkan kriteria bagi terma “mana-mana orang yang sesuai” untuk mengelakkan penyalahgunaan peruntukan itu.

(e) Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014

Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 mula berkuatkuasa pada 1 April 2014. Walaupun telah dipinda, Suruhanjaya melihat Akta ini masih bersifat terkebelakang dan tidak konsisten dengan prinsip hak asasi manusia sepertimana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Suruhanjaya khususnya bimbang mengenai peruntukan yang membenarkan penahanan tanpa bicara dan penafian hak seseorang untuk mendapatkan akses kepada peguam dan kepada perbicaraan yang adil, serta dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya mengikut undang-undang di dalam perbicaraan terbuka. Walaupun mengambil maklum jaminan Kerajaan bahawa pindaan Akta ini akan hanya digunakan sebagai pilihan terakhir dan sesiapa yang ditahan di bawah Akta ini akan diberikan kaunseling, adalah penting bagi Kerajaan untuk menterjemahkan jaminan tersebut ke dalam peruntukan undang-undang bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta serta pemulihan tahanan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

BAB

LAPORAN KUMPULAN PENDIDIKAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

- Bahagian Pendidikan dan Promosi
- Bahagian Perhubungan Awam

I. BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PROMOSI

“Mengapa orang-orang itu rasa mereka mesti bunuh Malala?” Jawab saya, “Kerana pendidikan adalah sesuatu yang berkuasa.”

Angelina Jolie

Pelakon, Duta Khas UNHCR

Usaha untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia terus menjadi salah satu keutamaan Suruhanjaya. Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pendidikan dan Promosi telah menganjur dan menjalankan pelbagai program dengan agensi Kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, badan korporat dan masyarakat sivil.

1. PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

(a) Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia Di Sekolah (ATHAM)

Program ATHAM direka untuk menerapkan nilai dan prinsip hak asasi manusia ke dalam sistem sekolah itu sendiri. Tujuan utama program ini adalah untuk membentuk dan memupuk persekitaran di mana hak asasi manusia bukan sahaja diajar dan dipelajari, tetapi diamalkan, dihormati dan didorong oleh pelajar, guru dan pentadbir. Kejayaan sekolah perintis dalam menjalankan program ini telah meyakinkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperluaskan program ini ke 138 buah sekolah aliran perdana dan 93 buah sekolah Orang Asli pada tahun 2014.

Suruhanjaya juga telah memilih sebilangan guru untuk menjadi jurulatih dan bagi tujuan itu, pengetahuan telah disampaikan kepada mereka melalui latihan intensif. Sebagai sebahagian daripada rancangan untuk memindahkan pemilikan dan tanggungjawab kepada KPM, Suruhanjaya telah melatih 10 orang guru sebagai Jurulatih Utama untuk program ini. Kebanyakan daripada mereka adalah Jurulatih Utama Kaunselor Negeri dan dengan kemahiran yang ada, mereka telah membantu Suruhanjaya untuk merapatkan jurang objektif antara Suruhanjaya dan KPM dalam melaksanakan program ini. Kini, program ini telah disesuaikan dengan keperluan KPM. Pendekatan ini lebih konstruktif kerana para penyelaras di peringkat sekolah berpeluang belajar daripada pengalaman langsung para jurulatih yang juga merupakan guru-guru yang telah berjaya melaksanakan program ATHAM di sekolah masing-masing. Program ini telah membolehkan Suruhanjaya menyebarkan pengetahuan mengenai hak asasi manusia

bukan sahaja kepada kanak-kanak, guru dan tenaga pentadbir sekolah tetapi juga kepada ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya.

Suruhanjaya memerhatikan bahawa kebanyakan sekolah yang dilawati pada tahun 2014 sedikit sebanyak telah berjaya menerapkan program ini dalam aktiviti sekolah mereka. SMK Muhibbah, Perak adalah satu lagi sekolah contoh untuk ATHAM selain daripada SMK Taman Tun Dr Ismail, WP. KPM mempunyai program yang dikenali sebagai 'Transformasi Asrama' dan SMK Muhibbah telah menerapkan konsep dan idea ATHAM dalam program ini. Program ini begitu berjaya sehinggakan Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah menjadikannya sebagai program contoh untuk asrama di sekolah lain. Berikutan kejayaan program ini, banyak sekolah di dalam dan luar Perak dan juga pegawai tinggi dari Putrajaya telah melawat asrama tersebut. Jurulatih Utama sekolah ini telah dijemput oleh banyak sekolah dan jabatan untuk berkongsi mengenai kejayaan sekolah beliau. Sekolah ini juga mempunyai laman sesawang untuk berkongsi maklumat tentang aktiviti mereka.

SMK Tok Labu, Pulau Pinang telah menjadi sebuah sekolah yang mesra pelajar dalam menangani isu-isu disiplin selepas Pengetuanya menghadiri seminar ATHAM pada tahun 2013. Suruhanjaya juga telah dijemput oleh pihak sekolah untuk berkongsi amalan terbaik sekolah lain bersama guru-guru di sekolah itu. Suruhanjaya dimaklumkan yang hasil daripada program ini, terdapat peningkatan ketara dalam rekod kehadiran pelajar dan pengurangan kes vandalisme.

SK Penderas, Temerloh, Pahang adalah sebuah sekolah Orang Asli. Sekolah ini telah mendapat perhatian Jabatan Pelajaran Negeri Pahang susulan daripada program ATHAM. Sekolah ini menggunakan pendekatan bekerja bersama masyarakat dan, dengan itu, sentiasa menjemput ibu bapa dan komuniti sekitarnya untuk mengambil bahagian dan menyumbang kepada kebanyakan aktiviti sekolah. Ini menyebabkan ibu bapa dan masyarakat setempat menyedari kepentingan pendidikan. Untuk meningkatkan keyakinan dan harga diri kanak-kanak, sekolah tersebut telah mengambil bahagian dalam pelbagai pertandingan anjuran Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Suruhanjaya mendapati bahawa kanak-kanak di sekolah ini aktif dan boleh berinteraksi dengan para guru serta masyarakat sekeliling. Salah satu matlamat ATHAM di sekolah Orang Asli adalah untuk menggalakkan pembentukan peribadi dan pembangunan sahsiah kanak-kanak Orang Asli dan sekolah ini telah berjaya mencapai matlamat tersebut.

Suruhanjaya juga telah menyaksikan perubahan positif di SK Bukit Kemandul, Selangor dan SK Ulu Geruntum, Perak. Semasa lawatan oleh Suruhanjaya, didapati kanak-kanak di sekolah ini aktif dan mudah bergaul, serta terdapat pengurangan dalam kes vandalisme.

SJKT Sg Pelek, Selangor telah menjadi sebuah sekolah yang sangat informatif, melalui pelbagai poster dengan maklumat hak asasi manusia yang dipaparkan di dalam bilik darjah, koridor dan papan kenyataan. Mereka juga menggalakkan penyertaan beramai-ramai murid dalam aktiviti sekolah dan komuniti setempat. Pihak sekolah mengamalkan pendekatan inklusif di mana ibu bapa dan masyarakat sentiasa dialu-alukan untuk menyumbang dan mengambil bahagian dalam aktiviti sekolah. Sekolah ini sangat aktif menjalankan aktiviti seperti Hari Merdeka, Hari Sukan Tahunan, Hari Kokurikulum, Hari Deepavali, Hari Kanak-kanak dan Mesyuarat Tahunan PIBG.



Kanak-kanak mengambil bahagian semasa perayaan Deepavali dan Hari Kanak-kanak di SJKT Sg Pelek, Selangor

Sepanjang tahun 2014, Suruhanjaya telah melawat 20 buah sekolah yang menjalankan program ATHAM dan berdasarkan pemerhatiannya, masih terdapat masalah dalam pelaksanaan program ini. Contohnya, masih ada pihak pengurusan sekolah yang tidak memahami atau menghayati akan tujuan dan intipati program ini; penyelarass sekolah yang terlalu sibuk dengan kerja mereka hingga menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program ini; dan perubahan dalam hierarki KPM yang melambatkan pelaksanaan program ini. Pelancaran program ini di Sabah dan Sarawak telah ditunda hingga 2015 berikutan masalah logistik yang dihadapi oleh KPM.

(b) Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Susulan sambutan yang amat menggalakkan semasa Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Guru Pendidikan Khas (Zon Utara dan Zon Timur) yang diadakan pada tahun 2013, Suruhanjaya telah menganjurkan dua lagi bengkel yang serupa pada tahun 2014, kali ini untuk Zon Selatan dan Zon Tengah, demi meneruskan usahanya dalam mendidik dan menyebarkan maklumat berkenaan hak asasi manusia kepada guru pendidikan khas yang mengajar di SPK dan PPKI.

Dalam bengkel ini, para peserta telah didedahkan kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD). Pandangan para peserta telah dirujuk bagi membolehkan Suruhanjaya membuat pengesyoran yang bermakna kepada pihak KPM berkenaan program-program yang berkaitan dengan Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran (CWLD).

Jadual 1: Bengkel Hak Asasi Manusia Untuk Guru SPK/PPKI, 2014

| NO | ZON | NEGERI | TARIKH |
|----|---------|---|---------------|
| 1. | Selatan | Johor, Melaka | 22-24 April |
| 2. | Tengah | Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan | 27-29 Oktober |

Sepanjang sesi bengkel, pelbagai isu telah diketengahkan kepada Suruhanjaya, yang mana sebilangannya merupakan isu yang sama bagi kebanyakan sekolah:

- i. Standard bagi skema soalan dan pemarkahan peperiksaan UPSR untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) adalah sama dengan standard skema untuk murid biasa pendidikan arus perdana, sedangkan skema peperiksaan UPSR untuk murid di SRJK

(C) dan SRJK (T) telah diubahsuai menjadi lebih jelas dan mudah. Hal ini mungkin mendiskriminasikan murid MBK kerana mereka diuji pada tahap yang tidak bersesuaian dengan mereka.

- ii. Kekurangan bahan rujukan (buku) kod tangan, terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, menyebabkan kesukaran kepada guru untuk mengajar. Buat masa ini, mereka masih menggunakan buku kod tangan terbitan tahun 1988, yang hanya mengandungi perbendaharaan kata sebanyak 4,000 isyarat sahaja. Situasi ini menimbulkan kesukaran kepada guru-guru untuk mengajar pelajar bermasalah pendengaran, terutamanya bagi guru yang tidak dilatih untuk mengajar pelajar tersebut.
- iii. Kekurangan latihan bagi guru-guru pendidikan khas. Hal ini menyebabkan ketidakselarasan dalam hal-hal tertentu, seperti penggunaan Bahasa Isyarat, sekaligus menimbulkan kesukaran bagi pelajar untuk memahami apa yang diajar.
- iv. Sebilangan guru pendidikan khas tidak diberi penempatan tugas yang sepadan dengan bidang pengkhususan mereka. Sebagai contoh, ada guru yang kelayakannya dalam bidang masalah pembelajaran telah ditempatkan untuk mengajar murid bermasalah pendengaran.
- v. Tiada sekolah sukan yang disediakan khas untuk pelajar-pelajar pendidikan khas, sepertimana Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Bandar Penawar yang disediakan khas untuk pelajar normal yang cemerlang dalam bidang sukan.

(c) Sekolah Untuk Kanak-kanak Orang Asli

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa pengagihan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) masih menjadi isu setiap tahun sejak tiga tahun kebelakangan. Isu ini telah diberi penekanan dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2012 dan walaupun Kerajaan telah memberi sedikit pencerahan tentang isu ini di dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan 2012 tersebut, masalah ini masih lagi belum selesai. Diperhatikan terdapat isu penyelarasan di antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KPM dan sekolah-sekolah yang berkenaan. Ini menyebabkan ramai murid yang layak telah ketinggalan daripada menerima bantuan kewangan. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa di sesetengah sekolah, bantuan kewangan ini telah diagihkan kepada murid-murid pada akhir Oktober 2014. Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah penting untuk memastikan bantuan diberikan secepat mungkin iaitu pada awal tahun persekolahan, pada masa ianya paling diperlukan.

Suruhanjaya mendapati bahawa pakaian seragam sekolah yang diberikan oleh JAKOA masih kurang bermutu. Ini telah menjadi satu isu sejak bertahun lamanya. Pakaian seragam tersebut lewat diagihkan sehingga ibu bapa perlu membelinya sendiri kerana sesi persekolahan telah bermula, ataupun pakaian seragam tersebut tidak menepati saiz kanak-kanak kerana ia terlalu besar. Suruhanjaya mendapati pakaian seragam yang terlalu besar boleh membahayakan kanak-kanak kerana ia menghalang pergerakan mereka dan juga tidak selesa.



Merengung masa hadapan

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa KPM telah menghentikan pelaksanaan kurikulum alternatif iaitu Kurikulum Asli Penan (KAP) yang diperkenalkan pada tahun 2006 kepada 20 buah sekolah. Tujuan KAP ini adalah untuk membantu Sekolah Orang Asli yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan, terutamanya dari segi kehadiran murid dan penguasaan kemahiran membaca dan mengira berdasarkan konteks setempat. Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu kurikulum khas patut dikekalkan supaya kanak-kanak Orang Asli yang serba kekurangan boleh mencapai potensi mereka yang sepenuhnya. Suruhanjaya juga berpendapat bahawa KPM perlu memberikan perhatian yang serius kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa dan pengetahuan Orang Asli sebagaimana yang diperuntukkan dalam Artikel 14 dan Artikel 15 Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP).

KPM perlu memberikan perhatian yang serius kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa dan pengetahuan Orang Asli sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 14 dan Perkara 15 Deklarasi PBB Mengenai Hak Orang Asal (UNDRIP)

Suruhanjaya telah membuat pemerhatian bahawa tidak ada sekolah di beberapa penempatan Orang Asli seperti di Pos Gob dan Pos Hau di Kelantan serta di Kampung Selauh, Perak, walaupun terdapat kanak-kanak yang sudah patut bersekolah. Sebagai pelengkap kepada sekolah Kerajaan, Suruhanjaya berpendapat yang JAKOA dan KPM juga perlu mempertimbangkan penubuhan Sekolah Komuniti di penempatan di mana tiada sekolah disediakan. Sekolah Komuniti ini sedikit sebanyak boleh memperkenalkan dan memperkembangkan kemahiran membaca dan mengira di samping mengajar seni dan budaya termasuk bahasa Orang Asli yang digunakan di penempatan tersebut. Suruhanjaya juga mencadangkan supaya sekolah-sekolah ini diuruskan sendiri oleh masyarakat setempat dengan bantuan kewangan dan teknikal oleh agensi yang berkaitan.

Suruhanjaya telah melawat penempatan masyarakat Kanaq di Kota Tinggi. Kini, hanya terdapat 87 orang yang diklasifikasikan sebagai orang Kanaq dan kebanyakan mereka adalah buta

huruf. Suruhanjaya mendapati kanak-kanak komuniti ini jarang menghadiri sekolah walaupun pengangkutan disediakan oleh JAKOA. Alasan yang diberikan ialah mereka sering dibuli dan tidak diterima baik oleh kanak-kanak lain di sekolah arus perdana. Orang Kanaq pada dasarnya sangat pemalu dan pasif. Bilangan kanak-kanak yang menghadiri sekolah, berdasarkan statistik yang diberikan oleh JAKOA Kota Tinggi, adalah: 3/6 (tahap tadika); 6/16 (tahap rendah) dan 0/27 (tahap menengah). Mereka kerap tidak hadir ke sekolah.

Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa masyarakat ini tidak lagi mengamalkan sebahagian besar tradisi Orang Asli, yang bermaksud suku ini kian hilang pengetahuan tradisi mereka seperti budaya, seni dan kraftangan, perubahan, nilai-nilai dan kepercayaan.

(d) Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Bagi meneruskan usahanya untuk membiasakan guru dan pentadbir SAR dengan prinsip hak asasi manusia, Suruhanjaya telah menjalankan empat bengkel Pendidikan Hak Asasi Manusia untuk guru SAR pada tahun 2014. Suruhanjaya juga telah melawat SAR yang terletak di Semenanjung untuk memerhatikan masalah yang dihadapi mereka.

Walaupun Suruhanjaya dimaklumkan yang banyak SAR kini telah didaftarkan di bawah KPM, berdasarkan pemerhatiannya Suruhanjaya mendapati masih terdapat banyak jurang yang perlu dirapatkan. Contohnya, kemudahan pengajaran dan pembelajaran masih tidak mencukupi. Terdapat sekolah yang tidak mempunyai kemudahan IT, manakala asrama, kemudahan sukan, bangunan, tandas dan bilik mandi, bengkel kemahiran hidup dan lain-lain kemudahan pula telah usang, tidak mencukupi atau perlu dibaiki atau diganti. Terdapat juga aduan bahawa SAR yang telah berdaftar dengan KPM tidak menerima bantuan buku teks dan ini telah menjejaskan pembelajaran murid-murid di sekolah berkenaan.

Pelajar SAR juga harus diberi peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan

Sewaktu lawatannya, Suruhanjaya telah menemubual sebilangan guru dan murid tentang peluang murid yang ingin melanjutkan pelajaran di luar sistem SAR. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa ada murid dengan keputusan yang sangat baik dalam peperiksaan awam yang telah dinafikan kemasukan ke sekolah berasrama penuh. Ini dikatakan berpunca daripada polisi tidak rasmi yang memberi keutamaan kepada murid dari sekolah aliran perdana semasa proses penempatan dijalankan. Sekiranya benar, amalan ini adalah salah satu bentuk diskriminasi kerana pelajar SAR juga harus diberi peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan.

Pengenalan kurikulum DINI pada tahun 2015 nanti menjadi satu kebimbangan bagi komuniti SAR oleh sebab terdapat kekurangan guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran di bawah program ini. Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa agensi yang bertanggungjawab masih belum menjalankan latihan kepada guru-guru yang terlibat dalam program ini dan universiti-universiti masih belum memasukkan DINI ke dalam sukatan

pelajaran mereka. Suruhanjaya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan sesuatu kurikulum memerlukan persediaan sepenuhnya guru-guru yang akan mengajar kurikulum tersebut.

Suruhanjaya mengambil maklum akan jawapan pihak Kerajaan kepada Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, yang menyatakan bahawa SAR yang berdaftar di bawah KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menerima bantuan dana daripada Kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat SAR yang memilih untuk tidak mendaftar kerana mereka bimbang pihak Kerajaan akan campur tangan dalam dasar dan pentadbiran harian mereka. Suruhanjaya berpandangan yang segala bentuk bantuan seperti saluran dana dan latihan kepada guru harus juga dipanjangkan kepada SAR yang tidak berdaftar dengan KPM atau JAIN atas dasar hak kesamarataan. Polisi untuk mengecualikan SAR tidak berdaftar dari menerima bantuan Kerajaan akan menjejaskan mutu pendidikan, peluang dan keselamatan murid yang belajar di SAR.

(e) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

Suruhanjaya telah melawat tiga buah sekolah iaitu SJKT Pulau Carey Selatan, SJKT Pulau Carey Timur dan SJKT Sepang pada tahun ini sebagai susulan kepada isu yang dilaporkan dua tahun lepas. Berbanding lawatan sebelumnya, Suruhanjaya mendapati bahawa hampir kesemua guru yang mengajar sekarang adalah guru terlatih dan berkelayakan.

Suruhanjaya mendapati bahawa di SJKT Pulau Carey Selatan dan SJKT Pulau Carey Timur, kemudahan di kedua-dua sekolah telah dipertingkatkan. Mereka mempunyai kemudahan yang lebih baik dan berfungsi untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran. SJKT Pulau Carey Selatan kini disediakan dengan air paip bersih berbanding dengan air perigi yang tidak dirawat dua tahun yang lalu. Semasa lawatan, diperhatikan SJKT Pulau Carey Selatan mengalami masalah anai-anai, yang menyerang bilik darjah bersebelahan dengan pejabat sekolah. Pihak sekolah telah berkali-kali menulis surat aduan kepada jabatan yang bertanggungjawab tetapi sehingga kini mereka masih menunggu untuk masalah tersebut diselesaikan.

(f) Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Beberapa siri ceramah dan bengkel hak asasi manusia yang menyasarkan para pelajar IPT telah dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang isu hak asasi manusia dan perkaitannya dengan pelajar, serta untuk menyediakan ruang untuk pelajar berbincang mengenai isu hak asasi manusia. Para pelajar bukan sahaja didedahkan kepada isu berkenaan hak asasi manusia, malah digalakkan untuk mengemukakan pandangan mereka tentang bagaimana situasi boleh diperbaiki atau masalah dapat diselesaikan. Antara program yang telah diadakan pada tahun 2014 adalah:

- i. Ceramah berkenaan 'Hak Pekerja' bersempena Program Pro-Citra Kumpulan 2, khusus bagi pelajar tahun akhir Pusat Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan pada 15 Mac. Program ini telah dianjurkan oleh Pusat Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- ii. Ceramah hak asasi manusia untuk pelajar Fakulti Undang-Undang UKM, khususnya

bagi pelajar tahun pertama dan tahun ketiga, pada 25 Mac. Ceramah ini dianjurkan dengan kerjasama Kelab PBB, Fakulti Undang-Undang UKM.

- iii. Ceramah berkenaan 'Hak Asasi Manusia untuk Pelajar IPT' di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu Kampus Dungun, pada 29 April.
- iv. Lawatan ke penempatan Orang Asli oleh pensyarah dan pelajar *Taylor's University* yang dianjurkan oleh Suruhanjaya dan NGO Orang Asli bagi membolehkan para pelajar melihat dan merasai sendiri isu-isu yang melibatkan Orang Asli.
- v. Suruhanjaya telah dijemput oleh beberapa IPT swasta seperti *Taylor's University* dan Kolej Damansara Utama (KDU) untuk mengadakan pameran bagi mempromosi program Suruhanjaya dan juga menyebarkan maklumat berkenaan hak asasi manusia.
- vi. Bengkel hak asasi manusia untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Moral, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 18 Mei. Bengkel ini diadakan melalui kerjasama Suruhanjaya dan Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) UPSI.

Bagi mengukuhkan jalinan kerjasama dengan UPSI, Suruhanjaya dan UPSI melalui FSK UPSI sedang membuat persiapan untuk merasmikan kerjasama ini melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengiktiraf pertalian sedia ada antara kedua belah pihak selain mengeratkan hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan dan hak asasi manusia.

2. LATIHAN UNTUK AGENSI PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

(a) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Tahun ini, Suruhanjaya menerima undangan tetap dari Pusat Latihan Polis untuk menyampaikan ceramah berkaitan isu hak asasi manusia. Fokus utama bagi tahun ini adalah berkenaan isu tematik Suruhanjaya pada tahun 2014 iaitu kematian dalam tahanan polis.

(b) Ikatan Relawan Rakyat (RELA)

Program latihan untuk pegawai dan anggota RELA telah dijalankan di Pusat Latihan RELA negeri Kedah, Melaka dan Terengganu. Untuk tahun 2014, sebanyak 31 sesi telah dijalankan di pusat latihan ini. Lebih kurang 150 orang pegawai dan anggota telah menghadiri kursus ini bagi setiap sesi.

Suruhanjaya berpendapat bahawa program ini sangat penting bukan sahaja kerana RELA merupakan satu cabang penting agensi penguatkuasa, tetapi juga kerana anggotanya merangkumi orang awam. Penyebaran pengetahuan hak asasi manusia secara betul dan terus akan membantu anggota RELA dalam menjalankan tugas mereka dan, pada masa yang sama, sebagai rakyat biasa, mereka akan lebih terlibat dan lebih sedar akan kepentingan hak asasi manusia.

(c) Jabatan Penjara

Pada tahun ini, Suruhanjaya meneruskan program kesedaran hak asasi manusia dengan kerjasama Jabatan Penjara. Jabatan Penjara telah menunjukkan iltizam yang kukuh dalam memastikan anggotanya mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi berkenaan prinsip hak asasi manusia.

Suruhanjaya telah menjalankan sepuluh kursus hak asasi manusia yang disesuaikan untuk setiap peringkat jawatan di Jabatan Penjara. Kursus ini dibahagikan kepada tiga peringkat: asas, pertengahan dan lanjutan. Seramai 150 orang pegawai daripada pelbagai peringkat jawatan telah menghadiri kursus ini. Walaupun isu tematik bagi tahun 2014 adalah berkenaan hak kesihatan banduan, kursus ini juga turut merangkumi isu hak asasi manusia yang lain seperti hak kanak-kanak dan wanita serta pengenalan kepada instrumen hak asasi manusia antarabangsa.

3. PENDIDIKAN KOMUNITI

(a) Road Show

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pendidikan telah mengadakan sesi program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' di beberapa lokasi. Antara lain, tujuan program ini adalah untuk menjelaskan fungsi Suruhanjaya dan sekaligus memperkenalkan Suruhanjaya kepada masyarakat setempat. Program ini tertumpu kepada perkongsian isu hak asasi manusia terutamanya yang dihadapi oleh masyarakat awam. Masyarakat juga berpeluang untuk membuat aduan kepada Suruhanjaya berkenaan masalah yang dihadapi.

Jadual 2: Lokasi Program 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' pada tahun 2014

| NO | LOKASI | TARIKH |
|----|------------------------|------------|
| 1. | Sabak Bernam, Selangor | 5 Mac |
| 2. | Slim River, Perak | 16 Jun |
| 3. | Bachok, Kelantan | 3 November |

(b) Islam dan Hak Asasi Manusia

Suruhanjaya telah mengadakan seminar bertajuk 'Islam dan Hak Asasi Manusia' pada 3 November di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan. Objektif utama program ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan Islam, serta membincangkan dan membuat cadangan berkenaan isu tersebut kepada agensi berkaitan. Seramai 120 orang peserta telah menghadiri program ini, termasuk para pegawai dari pelbagai jabatan Kerajaan, ahli Parlimen, ahli Dewan Undangan Negeri, wakil NGO, pengetua sekolah agama, dan ketua masyarakat. Pelbagai isu mengenai prinsip dan nilai Islam telah dibincangkan dan acara ini telah membuka peluang untuk para peserta dan Suruhanjaya untuk bertukar pandangan.

II. BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Seorang kanak-kanak, seorang guru, sebatang pen dan senaskhah buku mampu mengubah dunia. Pendidikan adalah satu-satunya jalan penyelesaian. Dahulukan pendidikan.

Malala Yousafzai

Aktivis Pakistan untuk pendidikan bagi wanita dan Penerima Hadiah Nobel

Suruhanjaya mengekalkan kerjasama berterusan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuklah agensi Kerajaan, institusi hak asasi manusia nasional (NHRI), badan bukan Kerajaan (NGO), agensi PBB, institusi pengajian tinggi dan media.

Sepanjang tahun, Suruhanjaya telah mengadakan tiga acara utama, iaitu pengumuman awam Laporan Tahunan 2013, majlis Anugerah Hak Asasi Manusia kali keempat dan sambutan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia.

Suruhanjaya terus menghebahkan pandangannya mengenai isu hak asasi manusia yang menimbulkan pertikaian, dengan memberi kenyataan media (lihat Lampiran I), mengadakan sidang media, memberi maklum balas terhadap pertanyaan media, serta penglibatan dalam wawancara media.

1. PENGUMUMAN AWAM LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA 2013

Pada 25 April, Suruhanjaya telah mengadakan sidang media berkenaan pengumuman awam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013. Antara isu utama yang dibangkitkan oleh pihak media adalah berkenaan dengan Laporan Inkuiri Nasional oleh Suruhanjaya, aduan yang diterima sepanjang tahun 2013, kematian dalam tahanan, lawatan berkala Suruhanjaya ke pusat tahanan dan perkembangan terbaru penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen Tetap Mengenai Hak Asasi Manusia.

Pada 27 November, Suruhanjaya juga telah mengadakan dua sesi dialog bersama agensi Kerajaan yang berkaitan untuk membincangkan Maklum Balas Kerajaan terhadap isu dan cadangan yang terkandung dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya. Sesi pertama dihadiri oleh 35 orang wakil dari Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Kesihatan dan JAKOA.

Antara isu utama yang dibincangkan adalah berkenaan kematian dalam tahanan polis, tangkapan dan penahanan oleh pihak berkuasa, hasil dapatan Suruhanjaya berdasarkan lawatan berkala ke pusat tahanan, kebajikan kanak-kanak di pusat tahanan, pemerdagangan orang, pemantauan perhimpunan awam, inkuiri awam Suruhanjaya berkenaan insiden BERSIH, hak asasi manusia dan perniagaan, pelaksanaan Malaysia terhadap obligasi di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), penyertaan terhadap triti teras hak asasi manusia, kajian semula undang-undang, Penilaian Penggalan Sejagat (UPR), Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP), cadangan pindaan Akta SUHAKAM, jemputan kepada Pelapor Khas PBB, resolusi mengenai NHRI, Forum Komanwel Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI) dan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR).

Sesi kedua pula dihadiri oleh 10 orang peserta yang terdiri daripada wakil KPM, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan Kementerian Sumber Manusia. Antara isu yang dibincangkan adalah berkaitan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

Sementara menunggu perbahasan penuh di Parlimen mengenai Laporan Tahunannya, Suruhanjaya menganggap sesi dialog sebegini satu pendekatan yang berguna untuk menumpukan perhatian Kerajaan kepada isu dan cadangan utama yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan tersebut.

2. ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA 2014

Pada 9 September, sempena memperingati tahun keempat belas penubuhannya, Suruhanjaya telah mengadakan satu majlis untuk memberi penghormatan kepada lapan pemenang Anugerah Hak Asasi Manusia 2014 atas sumbangan cemerlang mereka dalam pelbagai bidang hak asasi manusia di Malaysia.

(a) Pencalonan

Suruhanjaya menerima sejumlah 32 pencalonan untuk lima kategori:

- Anugerah Individu diberikan kepada individu (berumur di atas 21 tahun) dan remaja (berumur sehingga 21 tahun) yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam mempromosi hak asasi manusia dalam komuniti, atas dasar bukan untuk keuntungan.
- Anugerah Organisasi/Kumpulan diberikan kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berdaftar dan kumpulan advokasi tidak berdaftar yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam mempromosi hak asasi manusia dalam komuniti, atas dasar bukan untuk keuntungan.
- Anugerah Media diberikan kepada tiga individu dan/atau agensi dari media cetak, dalam

talian dan penyiaran yang telah menerbitkan atau menghasilkan laporan/dokumentari/program hak asasi manusia yang penting.

- Anugerah Agensi Kerajaan diberikan kepada agensi Kerajaan Malaysia atau badan berkanun yang telah menunjukkan amalan terbaik hak asasi manusia dalam pelaksanaan dasar dan peraturan serta program dan perkhidmatannya.
- Anugerah Entiti Perniagaan diberikan kepada entiti perniagaan yang telah menunjukkan amalan terbaik hak asasi manusia dalam menyampaikan perkhidmatan dan menguruskan aktiviti perniagaannya.

Mendiang Irene Fernandez dianugerahkan atas usahanya yang tidak kenal erti penat lelah dalam mempertahankan hak golongan terpinggir termasuklah pekerja tempatan dan asing, wanita serta pelarian.

(b) Penerima Anugerah 2014

- i. Anugerah Individu
Mendiang Irene Fernandez dianugerahkan atas usahanya yang tidak kenal erti penat lelah dalam mempertahankan hak golongan terpinggir termasuklah pekerja tempatan dan asing, wanita serta pelarian.
- ii. Anugerah Organisasi/ Kumpulan
Sarawak Women for Women Society (SWWS) dianugerahkan atas usaha mereka dalam mempromosi kesaksamaan wanita dan menghapuskan segala penindasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta memperkasakan remaja wanita di kawasan luar bandar di Sarawak.
- iii. Anugerah Media
Dua orang wartawan iaitu Wan Noor Hayati Wan Alias dan Elantiraian Perumal, masing-masing dari akhbar Berita Harian dan The Star, telah diiktiraf dengan Anugerah Media Cetak berdasarkan laporan penyiasatan mereka serta keberanian dalam mendedahkan pencabulan hak asasi manusia yang menjejaskan hak golongan akar umbi.

Radio *BFM89.9* diiktiraf dalam kategori media penyiaran kerana telah menunjukkan kewartawanan yang adil dan seimbang dalam melaporkan tentang komuniti, keadilan sosial serta isu hak asasi manusia yang menjadi perhatian awam.
- iv. Anugerah Agensi Kerajaan
Markas Angkatan Bersama, Angkatan Tentera Malaysia diiktiraf atas inisiatif sukarela mereka dalam menyediakan pendidikan tidak formal bagi kanak-kanak tidak berwarganegara di Pulau Berhala, Sandakan sejak tahun 2009.
- v. Anugerah Entiti Perniagaan
DiB Coffees of Hawaii diiktiraf kerana menyediakan peluang pekerjaan dan peluang pembentukan sendiri yang saksama untuk golongan peka dalam usaha positifnya ke arah memajukan pendekatan perniagaan yang berteraskan hak asasi manusia.

vi. Anugerah Khas

Anugerah ini diberikan kepada Hafrulidzwan Mohd Isa atas usahanya yang berterusan dalam mempromosi amalan terbaik hak asasi manusia dan kesedaran terhadap CRC di kalangan warga sekolah.



Anggota Suruhanjaya bersama penerima Anugerah Hak Asasi Manusia 2014

3. SAMBUTAN HARI HAK ASASI MANUSIA

Pada 10 Disember, sempena memperingati Hari Hak Asasi Manusia, Pasukan Negara PBB di Malaysia (UNCT), dengan kerjasama Suruhanjaya, *Global Movement of Moderates Foundation* (GMMF), Persatuan Promosi Hak Asasi Manusia Malaysia (PROHAM) dan juga Majlis Peguam, telah menganjurkan Minggu Hak Asasi Manusia, yang merupakan suatu siri aktiviti bagi memperingati dan meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia. Semua acara yang dijalankan berkisarkan tema 'Hak Asasi Manusia 365' bagi mencerminkan idea bahawa setiap hari adalah Hari Hak Asasi Manusia.


Minggu Hak Asasi Manusia telah dilancarkan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan,

Menteri yang Bertanggungjawab bagi Tadbir Urus, Hak Asasi Manusia dan Integriti pada 8 Disember di Institut Integriti Malaysia (IIM). Ini diikuti oleh satu Perbincangan Panel Antara Agama yang bertemakan '*Harmony in Diversity: A Human Rights Approach*'. Majlis ini telah dihadiri oleh 200 orang peserta yang terdiri daripada ahli misi diplomatik, penjawat awam, ahli badan bukan kerajaan, wakil agensi-agensi PBB dan pihak media.

Perbincangan panel ini memberikan peluang kepada ahli panel dan peserta daripada agama yang berbeza untuk berkongsi pendapat mereka mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memelihara keharmonian negara di kalangan komunitinya yang majmuk dari segi bangsa, budaya dan agama.

Perbincangan Panel tersebut telah dipengerusikan oleh Dato' Saifuddin Abdullah selaku CEO GMMF, dan menampilkan empat ahli panel iaitu Dr Ayang Utriza Yakin, Ulama Islam antarabangsa; Reverend Julian Leow, Ketua Paderi Roman Katolik Kuala Lumpur; Sister Barbara Yen dari Buddhist Maha Vihara; dan Prof Dr Suresh Kumar A/L P Govind, Presiden Majlis Pusat Sathya Sai Baba Malaysia.

Perbincangan panel ini memberikan peluang kepada ahli panel dan peserta daripada agama yang berbeza untuk berkongsi pendapat mereka mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memelihara keharmonian negara di kalangan komunitinya yang majmuk dari segi bangsa, budaya dan agama.



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan menyampaikan ucapan perasmianya semasa Pelancaran Minggu Hak Asasi Manusia 2014

Sebagai salah satu daripada aktiviti Minggu Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya telah bekerjasama dengan Universiti Selangor dan *Serdang Royals Debate Club* untuk menganjurkan Kejohanan Debat Hak Asasi Manusia dari 6-9 Disember, dengan tujuan menggalakkan pemahaman yang lebih tinggi di kalangan pelajar universiti, melalui wacana kritikal, mengenai kepentingan hak asasi manusia dan juga isu-isu semasa di peringkat tempatan dan global yang berkaitan hak asasi manusia.

20 pasukan daripada 10 institusi pendidikan tempatan bersaing dalam kejohanan tersebut. Peringkat akhir kejohanan debat tersebut yang dirasmikan oleh Pengerusi Suruhanjaya, Tan Sri Hasmy Agam, telah menarik 100 orang penonton termasuk wakil daripada agensi Kerajaan, universiti tempatan dan media. Johan adalah pasukan dari UiTM yang diwakili oleh Rafiq Saladdin dan Muqriz Mustaffa Kamal. Rafiq Saladdin juga telah memenangi Anugerah Pendebat Terbaik. Finalis yang lain adalah Sarah Choong Ee Mei dan Patrick Cheang Zhi Chian dari Universiti Malaya (UM), serta Terence Aaron dan Muayyad Khairulmaini, Izzat Arif Abd Jamil dan Syed Afiq Syed Albakri dari UiTM.



Pengerusi Tan Sri Hasmy Agam dan tetamu kehormat Dato' Saifuddin Abdullah bersama para pemenang Peringkat Akhir Pertandingan Debat Hak Asasi Manusia

4. HAK ASASI MANUSIA DAN SENI

Pada bulan November, Suruhanjaya untuk Julung kalinya berjaya menerbitkan komik hak asasi manusia yang terdiri daripada enam cerita menarik yang berkisar tentang prinsip-prinsip CRC. Suruhanjaya merancang untuk melancarkan komik tersebut pada awal 2015 dan mengedarkannya kepada kanak-kanak sekolah sebagai alat pendidikan untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap nilai yang termaktub di dalam CRC.

5. CERAMAH DAN PAMERAN

Suruhanjaya telah meneruskan program kemasyarakatannya iaitu 'SUHAKAM Bersama Masyarakat' untuk meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti akar umbi mengenai kerja Suruhanjaya dan juga untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat tentang isu hak asasi manusia. Ini telah diadakan di Sabak Bernam, Selangor (5 Mac), Slim River, Perak (16 Jun), Sri Aman (19 Ogos) dan Lundu (24 September) di Sarawak dan Bachok, Kelantan (3 November).

Suruhanjaya telah dijemput oleh tiga institusi pengajian tinggi iaitu *Taylor's University*, Universiti Kolej KDU dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menyampaikan ceramah mengenai isu hak asasi manusia dan juga untuk mengadakan pameran di kampus mereka, masing-masing pada 29 Mei, 2 Oktober, dan 3-4 Disember. Suruhanjaya juga telah dijemput oleh Persatuan Undang-undang UM untuk menganjurkan gerai pameran pada 12 Disember bersempena sambutan Hari Hak Asasi Manusia.

6. KUNJUNGAN HORMAT

(a) Lawatan dari Delegasi Dalam dan Luar Negara

Suruhanjaya telah menerima kunjungan dari 28 delegasi dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada NGO, agensi PBB, universiti, NHRI serta misi diplomatik. Lawatan utama yang diterima adalah seperti yang dirumuskan berikut:

| TARIKH | BUTIRAN |
|--------|---|
| 4 Mac | Suruhanjaya telah dilawati bekas Pengerusi Jawatankuasa PBB Mengenai Hak Kanak-kanak (Jawatankuasa CRC) Prof Jaap E. Doek dan wakil dari UNICEF bagi membincangkan isu yang melibatkan kerja advokasi Suruhanjaya berkaitan hak kanak-kanak serta laporan bebas Suruhanjaya kepada Jawatankuasa CRC. |
| 26 Mac | Suruhanjaya dikunjungi oleh Encik Chris Duggan dari Pejabat Kebebasan Beragama Kanada serta wakil dari Suruhanjaya Tinggi Kanada. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk berkongsi pendapat mengenai isu berkaitan kebebasan beragama serta penggalakan pluralisme dan toleransi di negara masing-masing. |

| TARIKH | BUTIRAN |
|--------------|--|
| 7 April | Di bawah aturan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Suruhanjaya menghadiri sesi perkongsian maklumat bersama dua pakar dari Amerika Syarikat iaitu Dr Timothy Shah dan Encik Eric Treene untuk bertukar pandangan dan pembelajaran mengenai isu kepelbagaian dalam masyarakat berbilang kaum. |
| 11 Ogos | Satu delegasi yang diketuai oleh Encik Ray Paolo Santiago dari <i>Ateneo Human Rights Center</i> telah melawat Suruhanjaya sebagai salah satu mesyuaratnya bersama pihak berkepentingan serantau. Ini adalah untuk membincangkan perkembangan hak kanak-kanak di rantau ini serta peluang kerjasama bagi memajukan agenda hak kanak-kanak di ASEAN. |
| 24 September | Suruhanjaya telah menerima delegasi dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Korea, yang diketuai oleh Ketua Pengarah Biro Penyiasatan, Encik An Seokmo. Kedua-dua Suruhanjaya berkongsi pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pengendalian aduan, isu mengenai pekerja asing, penahanan pendatang asing dan pengintegrasian sosial. Suruhanjaya juga mengatur satu lawatan bagi delegasi tersebut ke sebuah pusat tahanan imigresen di Malaysia. |
| 16 Oktober | Wakil daripada <i>Swedish International Development Cooperation Agency</i> (SIDA) telah melawat Suruhanjaya untuk mendapatkan maklumat mengenai kerja Suruhanjaya serta jalinan kerjasama dengan rangkaian hak asasi manusia serantau. |
| 1 Disember | Suruhanjaya telah menerima lawatan dari Pelapor Khas PBB Mengenai Hak kepada Kesihatan, Encik Dainius Puras serta pembantunya Cik Dolores Infante Canibano dari Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR). Ini adalah untuk membincangkan isu-isu dan cabaran dalam merealisasikan hak kepada kesihatan di Malaysia, terutamanya penjagaan kesihatan untuk golongan rentan. |



Anggota Suruhanjaya dan Pelapor Khusus PBB mengenai Hak kepada Kesihatan, Encik Dainius Puras serta pembantunya Cik Dolores Infante Canibano

(b) Kunjungan Hormat dan Mesyuarat

Pada 21 April, Suruhanjaya membuat kunjungan kepada Menteri Dalam Negeri, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Sesi yang turut dihadiri oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan telah membincangkan beberapa isu hak asasi manusia yang berkaitan kajian tematik Suruhanjaya mengenai hak kepada kesihatan di penjara dan kematian dalam tahanan polis, pekerja asing, kanak-kanak di pusat tahanan imigresen serta pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1953.

Pada 28 April, Suruhanjaya telah membuat kunjungan hormat kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar. Antara isu yang dibincangkan adalah kematian dalam tahanan polis, keadaan dan kemudahan di lokap polis, syor-syor utama Suruhanjaya mengenai perhimpunan aman, penggunaan Akta Pencegahan Jenayah dan juga maklum balas rasmi PDRM terhadap aduan yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya.

Pada 14 Oktober, Suruhanjaya telah bertemu dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan untuk membincangkan beberapa perkara penting berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Pemilih Parlimen Tetap Mengenai Hak Asasi Manusia, cadangan pindaan ke atas akta penubuhan Suruhanjaya, cadangan untuk menubuhkan majlis media, perkembangan terbaru NHRAP, syor-syor UPR serta hukuman mati mandatori di Malaysia.

7. HUBUNGAN MEDIA

Suruhanjaya telah mengeluarkan sebanyak 25 kenyataan media, menghadiri 22 wawancara media dan menjawab 20 pertanyaan media mengenai pelbagai isu hak asasi manusia. Ini termasuk isu penggunaan Akta Hasutan, Akta Pencegahan Jenayah, UPR Kedua Malaysia, kebebasan berserikat dan bersuara, pemerdagangan orang, hak asasi manusia dan perniagaan, pekerja asing, Orang Kurang Upaya (OKU), kematian dalam tahanan, empangan Baram dan Lebuhraya Kinrara Damansara (KIDEX), penghantaran pulang 155 orang Uighur dari Malaysia, kajian tematik Suruhanjaya mengenai hak kepada kesihatan di penjara dan juga kematian dalam tahanan polis serta NHRAP.

Suruhanjaya juga telah mengadakan enam sidang media, di mana dua daripadanya adalah bersempena pengumuman awam Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 dan Majlis Anugerah Hak Asasi Manusia, serta empat sesi taklimat mengenai UPR yang dijalankan di Kuala Lumpur, Terengganu, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak. Satu sesi media juga telah diadakan pada 18 November di Kuching, Sarawak untuk memberi taklimat kepada media tentang kerja Suruhanjaya dan juga beberapa isu hak asasi manusia utama di Sarawak.

Setakat 31 Disember, halaman Facebook Suruhanjaya mempunyai 3,812 peminat manakala akaun Twitter Suruhanjaya mempunyai 8,825 pengikut.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Bahagian Pendidikan beriltizam untuk memastikan konsep hak asasi manusia diketahui, difahami dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Walaupun konsep hak asasi manusia sudah tidak asing lagi di kalangan masyarakat, Bahagian Pendidikan akan berusaha lebih gigih lagi untuk memastikan yang ia difahami dan diamalkan dengan baik di dalam kehidupan seharian semua rakyat Malaysia.

Suruhanjaya, menerusi **Bahagian Perhubungan Awam**, akan terus meningkatkan usahanya untuk menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dan meningkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia di semua peringkat masyarakat melalui pelbagai pendekatan termasuk penjenamaan korporat, advokasi awam dan kempen serta pembinaan rangkaian.

BAB

2

LAPORAN KUMPULAN ADUAN, PEMANTAUAN DAN INKUIRI

- Bahagian Aduan dan Pemantauan
- Bahagian Inkuiri

I. BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

Kebebasan tidak pernah diberikan secara sukarela oleh sang penindas; ianya mestilah dituntut oleh yang tertindas.

Martin Luther King, Jr.

Aktivis kemanusiaan, ketua *African-American Civil Rights Movement*

Kajian tematik sangat membantu dalam mengenalpasti isu utama dan memberikan asas untuk perubahan dan tindakan seterusnya secara praktikal dan positif, Suruhanjaya telah menjalankan dua kajian sedemikian pada tahun 2012 untuk isu kanak-kanak dengan masalah pembelajaran dan hak warga emas. Pada tahun ini, Suruhanjaya telah memulakan dua kajian tematik baru yang melibatkan hak kepada kesihatan dan juga penjagaan kesihatan, bertajuk 'Kematian dalam Tahanan Polis' dan 'Hak kepada Kesihatan di Penjara'. Kajian ini telah dipilih sebagai tindak balas kepada aduan yang telah diterima oleh Suruhanjaya.

1. KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS – SATU KAJIAN

Hak untuk hidup adalah prinsip moral berdasarkan kepercayaan bahawa manusia mempunyai hak untuk hidup dan, khususnya, tidak harus dibunuh secara tidak adil oleh orang yang lain.

Artikel 3, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR)

Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjamin hak untuk hidup dan hak kebebasan individu. Artikel 3 UDHR pula menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk hidup, hak kebebasan dan hak keselamatan. Kesemua hak ini adalah sangat penting terutamanya bagi mereka yang dalam tahanan kerana mereka tertakluk kepada sekatan dan menghadapi risiko layanan buruk atau yang menjatuhkan maruah.

Di Malaysia, jumlah kematian dalam tahanan polis secara jelasnya agak tinggi dan ianya telah mendapat perhatian orang awam. Walaupun polis mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman, dan untuk menangkap sesiapa saja yang telah mencabuli undang-undang, mereka juga mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk melindungi orang yang ditahan daripada sebarang mudarat yang disengajakan sama ada oleh diri sendiri atau orang lain. Dari itu, sekiranya berlaku kematian dalam tahanan polis, ianya menimbulkan kontroversi dan kekusaran bukan saja kepada polis tetapi juga kepada keluarga si mati.

Menurut polis, 242 orang telah mati di bawah tahanan mereka sejak tahun 2000 sehingga Februari 2014. Sejak 2010, jumlah kematian telah meningkat dari 9 ke 20 kematian pada 2013. Walau bagaimanapun, menurut polis, daripada jumlah 242 kematian tersebut, hanya dua adalah disebabkan oleh polis.

Sejak 2010, jumlah kematian telah meningkat dari 9 ke 20 kematian pada 2013. Walau bagaimanapun, menurut polis, daripada jumlah 242 kematian tersebut, hanya dua adalah disebabkan oleh polis.

Jumlah ini menunjukkan kemungkinan terdapat masalah sistemik dalam pengurusan dan pengendalian tahanan di dalam lokap polis. Suruhanjaya juga telah menjadi saluran buat ahli keluarga si mati dan kumpulan masyarakat sivil untuk mencari keadilan. Oleh itu, Suruhanjaya mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian berhubung kematian dalam tahanan polis. Kajian ini tertumpu bukan saja kepada hak dan penjagaan kesihatan tahanan tetapi juga kebajikan dan hak anggota polis yang terlibat secara langsung dengan tahanan.

(a) Objektif

Objektif keseluruhan kajian ini adalah untuk meneliti keadaan yang menyelubungi kematian di dalam tahanan, trend dan titik persamaan, serta mencadangkan langkah-langkah untuk mencegah atau mengurangkan kejadian seumpamanya; kajian ini bukan bertujuan untuk menuding jari. Objektifnya boleh diringkaskan seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti faktor dan keadaan yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan;
- ii. Untuk memberikan pendapat dan cadangan demi memperbaiki undang-undang dan polisi;
- iii. Untuk terus memperbaiki dan mengukuhkan prasarana dan kemudahan bagi siasatan yang lebih berkesan;
- iv. Untuk mengenalpasti amalan terbaik negara lain yang menyumbang kepada pengurangan kematian dalam tahanan.
- v. Untuk membentuk satu modul latihan bagi menyampaikan maklumat yang relevan kepada pasukan polis, berdasarkan kepada penemuan dan syor-syor kajian.



Pemerhatian keadaan lokap oleh Suruhanjaya

(b) Kaedah Penyelidikan

Suruhanjaya telah mengumpul data dengan melawat lokap-lokap di seluruh negara dan menjalankan temubual dengan tahanan dan pihak polis.

Jadual 1: Jumlah Orang Yang Ditemubual

| | | |
|--------|--|-----|
| 1. | Ketua Balai Polis (OCS) | 46 |
| 2. | Pegawai Penyiasat/Penolong Pegawai Penyiasat(IO/AIO) | 275 |
| 3. | Sentri | 129 |
| 4. | Tahanan | 463 |
| Jumlah | | 913 |

Suruhanjaya juga membuat pemerhatian dan pemeriksaan di tempat bertugas anggota, lokap-lokap dan kawasan sekeliling seperti bilik soal siasat, ruang simpanan atau kawasan di mana barangan kepunyaan tahanan disimpan dan bilik kawad cam.

Jadual 2: Jumlah Pemerhatian Yang Dibuat di Balai Polis

| | | |
|----|------------------------|-----|
| 1. | Lokap | 47 |
| 2. | Tempat bertugas IO/AIO | 109 |

(c) Perbincangan Interaktif Tentang Amalan Terbaik Untuk Mencegah Kematian Dalam Tahanan

Pada 17 Disember, Suruhanjaya dengan kerjasama Pejabat Serantau Pesuruhjaya Tinggi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Hak Asasi Manusia di Bangkok telah menganjurkan 'Perbincangan Interaktif Tentang Amalan Terbaik untuk Mencegah Kematian dalam Tahanan'. Program sehari ini diadakan di Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh ahli dan kakitangan Suruhanjaya, wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara. Pakar Kepolisan PBB, Encik Amod Gurung menghadiri bengkel tersebut sebagai pakar rujuk dan memberikan pandangan berkenaan isu yang berkaitan dengan kematian dalam tahanan. Beliau juga berkongsi pengalaman serantau dan sedunia dalam mencegah kematian dalam tahanan.

Pada masa ini, data yang telah dikumpulkan sedang disusun dan dianalisa. Laporan penuh mengenai isu yang menyelubungi kematian dalam tahanan polis serta penemuan dan syor-syor Suruhanjaya akan diterbitkan pada tahun 2015.

Suruhanjaya mengambil maklum akan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 yang menyatakan bahawa sejak 15 April Mahkamah Koroner telah ditubuhkan di setiap negeri. Hakim berpengalaman dari Mahkamah Sesyen telah dilantik sebagai koroner.

2. HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA

Adalah menjadi hasrat saya bahawa kesihatan akhirnya tidak lagi dilihat sebagai rahmat yang harus didoakan, tetapi sebagai hak asasi manusia yang harus diperjuangkan.

Kofi Annan

Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu

Semakin disedari bahawa penjagaan kesihatan yang baik di penjara bererti penjagaan kesihatan awam yang baik.

Dr Nata Menabde

Timbalan Pengarah Serantau, Pejabat Serantau Eropah Pertubuhan Kesihatan Sedunia

Hak kepada kesihatan adalah hak asasi yang utama. Hak untuk menikmati kesihatan fizikal dan mental di tahap yang tertinggi bukanlah sesuatu yang baru. Di peringkat antarabangsa, ianya pertama kali dinyatakan di dalam Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1946, yang mana prakatanya mentafsirkan kesihatan sebagai “kesejahteraan fizikal, mental dan sosial yang lengkap dan bukan sekadar ketiadaan penyakit atau ketidakupayaan¹”. Definisi ini tidak pernah dipinda sejak 1948. Prakatanya turut menyatakan bahawa “menikmati tahap kesihatan fizikal dan mental yang tertinggi adalah salah satu hak asas bagi setiap manusia tanpa mengira bangsa, agama, pegangan politik, keadaan ekonomi mahupun keadaan sosial”; dalam kata lain, menikmati tahap kesihatan fizikal dan mental yang tertinggi adalah hak asasi manusia yang asas, tanpa sebarang diskriminasi. Hak kepada kesihatan - yang diumumkan dengan tegas dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat² (UDHR) dan termaktub di dalam Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan³ (ICESCR) pada tahun 1966 - adalah asas kepada urus tadbir kesihatan sedunia.

Memandangkan umum telah mempersetujui bahawa hak asasi manusia adalah saling bergantung, semulajadi, sejagat, saling berhubung kait dan tidak dapat dipisahkan, pelanggaran hak kepada kesihatan mungkin merencatkan hak asasi yang lain seperti hak kepada pendidikan atau pekerjaan. Berdasarkan perkara ini, Suruhanjaya pada tahun 2014 mengambil ‘Hak kepada Kesihatan di Penjara’ sebagai salah satu daripada dua isu tematik dalam tugasnya untuk memastikan keadaan penjara di negara ini adalah mengikut perlembagaan dan selari dengan prinsip-prinsip kesihatan, keselamatan dan maruah insan dalam mencapai sistem keadilan jenayah yang menghormati hak individu.

Banduan secara umumnya menanggung beban masalah kesihatan yang lebih berat kerana penjagaan kesihatan mereka sering terabai. Prinsip Asas PPB Bagi Layanan Terhadap Banduan (1990) menyatakan bahawa “banduan hendaklah mempunyai akses kepada khidmat penjagaan kesihatan yang tersedia dalam negara tanpa dikriminasi berasaskan situasi perundangan mereka” (Prinsip 9, A/RES/45/111). Ianya juga diterima bahawa banduan adalah anggota masyarakat yang rentan kerana mereka berada di bawah kawalan penuh orang lain iaitu pengurusan penjara.

Suruhanjaya berpendapat bahawa reformasi penjara perlu menangani masalah-masalah yang sedang mempengaruhi sistem penjara di Malaysia termasuklah:

- Perubatan/penjagaan kesihatan di penjara
- Penjagaan kesihatan mental di penjara
- Keadaan penjara

Jumlah banduan yang melalui sistem penjara Malaysia dikatakan meningkat saban tahun. Status kesihatan banduan kebiasaannya adalah teruk dan ianya berhubung kait dengan status sosio-ekonomi mereka yang rendah. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh Suruhanjaya,

1 Prakata kepada Perlembagaan WHO seperti yang diterima pakai oleh Persidangan Kesihatan Antarabangsa, New York, 19-22 Jun, 1946; ditandatangani pada 22 Julai 1946 oleh wakil-wakil 61 negara (Rekod Rasmi Pertubuhan Kesihatan Sedunia, no. 2, ms. 100) dan mula berkuat kuasa pada 7 April 1948.

2 Artikel 25

3 Artikel 12

tahap penyakit mental, penyakit kronik dan penyakit berjangkit serta kehilangan upaya amat tinggi di kalangan banduan.

Telah diperhatikan juga bahawa banyak lagi yang boleh dibuat untuk menangani keperluan kesihatan banduan, yang seringkali pulang kepada masyarakat dalam keadaan kesihatan yang lebih teruk dari sebelumnya. Oleh sebab banduan dan ahli masyarakat sentiasa saling bertukar, isu penjagaan kesihatan di dalam penjara menjadi isu kesihatan awam untuk komuniti secara meluas. Kesimpulannya, kesihatan banduan dan kesihatan keseluruhan masyarakat adalah saling berkait. Oleh yang demikian, status kesihatan di kalangan banduan tidak boleh dilihat secara terpencil dan perlu dipertimbangkan dari sudut kesannya terhadap populasi umum, kerana banduan lazimnya akan pulang kepada keluarga dan masyarakat.

Memandangkan bahawa pemenjaraan bukan hanya suatu isu jenayah dan hukuman tetapi juga isu kesihatan awam, Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan, melalui Jabatan Penjara, mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa banduan mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang amnya setaraf dengan perkhidmatan kesihatan bagi masyarakat umum.

Suruhanjaya mengambil maklum akan Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2013 yang menyatakan bahawa selain daripada doktor panel, Kementerian Kesihatan telah menempatkan Pembantu Perubatan di semua penjara, kecuali tiga, di seluruh negara.

(a) Kaedah Penyelidikan

Kaedah penyelidikan melibatkan pengumpulan data yang relevan melalui tinjauan dan semakan semula amalan dan prosedur penjara yang sedia ada berkaitan dengan hak kepada kesihatan.

Lawatan telah dijalankan ke 24 buah penjara di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak dengan jumlah 5484 orang banduan (lelaki dan wanita) telah disoal selidik. Jumlah ini termasuklah 893 orang kakitangan penjara dan 51 orang pembantu perubatan.

Pada masa ini, data yang telah dikumpulkan sedang disusun dan dianalisa. Laporan penuh berhubung situasi kesihatan di penjara di Malaysia, penemuan dan syor-syor, serta amalan terbaik di peringkat antarabangsa akan diterbitkan pada tahun 2015.


BAHAGIAN ADUAN DAN PEMANTAUAN

1. PENYELESAIAN ADUAN

(a) Statistik

Sepanjang tahun ini, Suruhanjaya telah menerima sejumlah 717 aduan di pejabat-pejabatnya di Kuala Lumpur (409), Sabah (279) dan Sarawak (29). Daripada jumlah ini, 15 aduan diterima dalam bentuk memorandum.

Rajah 1: Aduan Diterima, 2009-2014




Selepas pertimbangan, Suruhanjaya memutuskan bahawa 269 aduan adalah di luar bidang kuasanya, kerana melibatkan:

- Pertikaian yang belum selesai di mahkamah atau yang telah diselesaikan oleh mahkamah;
- Isu-isu pentadbiran yang perlu ditangani oleh agensi-agensi berkaitan; dan
- Perkara yang berada di bawah bidang kuasa badan profesional.


Walau bagaimanapun, Suruhanjaya telah membantu pengadu sama ada dengan cara memajukan aduan mereka atau merujuk mereka kepada agensi yang berkaitan. Daripada 448 aduan yang diterima, Suruhanjaya telah menyelesaikan 195 kes (Rajah 2) manakala yang selebihnya masih dalam siasatan.

Rajah 2: Kes Selesai dan Dalam Siasatan, 2014



Jumlah keseluruhan aduan telah meningkat sebanyak 93 kes (15%) berbanding dengan 2013. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bimbang dengan jumlah aduan di Pejabat Kuching di Sarawak yang kekal rendah. Suruhanjaya memandang serius perkara ini dan akan mengambil beberapa langkah seperti mengadakan lebih banyak program untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan.

Rajah 3: Kes selesai dan dalam siasatan, 2010-2014



Jadual 3: Pecahan Aduan, 2014

| BIL | HAK ASASI YANG TERLIBAT/JENIS PENCABULAN HAK | KL | SABAH | SARAWAK |
|-----|---|----|-------|---------|
| 1. | Maruah insan | 6 | - | - |
| 2. | Kesaksamaan/Diskriminasi (atas dasar bangsa, agama, jantina, ketidakupayaan, pendirian politik dan lain-lain) | 7 | 1 | 2 |
| 3. | Hak kepada nyawa | 7 | - | - |
| 4. | Kebebasan asasi dan keselamatan diri | 49 | - | 1 |
| 5. | Pemerdagangan/penyeludupan manusia | 2 | - | 1 |
| 6. | Hukuman yang zalim, menjatuhkan maruah atau tidak berperikemanusiaan | 13 | 3 | - |
| 7. | Tangkapan, penahanan atau pembuangan daerah secara sewenang-wenangnya | 22 | - | - |
| 8. | Kesaksamaan di sisi undang-undang/Hak ke atas percabaran yang adil | 10 | - | 1 |
| 9. | Hak kepada privasi | - | - | - |
| 10. | Hak untuk bergerak bebas | 3 | 10 | - |
| 11. | Hak untuk mendapatkan suaka dan status pelarian | 38 | - | - |
| 12. | Hak kepada kewarganegaraan | 12 | 97 | 1 |
| 13. | Hak untuk memiliki harta | 7 | - | - |
| 14. | Kebebasan berfikir, menentukan salah dan benar, dan beragama | 3 | - | - |
| 15. | Kebebasan berpendapat dan bersuara | 1 | - | - |
| 16. | Kebebasan berhimpun secara aman | 3 | - | - |
| 17. | Kebebasan bersatu | 2 | - | - |
| 18. | Hak untuk turut serta dalam pentadbiran negara/hak pengundi | 1 | - | - |
| 19. | Hak untuk bekerja/mendapat pekerjaan dan hak pekerja migran | 38 | - | - |
| 20. | Hak untuk berehat dan menikmati masa lapang | 1 | - | - |
| 21. | Hak kepada taraf kehidupan yang mencukupi (makanan, pakaian, perumahan, penjagaan perubatan) | 16 | - | - |
| 22. | Hak kepada pendidikan | 7 | 3 | - |
| 23. | Hak untuk bebas menyertai kehidupan budaya masyarakat | - | - | - |

| BIL | HAK ASASI YANG TERLIBAT/JENIS PENCABULAN HAK | KL | SABAH | SARAWAK |
|---------------|--|------------|------------|-----------|
| 24. | Hak-hak alam sekitar | 1 | - | - |
| 25. | Hak Tanah Adat Anak Negeri | 3 | 56 | 7 |
| 26. | Lain-lain | 10 | 3 | - |
| JUMLAH | | 262 | 173 | 13 |



Pesuruhjaya menerima memorandum daripada peneroka Felda

2. ISU-ISU YANG BERBANGKIT DARIPADA ADUAN

(a) Tangkapan dan Penahanan

Antara aduan (Jadual 4) yang dibawa ke perhatian Suruhanjaya adalah dakwaan mengenai:

- i. penggunaan kekerasan yang melampau oleh pihak polis semasa tangkapan, siasatan dan penahanan;
- ii. kegagalan pihak polis untuk menyatakan sebab tangkapan dan memaklumkan keluarga suspek mengenai penangkapannya; menghalang ahli keluarga daripada melawat suspek yang ditahan; bersubahat dengan satu pihak dengan meminta pengadu supaya menarik semula laporan polis atau tidak meneruskan kes; tidak memulangkan barangan berharga milik suspek; memanjangkan tempoh tahanan dengan menangkap semula suspek; dan
- iii. tidak mengambil tindakan terhadap laporan polis yang dibuat.

Jadual 4: Aduan Terhadap Polis, 2014

| ADUAN | BILANGAN/LOKASI | | |
|--|-----------------|----------|----------|
| | Kuala Lumpur | Sabah | Sarawak |
| Penggunaan kekerasan yang melampau semasa tangkapan dan siasatan | 13 | 0 | 0 |
| Penyalahgunaan kuasa | 21 | 0 | 0 |
| Tidak mengambil tindakan terhadap laporan | 20 | 3 | 0 |
| JUMLAH | 54 | 3 | 0 |

Setelah diteliti, Suruhanjaya memajukan aduan yang berkenaan kepada pihak polis untuk maklum balas dan tindakan. Sejak 2013, Suruhanjaya dan PDRM telah mewujudkan hubungan kerja di mana kesemua aduan yang berhubung kait dengan pihak polis akan disalurkan kepada Setiausaha PDRM di Bukit Aman. Setiausaha tersebut bertanggungjawab untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak polis dan memajukannya kepada Suruhanjaya.

(b) Gesaan Pelajar Universiti Untuk Pemansuhan AUKU

Suruhanjaya menerima aduan daripada beberapa kumpulan pelajar yang mendakwa bahawa tindakan tatatertib yang diambil oleh pihak pentadbiran universiti masing-masing telah mencabul hak asasi mereka yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Satu kumpulan dari Universiti Malaya (UM) telah menzahirkan ketidakpuasan mereka apabila rakan pelajar mereka telah diberikan surat tunjuk sebab kerana menyertai bantahan di hadapan Parlimen pada 8 April dan semasa lawatan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama ke UM.

Pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Antarabangsa Labuan mendakwa bahawa 16 orang pelajar telah dikenakan prosiding disiplin serta tindakan seperti amaran dan penggantungan dari kolej kediaman kerana mereka didakwa telah menyertai suatu perhimpunan di pekarangan universiti tanpa kebenaran.

Pelajar dari UiTM cawangan Sabah memaklumkan Suruhanjaya bahawa salah seorang daripada mereka telah dikenakan tindakan tatatertib kerana didakwa membuat kenyataan yang menyokong 16 orang pelajar UMS di media sosial. Beliau telah diminta untuk menjawab 11 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya oleh lembaga disiplin.

(c) Empangan Murum

Pada 18 Jun, Suruhanjaya telah melawat kawasan penempatan semula Orang Asal. Suruhanjaya telah ke sekolah rendah SK Tegulang, serta kawasan penempatan semula Long Malim (Kenyah) dan Long Wat (Penan). Selain itu, Suruhanjaya juga melawat kawasan pembinaan Empangan Hidroelektrik Murum. Lawatan ini telah dianjurkan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB).

Sebelum lawatan tersebut, Suruhanjaya telah diberikan taklimat oleh SEB berhubung pelbagai usaha mereka dalam membantu pemindahan dan penempatan semula komuniti-komuniti Orang Asal.

Sila rujuk mukasurat 112 untuk isu yang dibincangkan bersama SEB dan penemuan Suruhanjaya berkenaan keadaan sekolah rendah dan kawasan penempatan semula tersebut.

(d) Hak Pekerja

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah membuat aduan kepada Suruhanjaya pada bulan Oktober, mendakwa bahawa aktiviti melemahkan kesatuan oleh majikan kian berterusan. Menurut MTUC, majikan telah mengambil tindakan tatatertib, menggantung dan memecat pemegang jawatan dan ahli kesatuan.

Antara kes yang disebut oleh MTUC adalah kes Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang telah memecat Presiden, Timbalan Presiden dan 41 orang ahli Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB dan menggantung 27 orang ahli lagi kerana mogok. Dalam kes lain, *Malaysia Airline System Berhad* (MAS) telah memecat Presiden Kesatuan Kebangsaan Anak-anak Kapal Kabin Malaysia (NUFAM) kerana telah mengeluarkan kenyataan media. Setiausaha Agung NUFAM dan lima orang ahli kesatuan turut dipecat kerana aktiviti kesatuan.

(e) Pelarian dan Pencari Suaka

i. Pelarian dan UNHCR

Sejumlah 38 aduan berhubung dengan pelarian diterima, kebanyakannya daripada pelarian Myanmar, Pakistan, Syria dan Sri Lanka. Suruhanjaya berjumpa dengan wakil UNHCR pada 5 Mei untuk berbincang lebih lanjut hal-hal yang menjadi kekhawatiran seperti kelewatan pendaftaran UNHCR, pengeluaran kad UNHCR, program penempatan semula, masalah kewangan pelarian, perlindungan yang diberikan oleh UNHCR dan isu penahanan di Hospital Kuala Lumpur.

Memandangkan ia satu-satunya organisasi yang bertanggungjawab untuk pendaftaran pelarian, UNHCR tidak dapat mempercepatkan proses pendaftaran kerana jumlah pelarian yang semakin meningkat, ditambah pula dengan kekurangan kapasiti dan sumber. Selaras dengan itu, UNHCR ingin mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia mempertimbangkan untuk mendaftar kumpulan rentan ini di bawah jentera negara sendiri. Bagi permohonan penempatan semula, menurut UNHCR, semua permohonan perlu dinilai dan penempatan semula perlu berdasarkan kriteria negara penerima.

Disebabkan kekurangan sumber, UNHCR hanya dapat menyediakan bantuan jangka pendek. Bagi kes perubatan, pelarian berdaftar layak menerima diskaun 50% di hospital Kerajaan (dengan surat jaminan daripada UNHCR). Mereka yang diwadkan serta memerlukan pemeriksaan susulan yang kerap akan disediakan dengan bantuan jangka pendek (RM300-RM400 untuk seluruh keluarga). Pasukan Perubatan UNHCR menjalankan lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen secara berkala. *International Committee on the Red Cross* (ICRC) dan NGO lain juga ada menghantar pasukan mereka untuk memberikan ubatan atau mengesyorkan rawatan lanjut.

UNHCR tidak menyediakan rumah perlindungan kerana kekurangan sumber. Walau bagaimanapun, melalui kerjasama dengan NGO, kanak-kanak bawah umur yang tiada

penjaga (UAM) serta mangsa seksual dan gender akan dihantar ke rumah perlindungan di bawah pengurusan orang awam yang dipercayai dan komuniti agama. Isu timbul apabila pelarian Muslim Rohingya tinggal di rumah perlindungan Kristian dan UNHCR mencadangkan supaya Suruhanjaya menghubungi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk membantu menyediakan rumah perlindungan untuk pelarian Muslim. Pada masa ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyediakan tempat perlindungan untuk UAM dan Suka Society pula menyediakan khimat kaunseling kepada kanak-kanak tersebut. Pelarian yang dibebaskan dari Pusat Tahanan Imigresen akan tinggal secara sementara di rumah perlindungan di bawah pengurusan NGO. UNHCR tidak lagi melepaskan anak gadis kepada saudara lelaki mereka tanpa siasatan lanjut. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang risiko yang mereka dilepaskan kepada sindiket pelacuran dan mengemis. Sekiranya penahanan berlaku, ahli keluarga tahanan dibolehkan pergi ke UNHCR untuk memohon pelepasan. Semasa lawatan ke Pusat Tahanan Imigresen, UNHCR akan mendaftarkan nama mereka dan memproses permohonan tersebut. Senarai tersebut akan dimajukan kepada Jawatankuasa Rayuan Imigresen (JKRIM) untuk pengesahan lanjut dan senarai akhir akan diberikan kepada Pusat Tahanan Imigresen untuk tujuan pelepasan.

ii. Tangkapan di Hospital Kuala Lumpur

Suruhanjaya telah didatangi oleh beberapa NGO berhubung isu penahanan pendatang tanpa dokumen, pelarian tidak berdaftar dan pencari suaka di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Sehubungan itu, satu lawatan merangkap mesyuarat telah diadakan dengan Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan pada 12 Mei untuk membincangkan isu-isu tersebut. Didapati bahawa terdapat arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah HKL supaya Jabatan Imigresen mesti dimaklumkan sekiranya pendatang tanpa izin/pendatang tanpa dokumen mendapatkan rawatan. Setelah dimaklumkan, mereka akan ditahan sebaik saja dibenarkan keluar dari hospital. Semasa lawatan, Suruhanjaya memerhatikan bahawa ibu dan bayi yang baru dilahirkan yang telah ditahan di hospital dibenarkan untuk mendiami bilik yang berasingan dengan kelengkapan asas seperti lampin dan baju. Menurut Jabatan Imigresen, dokumen mereka akan disiapkan secepat mungkin untuk mengelakkan penahanan yang lama.

Jabatan Imigresen dan HKL melaporkan bahawa pihak berkuasa perlu menahan pendatang tanpa izin atas pelbagai sebab, seperti isu kesesakan migran di hospital Kerajaan yang menyebabkan jumlah katil di hospital tidak mencukupi. Sebab lain adalah kebanyakan pendatang tanpa izin tidak mampu membayar bil rawatan, menyebabkan HKL mengalami tunggakan bayaran sehingga RM2.8 juta.

Suruhanjaya menyuarakan kekhawatirannya tentang kemungkinan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia akibat penahanan pendatang tanpa dokumen di hospital. Ini boleh menyebabkan pendatang tanpa dokumen berasa takut untuk mendapatkan rawatan di hospital, dan ekoran dari itu, ia boleh membawa impak negatif kepada kesihatan awam pula.

Suruhanjaya berpendapat bahawa Kerajaan seharusnya menangani isu pendatang tanpa dokumen dengan cara yang lebih menyeluruh, dengan menangani isu seperti kawalan

sempadan, penyalahgunaan visa sosial dan penguatkuasaan terhadap majikan yang mengupah pendatang tanpa dokumen. Pendekatan ini lebih sesuai daripada menahan pendatang tanpa dokumen semasa mereka mendapatkan rawatan di hospital.

3. KANAK-KANAK DI PUSAT TAHANAN IMIGRESEN

(a) Penahanan Kanak-kanak di Malaysia

Tahun ini Suruhanjaya dan masyarakat umum berusaha untuk mencari alternatif selain penahanan imigresen bagi kanak-kanak. Beberapa mesyuarat telah diadakan bersama Jabatan Imigresen, dan Suruhanjaya mengambil maklum yang Jabatan tersebut turut bersimpati dengan keadaan kanak-kanak di Pusat Tahanan Imigresen (IDC). Pada masa ini tiada alternatif yang ada untuk kanak-kanak yang ditangkap bersama dengan keluarga atau penjaga semasa serbuan. Individu di bawah umur 18 tahun adalah dikecualikan daripada tangkapan tetapi sekiranya mereka ditangkap bersama-sama keluarga atau penjaga, agensi penguatkuasa tiada pilihan selain membawa mereka ke IDC.

Pada masa ini terdapat 12 IDC yang mempunyai tahanan termasuk tahanan kanak-kanak. Alternatif kepada penahanan (ATD) merupakan salah satu daripada cara untuk menyelesaikan isu penahanan kanak-kanak di IDC.

Kanak-kanak di bawah tahanan dibahagikan kepada kategori berikut:

- Lelaki dan perempuan di bawah umur 12 tahun (tinggal di blok wanita)
- Lelaki berumur 13-18 tahun (tinggal di blok lelaki)

Jadual 5: Statistik Kanak-kanak Bawah Tahanan mengikut Depot (sehingga 26 Sept 2014)

| LOKASI | KANAK KANAK BAWAH TAHANAN | | | | JUMLAH |
|----------------|---------------------------|-----------|-------------|-----------|--------|
| | BAWAH 12 TAHUN | | 13-18 TAHUN | | |
| | LELAKI | PEREMPUAN | LELAKI | PEREMPUAN | |
| 1. Semenyih | 82 | 13 | 65 | 6 | 166 |
| 2. Tanah Merah | 159 | 29 | 0 | 0 | 188 |
| 3. Ajil | 7 | 16 | 95 | 9 | 127 |
| 4. Lenggeng | 22 | 5 | 0 | 0 | 27 |
| 5. Bukit Jalil | 6 | 3 | 120 | 6 | 135 |
| 6. KLIA | 56 | 48 | 0 | 0 | 104 |
| 7. Juru | 12 | 10 | 101 | 12 | 135 |
| 8. Langkap | 12 | 16 | 122 | 6 | 156 |
| 9. Pekan Nanas | 2 | 2 | 62 | 2 | 68 |
| 10. Bekenu | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

| LOKASI | KANAK KANAK BAWAH TAHANAN | | | | JUMLAH |
|------------------|---------------------------|------------|-------------|-----------|-------------|
| | BAWAH 12 TAHUN | | 13-18 TAHUN | | |
| | LELAKI | PEREMPUAN | LELAKI | PEREMPUAN | |
| 11. Machap Umboo | 8 | 8 | 55 | 19 | 90 |
| 12. Semuja | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 366 | 150 | 620 | 60 | 1196 |

Pusat tahanan berfungsi sebagai tempat transit sebelum pendatang tanpa dokumen dihantar pulang. Tiada blok tahanan berasingan dengan fasiliti untuk kanak-kanak kecuali di Pusat Tahanan Ajil. Walau bagaimanapun, selepas Operasi Bersepadu,⁴ semua pusat tahanan menjadi sesak dan Jabatan Imigresen terpaksa menghantar kanak-kanak ke lokasi lain di seluruh negara dan seterusnya kawasan permainan untuk kanak-kanak di Pusat Tahanan Ajil telah ditutup.

Di pusat tahanan, kanak-kanak diberikan perlindungan, makanan dan penjagaan kesihatan tetapi tiada sebarang fasiliti untuk pendidikan kerana sifat penahanan yang sementara. Kerajaan Malaysia tidak menanggung kos pengusiran yang mana ianya perlu ditanggung oleh kedutaan berkenaan atau ahli keluarga individu yang ditahan. Ini menyebabkan kelewatan dalam proses pengusiran sehingga menyebabkan tempoh tahanan individu dewasa menjadi panjang dan ini juga memberi kesan terhadap kanak-kanak.

(b) Menubuhkan Kumpulan Kerja Untuk ADT

Suruhanjaya dan beberapa organisasi masyarakat umum, dalam usaha untuk menangani isu kanak-kanak di dalam tahanan Imigresen, telah meneliti pelbagai alternatif kepada penahanan dan juga telah merujuk kepada amalan terbaik di negara lain.

Suruhanjaya telah membentangkan cadangan kepada Menteri Dalam Negeri yang menyokong inisiatif tersebut dan meminta Suruhanjaya untuk bekerjasama dengan Jabatan Imigresen. Ekoran itu, satu kumpulan kerja telah dibentuk untuk mengkaji dan membuat cadangan berkenaan pelbagai model ATD. Ahli kumpulan kerja berkenaan adalah Jabatan Imigresen, Suruhanjaya, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Khidmat Masyarakat (JKM) dan beberapa kumpulan masyarakat.

Kumpulan kerja ini telah bersetuju untuk memulakan projek perintis di mana kanak-kanak yang tiada penjaga menjadi keutamaan. Kanak-kanak dengan keluarga atau penjaga tidak akan menjadi fokus pada peringkat ini kerana status penahanan ibu bapa mereka. Fokus ini juga terhad kepada kanak-kanak di IDC di Semenanjung.

⁴ Operasi Bersepadu (Fasa 2) adalah suatu operasi yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen dari 21 Jan-Nov 2014 bagi menangani isu individu tanpa dokumen di Malaysia

4. MENJADI PEGUAM PEMERHATI

Suruhanjaya, melalui Kumpulan Aduan, Pemantauan dan Inkuiri telah menjadi peguam pemerhati dalam beberapa kes melibatkan hak kanak-kanak dan kebebasan bersuara dan berpendapat.

Jadual 6: Ringkasan Kes-kes Di Mana Suruhanjaya Menjadi Peguam Pemerhati

| KES | ISU | LOKASI |
|---------------------------|---|---------------------------------|
| Navin v Kerajaan Malaysia | Kewarganegaraan – Hak kanak-kanak | Mahkamah Tinggi (Kuala Lumpur) |
| DPP v Azmi Sharom | Kebebasan berpendapat – Kebebasan bersuara – Akta Hasutan – Kebebasan akademik – UDHR | Mahkamah Seksyen (Kuala Lumpur) |
| DPP v Abdullah Zaik | Kebebasan berpendapat – Kebebasan bersuara – Akta Hasutan – UDHR | Mahkamah Seksyen (Kajang) |

5. AKTIVITI PEMANTAUAN

Suruhanjaya telah memantau empat perhimpunan awam – Hari Mei, 'Hentikan Rogol: Aku Kisah', bantahan terhadap projek empangan mega dan 'Berjalan untuk Keamanan dan Kebebasan'. Sementara Hari Mei diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, dan 'Berjalan untuk Keamanan dan Kebebasan' diadakan di hadapan Parlimen, dua lagi perhimpunan diadakan di hadapan SOGO KL dan KLCC.

Jadual 7: Aktiviti Pemantauan, 2014

| NO. | PERHIMPUNAN | TARIKH |
|-----|--|--------------|
| 1. | May Day 2014 | 1 Mei |
| 2. | 'Hentikan Rogol: Aku Kisah' | 23 Ogos |
| 3. | Hentikan Empangan Mega | 10 September |
| 4. | 'Berjalan untuk Keamanan dan Kebebasan oleh Majlis Peguam' | 16 Oktober |



Perhimpunan 'Hari Mei – Katakan Tidak Kepada GST' di Kuala Lumpur

Bagi setiap perhimpunan, peserta berkumpul di tempat yang berlainan sebelum berarak ke tempat perhimpunan. Secara keseluruhan, pihak polis membantu memudahkan perhimpunan dengan operasi kawalan trafik.

Sejak Akta Perhimpunan Aman mula berkuatkuasa pada 23 April 2012,⁵ dan selain daripada perhimpunan 'Bersih 3.0',⁶ Suruhanjaya tidak pernah menghadapi sebarang insiden besar dalam perhimpunan awam termasuk yang disenaraikan di atas. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya menerima aduan daripada Himpunan Hijau dan SUARAM berhubung insiden di Kuantan, Pahang yang digelar '622 Himpunan Hijau'. Pada 22 Jun, kira-kira 1000 orang berkumpul untuk meluahkan bantahan mereka terhadap Lynas dan menunjukkan sokongan kepada Himpunan Hijau. Semasa perhimpunan ini, adalah didakwa bahawa polis menggunakan kekerasan yang tidak wajar dan menahan 16 orang termasuk seorang warga asing. Juga dimaklumkan bahawa ada antara 16 orang tersebut yang telah didera semasa dalam tahanan. Selain itu, terdapat dakwaan bahawa semasa sekumpulan peserta menunggu di luar balai polis untuk pembebasan 16 orang peserta yang ditangkap itu, sekumpulan samseng telah menghampiri mereka dan mula menyerang secara fizikal. Apabila kumpulan peserta cuba untuk masuk dan mendapatkan perlindungan di balai polis, anggota polis bertindak menutup pintu dan tiada sebarang bantuan diberikan untuk menghalang samseng tersebut daripada mencederakan kumpulan peserta.

Suruhanjaya telah merujuk perkara ini kepada polis dan maklum balas yang diterima ialah para peserta telah melanggar peruntukan Akta Perhimpunan Aman dan memaksa mereka untuk bertindak. Polis juga mengatakan bahawa mereka telah membuka kertas siasatan berhubung aduan tentang peserta yang didera semasa dalam tahanan serta insiden membabitkan samseng dan kegagalan polis untuk bertindak semasa serangan tersebut.

Merujuk kepada Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, di mana pihak polis telah menggunakan istilah 'perhimpunan haram',

⁵ Rujuk Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2012

⁶ Rujuk Laporan Awam Siasatan Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012

Suruhanjaya ingin mengulangi bahawa selepas pemansuhan Seksyen 27 Akta Polis 1967 dan selepas penggabalan Akta Perhimpunan Aman (PAA) 2012, tiada lagi istilah 'perhimpunan haram' di sisi undang-undang.

Menurut peruntukan di bawah PAA 2012, penganjur perhimpunan hanya perlu memaklumkan ketua polis di daerah yang berkenaan tentang perhimpunan yang bakal dijalankan dan tidak perlu lagi memohon permit. Suruhanjaya juga mengambil maklum mengenai keputusan Mahkamah Rayuan pada 25 April yang mengisytiharkan bahawa Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman adalah bercanggah dengan Perlembagaan.

Selain itu, Suruhanjaya mengalu-alukan kenyataan⁷ yang dibuat oleh Ketua Polis Negara bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Unit Simpanan Persekutuan (FRU) berhubung kawalan orang ramai dan ketenteraman awam akan diperbaharui. Pembaharuan itu termasuk mengurangkan penugasan anggota FRU mengikut keperluan, dan kawalan yang lebih ketat atas penggunaan meriam air dan gas pemedih mata.

6. PEMBINAAN KEUPAYAAN UNTUK PEGAWAI ADUAN

(a) Kursus Tentang Menjalankan Siasatan Secara Berkesan

Sebagai sebahagian daripada latihan membina kapasiti, Suruhanjaya telah mengacarakan program latihan yang dianjurkan oleh APF tentang 'Menjalankan Siasatan Secara Berkesan'. Latihan ini diadakan dari 19-23 Mei di Kuala Lumpur. Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan kakitangan NHRI dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjalankan siasatan yang berkesan dalam menyalut dakwaan pelanggaran hak asasi manusia.

Peserta meraih pengetahuan yang tidak terhingga daripada jurulatih mereka yang berpengalaman, yang telah ditugaskan oleh APF untuk menulis manual latihan penyiasatan bertajuk 'Menjalankan Siasatan Berkesan: Panduan untuk NHRI'. Skop kursus ini adalah serantau dan melibatkan kakitangan penyiasat dari NHRI di seluruh rantau Asia Pasifik, termasuk Suruhanjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina.

Peserta mempelajari pelbagai teknik dan kemahiran untuk kaedah siasatan termasuk perancangan penyiasatan, teknik soal selidik, penilaian bukti dan penulisan laporan. Mereka juga berkongsi amalan terbaik daripada setiap NHRI dan membandingkan kelebihan dan kekurangan masing-masing.

(b) Latihan Pengantaraan Dan Perundingan Untuk Institusi Hak Asasi Manusia Nasional

Sekretariat Komanwel dengan kerjasama Suruhanjaya telah menganjurkan Latihan Pengantaraan dan Perundingan untuk NHRI. Latihan tersebut telah dikendalikan oleh

⁷ *New Straits Times Online*, 18 Disember 2014

beberapa jurulatih berpengalaman dan diadakan pada 11-15 Ogos di Kuala Lumpur. Tiga orang Pesuruhjaya dan dua orang pegawai menyertai latihan tersebut bersama dengan peserta dari negara-negara Komanwel.

Latihan ini memberikan pandangan dan maklumat berhubung peranan NHRI dalam menggunakan teknik pengantaraan dan perundingan bagi mempromosi dan melindungi hak asasi manusia antara pihak terlibat. Ianya menerangkan prosedur dan proses untuk membantu mempromosikan dan melindungi hak asasi atau menyelesaikan pertikaian yang berpunca dari/mengakibatkan pelanggaran hak asasi manusia.

II. BAHAGIAN INKUIRI

Bagi Orang Asal, matlamat kami berkenaan tanah tentunya berkaitan dengan perlindungan, tetapi ia juga berkaitan dengan penggunaan. Kami melihat diri kami sebagai sebatian dengan wilayah adat hinggakan bagi kami perlindungan adalah terikat kepada penggunaan kami dan penggunaan adalah terikat kepada perlindungan kami. Kami memerlukan sumber alam yang terdapat di wilayah adat kami untuk hidup.

Rebecca Adamson

Aktivist, Pengasas First Nations Development Institute & First Peoples Worldwide

Bahagian Inkuiri yang ditubuhkan pada tahun 2012 bertanggungjawab untuk membuat tindakan susulan ke atas Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (NI). Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menyelidik dan melaporkan sebarang perkara yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia sepertimana dimandatkan oleh Suruhanjaya.

1. INKUIRI NASIONAL MENGENAI HAK TANAH ORANG ASAL/ASLI DI MALAYSIA

Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 telah menyatakan bahawa sebagai respon kepada pengedaran awam Laporan NI, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk tujuan mengkaji hasil dapatan dan syor-syor di dalam Laporan NI berhubung pelaksanaan; mengembangkan dan menerapkan syor-syor ke dalam langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi kekangan-kekangan pentadbiran, polisi dan undang-undang; serta mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan isu-isu yang diketengahkan.

Pada tahun 2014, Suruhanjaya membuat susulan rapat dengan pihak berkuasa yang berkenaan tentang perkembangan Pasukan Petugas Khas tersebut, yang ditubuhkan pada bulan Ogos 2013. Bagi memastikan kelancaran kerja Pasukan Petugas Khas, Suruhanjaya telah menangguhkan tindakan susulan seterusnya bagi memberi laluan kepada Pasukan Petugas Khas untuk membuat pertimbangan dan strategi bagi menghasilkan rancangan pelaksanaan syor-syor Laporan NI yang berkesan untuk kepentingan seluruh masyarakat Orang Asal. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa Laporan Pasukan Petugas Khas telah diserahkan kepada Menteri pada 10 September 2014, namun sehingga akhir tahun 2014 Suruhanjaya masih lagi belum menerima sebarang maklumat berhubung dengan laporan tersebut.

Walau bagaimanapun, tanpa membantutkan hasil kerja Pasukan Petugas Khas, Suruhanjaya menekankan sekali lagi betapa perlunya Kerajaan mengambil tindakan segera bagi memastikan

pelaksanaan awal syor-syor Laporan NI secara efektif, memandangkan masalah tersebut telah sekian lama dihadapi oleh masyarakat Orang Asal. Menyedari bahawa sebarang tangguhan atau perubahan rancangan akan memberi kesan terhadap bajet dan jadual tindakan susulan NI di pihak Suruhanjaya, pelaksanaan efektif oleh Kerajaan berkenaan syor-syor tersebut serta rundingan dengan pihak berkepentingan amat dinanti-nantikan oleh Suruhanjaya.

Suruhanjaya turut kesal yang Kerajaan tidak menyokong enam syor berkaitan Orang Asal termasuklah syor berkaitan hak tanah adat mereka semasa UPR di Majlis Hak Asasi Manusia, Geneva pada 24 Oktober 2013

Suruhanjaya turut kesal yang Kerajaan tidak menyokong enam syor berkaitan Orang Asal termasuklah syor berkaitan hak tanah adat mereka semasa UPR di Majlis Hak Asasi Manusia, Geneva pada 24 Oktober 2013, yang mana syor tersebut adalah selari dengan syor yang dikemukakan di dalam Laporan NI. Suruhanjaya berharap agar kerajaan dapat mempertimbangkan secara positif dan menerima syor tersebut bagi membuktikan komitmen kerajaan dalam meningkatkan hak asasi manusia di peringkat domestik.

2. SIASATAN AWAM BERKENAAN INSIDEN SEMASA DAN SELEPAS PERHIMPUNAN AWAM PADA 28 APRIL 2012

Kebebasan untuk bersuara, berpersatuan dan berhimpun secara aman merupakan hak yang membolehkan masyarakat berkongsi idea, membentuk pemikiran baru, serta bersatu dalam menuntut hak mereka. Melalui penggunaan kebebasan awam inilah kita dapat membuat keputusan yang bijak, dengan maklumat dan pertimbangan yang sewajarnya, tentang perkembangan kita. Kita harus mengakui nilai sumbangan masyarakat, meningkatkan keupayaan suara-suara yang terpinggir, memastikan adanya ruang bagi aktivis-aktivis masyarakat, serta melindungi aktiviti mereka - termasuklah aktiviti mereka yang bekerjasama dengan Majlis ini, Prosedur Khas Majlis ini serta Suruhanjaya-suruhanjaya Inkuiri. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi kecaman Setiausaha Agung terhadap tindakan balas ke atas individu oleh sebab penglibatan mereka dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Putera Zeid Ra'ad Zeid al-Hussein

Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB
Ucapan Pembukaan Persidangan Majlis Hak Asasi Manusia PBB ke 27

Baru-baru ini Suruhanjaya telah mengedarkan laporan penuh bertajuk 'Siasatan Awam Ke Atas Insiden Semasa dan Selepas Perhimpunan Awam pada 28 April 2012' kepada agensi kerajaan yang berkaitan dan pihak berkepentingan. Suruhanjaya mengambil maklum respon Kerajaan di dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 yang telah menerapkan syor-syor Suruhanjaya hasil daripada perbincangan meja bulat bersama PDRM pada bulan September 2013.

Suruhanjaya dengan berbesar hati mengambil maklum bahawa PDRM akan menyempurnakan draf SOP berhubung kerjasama dengan pengamal media semasa perhimpunan awam sepertimana yang ditekankan oleh PDRM semasa Sesi Dialog Bersama Agensi Kerajaan Tentang Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013 pada 27 November 2013. Suruhanjaya dimaklumkan bahawa draf SOP ini telah pun diuji semasa perhimpunan awam 'KL 112' pada 12 Januari 2013. Suruhanjaya turut mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Ketua Polis Negara untuk menilai semula SOP bagi FRU berkenaan tatacara kawalan terhadap orang ramai supaya memenuhi syarat Akta Perhimpunan Aman 2012 dan piawaian antarabangsa. Suruhanjaya berharap agar penilaian semula SOP tersebut akan dilakukan dengan tujuan memperbaiki pengurusan orang ramai sewaktu perhimpunan awam dan juga kerjasama dengan pengamal media.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Suruhanjaya, menerusi **Bahagian Aduan dan Pemantauan**, berharap untuk melengkapkan kajian tematiknya iaitu 'Kematian dalam Tahanan Polis' dan 'Hak kepada Kesihatan di Penjara'. Apabila laporan tersebut diterbitkan nanti, adalah diharapkan bahawa rundingan boleh dibuat antara semua pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan syor-syor dan perlindungan hak-hak tahanan dan juga pihak berkuasa.

Masyarakat Orang Asal di Malaysia dilihat terus terpinggir. Sesetengah daripada mereka masih kehilangan hak milik atas tanah adat mereka. Selain itu, kepercayaan, budaya, bahasa serta cara hidup mereka terus terancam walaupun dengan adanya inisiatif dan polisi Kerajaan yang begitu banyak, dan walaupun mereka mempunyai kedudukan yang unik dari segi perlembagaan dan perundangan.

Memandangkan Kerajaan mempunyai tanggungjawab fidusiari ke atas masyarakat Orang Asal serta hubungan amanah dengan mereka, dalam tahun 2015 Suruhanjaya, menerusi **Bahagian Inkuiri**, akan berusaha memastikan adanya penekanan ke atas usaha mendapatkan semula hak-hak komuniti yang terpinggir dan terbiar ini. Suruhanjaya juga mengambil maklum bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan dalam usaha melaksanakan UNDRIP.

Masyarakat Orang Asal di Malaysia dilihat terus terpinggir. Sesetengah daripada mereka masih kehilangan hak milik atas tanah adat mereka. Selain itu, kepercayaan, budaya, bahasa serta cara hidup mereka terus terancam walaupun dengan adanya inisiatif dan polisi Kerajaan yang begitu banyak, dan walaupun mereka mempunyai kedudukan yang unik dari segi perlembagaan dan perundangan.

Berkenaan perhimpunan awam, Suruhanjaya berharap agar keseimbangan dapat dicapai antara hak setiap kumpulan yang terlibat di dalam perhimpunan awam. Walaupun polis mempunyai kuasa undang-undang di dalam mengawal perhimpunan awam, Suruhanjaya berharap agar polis dapat mematuhi norma antarabangsa dan amalan baik berhubung dengan kebebasan berhimpun dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Suruhanjaya juga berharap agar semua perhimpunan akan dianggap aman kecuali jika ada bukti yang jelas dan kukuh bahawa pihak penganjur ataupun peserta berniat untuk melakukan atau membangkitkan keganasan, dan keganasan mungkin sekali akan berlaku.

3

BAB

LAPORAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar
- Bahagian Koordinasi Antarabangsa

I. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DASAR

Soal menghormati hak asasi manusia pada hari ini bukanlah berkenaan adanya piawaian antarabangsa, tetapi lebih berkenaan pematuhan kepada piawaian tersebut.

Michelle Bachelet
Presiden Chile

Pada tahun ini, Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Dasar (RPDD) menyiapkan laporannya berkenaan bidang tematik yang telah dikenalpasti pada tahun 2013, iaitu 'Hak kepada Pendidikan bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran' dan 'Perkhidmatan Penjagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga'. Di samping itu, RPDD menggiatkan kerja-kerja dan tugas advokasi dalam isu yang berkaitan dengan ratifikasi triti antarabangsa; pemantauan pelaksanaan triti antarabangsa; penarikan semula reservasi yang dibuat kepada triti antarabangsa dan penyertaan protokol pilihan; hak kepada kesihatan dan HIV/AIDS; dan antipemerdagangan orang. Bahagian ini juga mengetuai projek yang dibiayai oleh FCO untuk merangka Pelan Tindakan Nasional untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia dengan menerimapakai Prinsip Panduan PBB mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan.

1. BIDANG TEMATIK 2013

(a) Hak Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Seperti yang dilaporkan pada tahun 2013, Suruhanjaya memutuskan untuk menjalankan kajian mengenai isu hak kepada pendidikan, dengan tumpuan kepada pendidikan rendah, bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran (CWLD). Tumpuan diberikan kepada isu ini atas dua sebab utama. Pertama, Suruhanjaya mendapati kanak-kanak bermasalah penglihatan dan pendengaran sukar mendapat akses kepada pendidikan rendah, berbanding kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Kedua, semasa program kesedaran Suruhanjaya mengenai OKU, kebimbangan telah dibangkitkan mengenai isu akses dan kualiti pendidikan untuk kanak-kanak kurang upaya, terutamanya yang bermasalah pembelajaran. Masyarakat awam berpendapat bahawa sebilangan besar CWLD tercicir daripada pendidikan rendah.

Objektif spesifik penyelidikan ini adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran di kalangan para profesional bidang pendidikan, pembuat keputusan dan orang ramai tentang cabaran yang dialami oleh CWLD dalam mendapatkan pendidikan rendah;

- ii. Mengenal pasti jurang maklumat mengenai pendidikan untuk CWLD dalam membina sokongan untuk pendidikan CWLD; dan
- iii. Membina jambatan di antara agensi Kerajaan dan masyarakat awam untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan, ketelusan dan tanggungjawab dalam pembuatan dasar sektor pendidikan.

Pada tahun 2013, Suruhanjaya melaporkan bahawa dalam meneruskan penyelidikan tersebut, ia telah menjalankan beberapa aktiviti untuk mengumpul maklumat dan mengenal pasti isu yang berkaitan dengan kemasukan CWLD di sekolah rendah, termasuk:

- Satu siri forum mengenai hak kepada pendidikan bagi CWLD;
- Bengkel mengenai hak asasi manusia untuk guru pendidikan khas;
- Kajian semula undang-undang dan dasar sedia ada yang berkaitan dengan pendidikan bagi CWLD; dan
- Lawatan ke sekolah yang mempunyai program integrasi serta sekolah yang dikendalikan oleh NGO.

Pada tahun 2014, Suruhanjaya memberikan tumpuan kepada pengumpulan dan analisis data dan statistik tentang CWLD daripada beberapa agensi termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Perangkaan. Data, statistik dan maklumat yang dikumpul dan diperolehi semasa aktiviti pada tahun 2013 telah dikaji dengan lebih mendalam di dalam laporan tersebut.

Berdasarkan aktiviti yang dijalankan pada tahun 2013 serta kajian lanjut dan analisis yang dijalankan pada tahun 2014, Suruhanjaya membuat pemerhatian berikut berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan hak untuk pendidikan bagi CWLD:

i. Data Mengenai CWLD Yang Berdaftar

Suruhanjaya mendapati bahawa kemasukan CWLD dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan program inklusif telah menunjukkan peningkatan yang stabil. Walau bagaimanapun, bilangan CWLD berbanding dengan jumlah bilangan pelajar yang mendaftar di sekolah rendah kekal rendah pada kira-kira satu peratus.

Suruhanjaya mendapati bahawa kemasukan CWLD dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan program inklusif telah menunjukkan peningkatan yang stabil. Walau bagaimanapun, bilangan CWLD berbanding dengan jumlah bilangan pelajar yang mendaftar di sekolah rendah kekal rendah pada kira-kira satu peratus.

Jadual 1 : Kemasukan Pelajar Sekolah Rendah¹

| TAHUN | KEMASUKAN SEKOLAH KERAJAAN (KESELURUHAN) | KEMASUKAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS | PERATUS |
|-------|--|-----------------------------------|---------|
| 2010 | 2,898,407 | 23,104 | 0.7% |
| 2011 | 2,859,921 | 25,181 | 0.8% |
| 2012 | 2,804,405 | 27,096 | 0.9% |
| 2013 | 2,742,169 | 28,455 | 1.03% |
| 2014 | 2,693,883 | 28,658 | 1.06% |

Semasa meneliti kemasukan CWLD di dalam PPKI, Suruhanjaya mendapati bahawa jumlah CWLD yang mendaftar untuk pendidikan rendah tidak mencerminkan jumlah CWLD yang berdaftar dengan JKM. Rekod KPM menunjukkan bahawa terdapat lebih ramai CWLD di sekolah rendah daripada yang berdaftar dengan JKM.

Jadual 2 : Data CWLD Berdaftar (Kumpulan Umur 7-12)² Dengan JKM

| TAHUN | CWLD BERDAFTAR |
|-------|----------------|
| 2010 | 3796 |
| 2011 | 5613 |
| 2012 | 8856 |

Wajar ditekankan bahawa pendaftaran orang/kanak-kanak kurang upaya di Malaysia adalah secara sukarela. Oleh itu, adalah tidak mungkin untuk mengukur secara tepat peratusan CWLD yang tidak berdaftar dan yang ketika ini tidak bersekolah di sekolah awam.

Suruhanjaya juga telah difahamkan bahawa terdapat satu lagi set data bagi kanak-kanak kurang upaya yang disimpan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada masa Laporan ini ditulis, nampaknya terdapat tiga pangkalan data bebas dan berasingan yang disimpan oleh tiga agensi berbeza di Malaysia. Suruhanjaya berpendapat bahawa langkah segera perlu diambil untuk menyesuaikan data ini ke dalam satu pangkalan data yang sama yang boleh dikongsi oleh semua agensi dan yang kemudiannya boleh dibuka kepada pihak lain.

ii. Kewujudan Program Pendidikan Khas di Malaysia

Walaupun Kerajaan telah menubuhkan Sekolah Pendidikan Khas untuk ketidakupayaan tertentu seperti masalah penglihatan dan pendengaran, dan baru-baru ini untuk autisme, PPKI hanya boleh didapati di sekolah terpilih di Malaysia. Selain itu, sebahagian besar sekolah-sekolah ini terletak di kawasan bandar dan pinggir bandar. Ibu bapa di kawasan luar bandar mungkin mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak yang mempunyai keperluan khas ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Namun begitu, telah dinyatakan bahawa PDK tidak mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan PPKI.

¹ Data 2014- Statistik Pendidikan Malaysia oleh KPM.

² Maklumat diperolehi daripada JKM.

iii. Proses Saringan dan Penilaian

Ia turut menjadi perhatian bahawa saringan perubatan ketika ini tidak menghasilkan diagnosis tetapi fungsinya lebih kepada mengenal pasti kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan. Di samping itu, terdapat beberapa halangan dan masalah yang berkaitan dengan ujian saringan, iaitu:

- Terdapat pegawai perubatan yang tidak dapat mengenal pasti dengan betul kanak-kanak dengan masalah pembelajaran, mungkin disebabkan oleh ketiadaan kurikulum latihan yang sesuai atau yang mencukupi di sekolah-sekolah perubatan untuk mengenal pasti masalah pembelajaran.
- Terdapat dakwaan bahawa doktor pakar, termasuk doktor pakar kanak-kanak, kurang kemahiran untuk menilai secukupnya dan mengenal pasti jenis-jenis masalah pembelajaran yang lebih ringan seperti disleksia, autisme fungsi tinggi dan dyspraxia.
- Ujian IQ bukan sebahagian daripada proses saringan. Ini tidak seperti amalan di Amerika Syarikat, di mana Pejabat Pendidikannya telah menerima pakai ujian yang dikenali sebagai 'Model Discrepancy' di mana perbezaan antara IQ dan pencapaian digunakan sebagai kriteria utama dalam mendiagnosis masalah pembelajaran.

iv. Kemudahan Bangunan dan Keadaan Bilik Darjah

Semasa lawatan ke sekolah-sekolah, Suruhanjaya mendapati, terutamanya di sekolah-sekolah yang lama, bahawa kelas PPKI terletak di bangunan/blok yang terpisah dan kadangkala terencil daripada kelas arus perdana. Bilik darjah bagi pendidikan khas juga kecil dan dibahagi-bahagikan dengan dinding untuk mewujudkan lebih banyak bilik. Beberapa bilik dibahagikan oleh dinding nipis yang diperbuat daripada papan lapis atau rak buku. Walaupun begitu, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa bangunan sekolah-sekolah yang lebih baru adalah berdasarkan reka bentuk bangunan inklusif/sejagat yang mengambil kira keperluan khas kanak-kanak kurang upaya dan dengan itu kemudahan yang sesuai telah dipasang dengan secukupnya.

v. Bilik Multi-deria

Suruhanjaya mengambil maklum kepentingan kemudahan seperti bilik multi-deria (juga dikenali sebagai bilik 'snoozeland') untuk membantu perkembangan fizikal dan emosi CWLD. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak ada di semua sekolah Kerajaan yang dilawati.

Berdasarkan pemerhatian dan dapatan di atas, Suruhanjaya mengesyorkan yang berikut:

1. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Suruhanjaya mengalu-alukan iltizam dan program yang digariskan oleh Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, terutamanya berkenaan pendidikan khas. Bagi memastikan jentera Kerajaan melaksanakan iltizam ini dalam tindakan, Suruhanjaya mengesyorkan supaya suatu mekanisme pemantauan bebas ditubuhkan untuk menilai dan mencartakan kemajuan dan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

2. Penggabungan Data dan Statistik Berkenaan Kanak-kanak Kurang Upaya Termasuk CWLD

Walaupun telah diakui bahawa pendaftaran OKU adalah atas dasar sukarela, Suruhanjaya melihat adanya keperluan untuk data dan statistik yang kukuh dan tergabung, terutamanya berkenaan CWLD, untuk memastikan mereka juga mempunyai kesamarataan akses kepada pendidikan, di kedua-dua peringkat sekolah rendah dan menengah. Perlu ditekankan bahawa pengumpulan data berkenaan kanak-kanak kurang upaya perlulah bersistem, berselaras dan dikongsi bersama oleh agensi Kerajaan yang berkaitan, khususnya JKM, KPM dan KKM.

3. Perkembangan PPKI dan Pendidikan Inklusif Kepada Semua Sekolah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bermatlamat agar 75% daripada kanak-kanak kurang upaya, termasuk CWLD, disertakan dalam pendidikan inklusif menjelang 2025. Untuk mencapai matlamat ini, adalah penting supaya PPKI diperluaskan kepada semua sekolah dalam gelombang kedua (2016-2020) pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, dan selepas itu mengubah program ini secara beransur-ansur menjadi pendidikan inklusif.

4. Menangani Isu Sumber Manusia

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa banyak universiti dan kolej guru yang menawarkan pendidikan khas sebagai salah satu pilihan pengajaran. Dalam mengalukan perkara ini, Suruhanjaya menekankan kepentingan memastikan bahawa modul universiti tersebut adalah setaraf dengan, dan sentiasa dikemaskini berdasarkan, perkembangan antarabangsa berkenaan dengan pendidikan khas.

Kerajaan perlu mengambil langkah segera bagi memastikan guru pendidikan khas diberi penempatan yang sesuai dengan kelayakan dan latihan mereka supaya kemahiran dan kepakaran tersebut disalurkan dengan betul di dalam PPKI.

5. Peruntukan Sumber Kewangan

Adalah penting agar sumber kewangan yang mencukupi diperuntukkan bagi membolehkan persekitaran sekolah, khususnya infrastruktur dan kemudahan sekolah, dinikmati oleh semua pelajar. Sumber yang mencukupi juga perlu disediakan untuk mendapatkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.

6. Pembentukan Perkongsian Strategik

Suruhanjaya menggalakkan Kerajaan untuk mewujudkan perkongsian strategik/pintar dengan syarikat-syarikat swasta yang, sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat mereka, boleh memberikan sumbangan kewangan bagi peningkatan infrastruktur dan kemudahan sekolah, seperti menyediakan bilik multi-deria. Perkongsian strategik sebegini bukanlah sesuatu yang baru dan telah dimanfaatkan oleh banyak pusat pembelajaran NGO. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk meluaskan perkongsian strategik dengan melibatkan NGO dan CSO yang menyediakan pilihan alternatif untuk pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya, terutamanya CWLD.

7. Mengukuhkan Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Intervensi Suruhanjaya menekankan bahawa usaha bersepadu dan sokongan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan serta pihak berkepentingan lain berkenaan dengan pengesanan awal dan saringan CWLD untuk penempatan dalam program PPKI, khususnya dalam pendidikan inklusif, adalah amat penting.

Untuk menangani isu kurangnya pengetahuan mengenai masalah pembelajaran di kalangan pegawai perubatan, Suruhanjaya mengesyorkan bahawa semua universiti yang menawarkan ijazah perubatan perlu mengkaji semula kurikulum perubatan supaya merangkumi kursus yang berkaitan dengan pengenaltastian dan penilaian CWLD.

8. Meningkatkan Kesedaran
Kerajaan perlu melabur dalam usaha peningkatan kesedaran demi menggalakkan pemahaman mengenai sifat ketidakupayaan, model sosial ketidakupayaan, dan manfaat pendidikan inklusif. Mereka juga perlu menyediakan latihan untuk memaklumkan semua pihak yang berkaitan mengenai tanggungjawab mereka di bawah undang-undang, dan untuk memberikan pemahaman mengenai hak kanak-kanak.

Kempen mengenai ketidakupayaan perlu dipergiatkan. Agensi-agensi Kerajaan, NGO dan pihak berkepentingan yang lain seperti UNICEF boleh bersepakat untuk membentuk perkongsian kerja bagi program advokasi yang berkaitan dengan hak kanak-kanak kurang upaya. Orang ramai perlu terdedah kepada cabaran dan hak orang kurang upaya. Ahli parlimen perlu dididik tentang kepentingan akses kepada pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya, termasuk CWLD.

Pada tahun 2015, Suruhanjaya merancang untuk memulakan perbincangan dengan KPM dan juga Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) untuk membincangkan penemuannya.

(b) Perkhidmatan Penjagaan Untuk Warga Emas dan Sokongan Kepada Penjaga

Pada tahun 2013, isu yang memberi kesan kepada warga emas telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada bidang keutamaan Suruhanjaya dan untuk tujuan tersebut, beberapa aktiviti telah dijalankan, termasuk rundingan bersama agensi-agensi Kerajaan dan NGO; lawatan ke pusat penjagaan; dan seminar setengah hari mengenai khidmat penjagaan untuk warga emas dan jenis sokongan kepada penjaga di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2014, berdasarkan semua aktiviti di atas, Suruhanjaya telah menyediakan Laporan Perkhidmatan Penjagaan untuk Warga Emas dan Sokongan kepada Penjaga, yang mengenal pasti isu dan cabaran yang membawa kesan kepada khidmat penjagaan serta para penjaga, seperti yang berikut:

- i. Pusat Jagaan Yang Terhad Untuk Warga Emas
Kebimbangan mengenai kekurangan rumah penjagaan dan pusat aktiviti warga emas

yang dibiayai oleh Kerajaan, dan juga jumlah bantuan kewangan yang ada untuk warga emas, berbanding dengan jumlah penduduk warga emas di Malaysia.

- ii. **Mobiliti Yang Terhad**
Ramai warga emas dengan masalah kesihatan yang sukar mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan kerana batasan mobiliti dan ketidakupayaan termasuk masalah kesihatan fizikal dan mental serta pengangkutan awam yang tidak mesra pengguna. Jarak antara pejabat JKM dan kampung di pedalaman menyukarkan warga emas untuk mendapatkan khidmat atau bantuan daripada jabatan tersebut.
- iii. **Tiada Undang-undang Khusus Tentang Warga Emas dan Undang-Undang Yang Tidak Lengkap Mengenai Pusat Jagaan Warga Emas**
Ketiadaan undang-undang yang jelas di Malaysia yang menetapkan hak warga emas menyebabkan warga emas tidak dilindungi sepenuhnya di bawah undang-undang semasa yang sedia ada. Berkenaan pengawasan pusat jagaan swasta pula, didapati masih banyak pusat jagaan yang tidak mendaftar di bawah Akta Pusat Penjagaan 1993. Khidmat penjagaan di Malaysia berpecah-belah kerana ia disediakan oleh pelbagai kementerian dan jabatan yang berlainan.
- iv. **Isu Mengenai Akses Kepada Khidmat Jagaan Kesihatan**
Isu berkenaan pesakit terpaksa beratur lama di hospital awam sering disebut, di samping kekurangan gerontologis dan pengamal penjagaan kesihatan asas di Malaysia. Disebabkan kekurangan sumber di hospital awam, warga emas kadang-kala terpaksa menunggu lebih lama untuk mendapatkan khidmat perubatan termasuk mendapatkan prostesis.
- v. **Dana Yang Tidak Mencukupi Untuk Pusat Jagaan**
Operator kecil kebanyakannya mempunyai masalah sumber kewangan dan sumber manusia yang terlatih dan masalah ini menghalang keupayaan mereka untuk menepati kehendak perlesenan. Bagi para operator, pematuhan syarat perlesenan adalah proses yang leceh dan terlampau birokratik kerana ia memerlukan kelulusan dari pelbagai agensi.
- vi. **Ketiadaan Standard Penjagaan Minimum Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pembekal Penjagaan**
Walaupun Kerajaan ada menyediakan dana untuk rumah perlindungan, sokongan dan bantuan pembiayaan tidak selaras antara sumber yang berlainan (awam, NGO dan swasta). Bantuan tersebut berasaskan permohonan yang dibuat dan tidak semestinya mencerminkan kuantum penjagaan yang disediakan.
- vii. **Pelaksanaan Dasar Yang Lemah Dan Pengagihan Perkhidmatan Yang Tidak Sekata**
Cabaran utama dalam melaksanakan program 1Malaysia Family Care (1MFC) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan adalah isu pengangkutan untuk membawa warga emas ke klinik bagi mendapatkan khidmat perubatan serta pemeriksaan susulan, dan juga kesinambungan aktiviti yang dijalankan di bawah program.

- viii. Kekurangan Promosi Hak Warga Emas
Terdapat kekurangan yang jelas berkenaan promosi dan kesedaran tentang hak warga emas dan Dasar Warga Emas Negara. Kekurangan penyelarasan antara agensi telah menghalang pelaksanaan dasar dan pelan tindakan Kerajaan.
- ix. Isu berkenaan Penjaga
Perubahan corak gaya hidup di antara ibu bapa dan anak-anak yang telah dewasa, terutamanya yang disebabkan oleh penghijrahan anak-anak ini dari luar bandar ke bandar berikutan peluang pekerjaan, turut memberi kesan kepada bantuan kewangan dan bukan kewangan yang disediakan oleh anak-anak kepada ibu bapa mereka.

Di Malaysia, ramai penjaga, terutamanya anak-anak yang telah dewasa, yang berada dalam kategori berpendapatan rendah dan tidak stabil daripada segi kewangan, berasa sangat terbeban kerana mereka terpaksa bekerja keras untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri dan pada masa yang sama, perlu menyediakan wang dan penjagaan kepada orang tua mereka.

Dalam usaha untuk menggalakkan perbincangan yang lebih besar, satu salinan laporan itu telah dikemukakan kepada JKM untuk mendapatkan komen mereka dan pada 11 November, satu mesyuarat dengan JKM telah diadakan untuk membincangkan laporan di atas dan juga penemuan Suruhanjaya. Pada masa laporan ini ditulis, Suruhanjaya masih menunggu maklumat tambahan daripada JKM mengenai isu di atas. Laporan berkenaan akan diedarkan kepada orang ramai pada tahun 2015.

2. HAK ASASI MANUSIA DAN PERNIAGAAN

(a) Perbincangan Meja Bulat Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan

Pada 5 Jun, Kumpulan Pembangunan Dasar telah menganjurkan satu Perbincangan Meja Bulat (PMB) yang bertajuk 'Mempromosikan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia' dengan objektif seperti berikut :

- i. Untuk memperkenalkan Prinsip-prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan (Prinsip-prinsip Panduan) kepada pihak berkepentingan berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan di Malaysia;
- ii. Untuk meningkatkan pemahaman mengenai pelaksanaan Prinsip-prinsip Panduan secara praktikal;
- iii. Untuk mengenal pasti, menggalakkan dan saling bertukar amalan terbaik dan pengajaran yang didapati dalam pelaksanaan Prinsip-prinsip Panduan;
- iv. Untuk memberi peluang kepada pelbagai pihak termasuk pihak Kerajaan, NGO, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan pertubuhan masyarakat sivil untuk menyuarakan kebimbangan serta pandangan mereka mengenai isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan perniagaan; dan

- v. Untuk membincangkan kerjasama lebih lanjut antara pelbagai pihak berkepentingan dalam memajukan agenda hak asasi manusia dan perniagaan di Malaysia.

Suruhanjaya telah menjemput empat penceramah untuk memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman mereka mengenai isu-isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan perniagaan. Mereka adalah Cik Shahnaz Al-Sadat Abdul Mohsein, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan AMIR dan bekas Pengarah Eksekutif Bahagian Pengurusan Modal Insan Strategik, Khazanah Nasional Bhd; Encik Ng Chih Kaye, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Agrobank dan CapitaMalls Malaysia REIT Sdn Bhd; Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Dasar Dan Pembangunan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan Cik Long Seh Lih, Pengasas Pusat Rakyat.

Berikut adalah isu-isu yang telah dibangkitkan :

- i. Sektor perniagaan harus menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang lebih bertanggungjawab. Sikap saling menghormati perlu ada di antara majikan dan pekerja serta pemahaman yang baik antara peniaga dan pembekal. Sektor perniagaan perlu memastikan bahawa produk mereka adalah selamat untuk pelanggan mereka.
- ii. Undang-undang negara adalah cukup untuk mempertanggungjawabkan sesuatu perniagaan sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak memperuntukkan secara khusus bahawa sektor perniagaan mesti mengelak daripada menyebabkan atau menyumbang kepada pencabulan hak asasi manusia melalui aktiviti-aktiviti mereka.
- iii. Sektor perniagaan patut digalakkan untuk mengambil pendekatan sukarela dalam mengawal selia industri mereka sendiri dan bukannya dipaksa untuk mematuhi hak asasi manusia melalui undang-undang atau mekanisme pelaporan. Idea untuk menggunakan pendekatan kawal selia sendiri bagi menyuntik prinsip hak asasi manusia dalam arena perniagaan telah disokong oleh kebanyakan peserta.
- iv. Suatu anjakan paradigma diperlukan untuk berubah daripada konsep Tanggungjawab Korporat (CR) kepada hak asasi manusia, dan ini harus dicerminkan dalam laporan kemampuan perniagaan. Suruhanjaya mendapati bahawa laporan kemampuan sering kali menyeluruh dan baik, walau bagaimanapun, tumpuannya lebih cenderung kepada CR. Hak asasi manusia selalunya tidak disebut secara khusus dan kebanyakan tindakan adalah atas dasar ihsan. Sektor perniagaan digalakkan untuk menyertakan sebarang inisiatif pematuhan hak asasi manusia yang dijalankan dalam laporan kemampuannya.
- v. Telah dicadangkan bahawa adalah penting untuk mewujudkan 'Senarai Semak Panduan atau Matriks' yang boleh terdiri dari polisi dan perlindungan buruh, produk dan kualiti perkhidmatan, sumber mampan dan pengurusan alam sekitar, tadbir urus korporat dan lain-lain perkara yang berkaitan. 'Senarai Semak Panduan atau Matriks' ini boleh membantu sektor perniagaan meningkatkan pematuhan hak asasi manusia dalam operasi mereka.

(b) Projek Pejabat Luar Negeri dan Komanwel (FCO)

Suruhanjaya dan UNCT telah menerima dana melalui FCO untuk satu projek bersama tentang 'Memajukan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan di Malaysia untuk Kejayaan Perniagaan dan Pertumbuhan Inklusif'. Objektif Projek FCO adalah untuk merangka pelan tindakan untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan bagi Malaysia melalui pemakaian Prinsip-prinsip Panduan oleh kedua-dua pihak pelaku iaitu Kerajaan dan bukan Kerajaan. Projek ini telah bermula pada bulan Julai 2014 dan dijangka siap pada Mac 2015.

Objektif Projek FCO adalah untuk merangka pelan tindakan untuk Hak Asasi Manusia dan Perniagaan bagi Malaysia melalui pemakaian Prinsip-prinsip Panduan oleh kedua-dua pihak pelaku iaitu Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Memandangkan betapa pentingnya penglibatan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan demi mendapatkan maklumat mengenai keadaan semasa hak asasi manusia dan perniagaan, satu PMB telah diadakan pada 10 November di Kuala Lumpur. PMB ini adalah sebahagian daripada proses perundingan yang melibatkan pihak berkepentingan; syarikat dan GLC, pihak berkuasa, agensi penguatkuasa, dan jabatan Kerajaan yang berkaitan dan NGO. Objektif PMB ini adalah:

- i. Untuk menyediakan platform interaktif untuk membincangkan cadangan untuk Pelan Tindakan dan Kod Etika; dan
- ii. Untuk mewujudkan hubungan berterusan antara sektor perniagaan dan pihak yang terlibat dalam perlindungan hak asasi manusia bagi pertumbuhan inklusif di Malaysia.

Beberapa penceramah tempatan dan antarabangsa telah dijemput untuk memberi maklumat mengenai Prinsip-prinsip Panduan, amalan perniagaan terbaik, serta kesan adanya Pelan Tindakan Nasional. Mereka termasuk Cik Caroline Rees, Presiden Shift Projek Ltd; Encik Mohd Shah bin Hashim, Pengerusi UN Global Compact Malaysia; Cik Michelle Staggs Kelsall, Timbalan Pengarah Pusat Sumber Hak Asasi Manusia, Indonesia; Encik Soth Saran, Ketua Bahagian Korporat, ACLEDA Bank Plc; Prof Amara Pongsapich, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand; Prof Dato' Dr Aishah Bidin, Anggota Suruhanjaya; dan Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia.



Panel Pembentang Sesi 2 PMB Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan pada 10 November. Dari kiri: Puan Nor Azimah Abdul Aziz (Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Datuk Dr Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia), Profesor Amara Pongsapich (Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand) dan Prof Dato' Dr Aishah Bidin (Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia)

Berikut adalah isu-isu dan syor-syor yang dibangkitkan semasa perbincangan:

- i. Oleh kerana Malaysia akan mengambil alih jawatan sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan, masanya amat sesuai bagi Malaysia untuk meneroka lebih lanjut isu-isu berkaitan hak asasi manusia dan perniagaan. Memandangkan dasar tidak campur tangan nampaknya telah berubah, yang mana perubahan ini akan memberi kesan kepada isu-isu rentas sempadan, telah dicadangkan supaya negara-negara ASEAN membangunkan dan mengguna pakai satu mekanisme serantau mengenai hak asasi manusia dan perniagaan, yang menggariskan piawai atau panduan bersama bagi isu rentas sempadan terutamanya isu penghijrahan, penyeludupan dan buruh kanak-kanak. Mekanisme ini akan memastikan bahawa negara dan sektor perniagaan bertanggungjawab atas jaminan perlindungan bagi hak asasi manusia semua pihak.
- ii. Isu hak asasi manusia merentasi pelbagai bidang dan oleh itu, dalam menangani isu hak asasi manusia dan perniagaan, kerjasama antara kementerian/agensi adalah penting. Dicapkan supaya Kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa untuk membangunkan Pelan Tindakan Nasional (berhubung hak asasi manusia dan perniagaan) dan Pejabat Perdana Menteri boleh memainkan peranan aktif dalam merealisasikan idea ini. Seterusnya, telah dicadangkan agar Kerajaan memainkan peranan sebagai pemangkin untuk membawa sektor perniagaan dan kumpulan masyarakat sivil, (yang sering bertelingkah kerana perbezaan keutamaan) ke meja yang sama untuk berbincang dan mengenal pasti keutamaan bersama.
- iii. Perbincangan tersebut turut menyatakan bahawa sektor perniagaan perlu memastikan yang pengambilan pekerja asing adalah selaras dengan undang-undang dan dasar yang berkenaan. Penyelesaian perlu bertumpu kepada undang-undang yang berkaitan dengan pekerja asing, dan oleh itu undang-undang di kedua-dua negara yang menghantar dan menerima perlu dikaji semula dan dipinda sewajarnya.
- iv. Rasuah adalah punca bagi kebanyakan pencabulan hak asasi manusia dan dengan

itu memerangi rasuah amat penting dalam usaha untuk menegakkan penghormatan dan perlindungan hak asasi manusia. Adalah ditegaskan bahawa pihak Kerajaan bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah dan telah mengambil langkah-langkah penting untuk menghapuskan rasuah.

- v. Perbincangan tersebut turut mencadangkan agar lebih banyak program kesedaran diadakan tentang perkaitan di antara perniagaan dan hak asasi manusia. Penyebaran maklumat berhubung perkara ini juga perlu dipergiatkan.

Sebagai sebahagian daripada proses rundingan, Suruhanjaya juga merancang untuk menjalankan temu bual dengan pihak berkepentingan yang berkenaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; GLC seperti Khazanah, Petronas dan Sime Darby; agensi penguatkuasa seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia; SME Corporation Malaysia serta Dewan-dewan Perniagaan.

3. PEMANTAUAN PELAKSANAAN NEGARA TERHADAP TRITI ANTARABANGSA

(a) Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW)

Kerajaan sudah lewat dalam mengemukakan Laporan Negara ke-3, ke-4 dan ke-5 kepada Jawatankuasa CEDAW. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya memutuskan untuk meneruskan dengan penyerahan Laporan Bebasnya kepada Jawatankuasa CEDAW pada 3 Julai. Suruhanjaya menggesa Kerajaan untuk mempercepatkan penyerahan Laporan Negara. Suruhanjaya difahamkan bahawa draf laporan gabungan tersebut sedang dikaji oleh Pejabat Peguam Negara.

(b) Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC)

Suruhanjaya sedang menyiapkan draf Laporan Bebas yang akan menyetengahkan isu-isu berbangkit, termasuk penarikan balik baki reservasi kepada CRC; penyertaan kepada Protokol Pilihan Ketiga bagi CRC berkenaan Prosedur Komunikasi; serta pemastian yang undang-undang domestik dan dasar-dasar kerajaan adalah selaras dengan kewajipan di bawah CRC. Telah diperhatikan bahawa Kerajaan sudah lewat mengemukakan Laporan Negara ke-2, ke-3 dan ke-4 kepada Jawatankuasa CRC.

(c) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD)

Kerajaan belum mengemukakan Laporan Negara pertamanya yang patut diserahkan pada tahun 2012 kepada Jawatankuasa CRPD. Suruhanjaya difahamkan bahawa semasa penulisan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) masih dalam proses menyediakan Laporan Negara, yang dijangka siap pada akhir tahun.

Suruhanjaya telah menyiapkan Laporan Bebasnya dan pada masa ini laporan tersebut sedang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dari bahasa Melayu, dan ia dijangka siap awal tahun depan.

4. RESERVASI TERHADAP CEDAW, CRC DAN CRPD

(a) CEDAW

Pada 17 April, satu mesyuarat telah diadakan dengan wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan, ahli akademik dan pakar-pakar untuk membincangkan reservasi yang masih kekal kepada CEDAW. Agensi Kerajaan yang terlibat termasuk KPWK, Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan beberapa agensi Kerajaan yang lain. Wakil akademik adalah Prof Dr Najibah Mohd Zain dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang juga salah seorang pembentang panel, serta wakil dari UM dan UKM, manakala Encik Andrew Khoo mewakili Majlis Peguam Malaysia dan Cik Shanti Dariam, bekas anggota Jawatankuasa CEDAW, memberikan pandangan sebagai pakar bebas.

Objektif mesyuarat ini adalah seperti berikut :

- i. Untuk memberikan peluang berbincang secara mendalam serta berkongsi pendapat mengenai artikel-artikel yang masih dikekalkan reservasinya;
- ii. Untuk mendapatkan pendirian yang jelas mengenai reservasi tersebut;
- iii. Untuk merangka syor-syor yang praktikal dan boleh diguna pakai oleh Malaysia berkenaan reservasi tersebut.

Mesyuarat itu adalah satu inisiatif Suruhanjaya untuk mendapatkan maklum balas, terutamanya daripada Kerajaan, berkenaan dengan reservasi kepada CEDAW yang masih dikekalkan, iaitu, Artikel 9(2), berkaitan dengan kerakyatan, dan Artikel 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g), yang semuanya tertumpu kepada hak wanita dalam hal-hal perkahwinan dan keluarga.

Berikut adalah antara isu yang dibincangkan:

- i. Seorang kanak-kanak yang bapanya bukan warganegara pada masa kelahirannya tidak layak untuk mendapat kewarganegaraan kerana Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa kewarganegaraan anak ditentukan oleh kewarganegaraan bapanya. Di samping itu, Malaysia tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan sebagaimana termaktub dalam Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan.
- ii. Perkahwinan poligami adalah satu bentuk diskriminasi terhadap wanita dan amalan tersebut hendaklah dicegah. Menurut Jawatankuasa CEDAW di dalam Syor Umum No. 21: "Perkahwinan poligami melanggar hak wanita kepada kesaksamaan dengan lelaki, dan boleh membawa kesan emosi dan kewangan yang begitu serius bagi beliau dan orang tanggungan beliau sehinggakan perkahwinan seperti itu patut dilarang dan tidak digalakkan. Jawatankuasa memerhati dengan kekhawatiran bahawa beberapa Negara peserta, yang Perlembagaannya menjamin hak sama rata, membenarkan perkahwinan poligami mengikut undang-undang peribadi atau adat. Ini melanggar hak asasi manusia

bagi wanita, dan melanggar peruntukan Artikel 5(a) CEDAW.” Walau bagaimanapun, telah diambil maklum bahawa perkahwinan poligami dibenarkan dalam Islam dan seseorang individu lelaki yang beragama Islam yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh mengamalkan perkahwinan poligami.

- iii. Ia turut menjadi perhatian bahawa, oleh kerana suami dan isteri berkongsi tanggungjawab yang sama dalam perkahwinan, maka diskriminasi di dalam pengagihan harta tidak sepatutnya berlaku; hujah bahawa diskriminasi ini adalah sebab lelaki menanggung beban dan tanggungjawab yang lebih berat daripada wanita tidak lagi terpakai di hari ini.

(b) CRC

Pada 18 Jun, Suruhanjaya telah menganjurkan satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan yang berkenaan termasuk wakil agensi Kerajaan seperti KPWK; KLN; JKM; JAKIM, KDN dan Jabatan Imigresen; NGO seperti *P.S. The Children* dan *Voice of the Children*; Majlis Peguam dan pelbagai ahli akademik.

Objektif mesyuarat ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk menggalakkan perbincangan secara mendalam dan perkongsian pengalaman di kalangan peserta mengenai baki reservasi kepada CRC;
- ii. Untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat terkini daripada pihak berkepentingan yang berkenaan mengenai baki reservasi kepada CRC; dan
- iii. Untuk merangka cadangan yang praktikal dan dapat dilaksanakan yang boleh diterima pakai oleh Kerajaan berkenaan dengan baki reservasi kepada CRC.

Berikut adalah antara isu yang dibincangkan:

- i. Kerajaan telah membuat reservasi kepada Artikel 2 CRC atas dasar bahawa artikel tersebut tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang domestik dan dasar-dasar Kerajaan seperti dasar mengenai Bumiputera; Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tentang rizab kuota berkenaan dengan perkhidmatan dan permit untuk orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak; dan Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan tentang kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak.
- ii. Telah dinyatakan dengan jelas bahawa pendaftaran kelahiran tidak secara automatik memberi kewarganegaraan kepada mana-mana kanak-kanak; sebaliknya ia hanyalah satu proses pentadbiran. Kewarganegaraan bergantung kepada pematuhan syarat-syarat di bawah Perlembagaan dan undang-undang.
- iii. Terdapat beberapa implikasi sekiranya Kerajaan menarik balik reservasi kepada Artikel 28(1)(a) CRC, misalnya sama ada Kerajaan akan mempunyai kapasiti dan keupayaan

untuk menyediakan pendidikan percuma bagi semua kanak-kanak, termasuk kanak-kanak tidak berdaftar, kanak-kanak pelarian dan kanak-kanak tanpa kerakyatan. Walaupun demikian, telah dibangkitkan juga bahawa Kerajaan harus membangunkan pelan pendidikan khas untuk kanak-kanak tersebut kerana pada masa ini mereka tidak dibenarkan menghadiri sekolah biasa.

(c) CRPD

Pada 25 Jun, Suruhanjaya melalui RPDD telah menganjurkan PMB mengenai 'Penarikan Balik Reservasi Kepada CRPD'. PMB tersebut telah dihadiri oleh seramai 20 orang peserta dari pelbagai agensi termasuk ahli Dewan Negara, wakil KKM, JPN, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penjara, BHEUU, Majlis Keselamatan Negara, JKM, KDN, KPWK, Majlis Peguam Malaysia dan juga NGO.

PMB ini bertujuan untuk:

- i. Menyediakan peluang dan platform untuk para peserta berbincang secara mendalam dan berkongsi pendapat tentang baki reservasi kepada CRPD;
- ii. Mendapatkan pendirian yang jelas mengenai baki reservasi kepada CRPD; dan
- iii. Merangka cadangan praktikal yang boleh diterima pakai oleh Kerajaan berhubung dengan reservasi ini.

Berdasarkan PMB tersebut, Suruhanjaya mengambil maklum bahawa:

- i. Kebanyakan peserta bersetuju bahawa reservasi kepada Artikel 15 CRPD (mengenai seksaan atau layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah terhadap OKU) perlu ditarik balik oleh Kerajaan;
- ii. Peserta membangkitkan kebimbangan mengenai ketiadaan peruntukan khusus dalam undang-undang domestik berkaitan kesalahan yang merupakan siksaan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan dan yang menjatuhkan maruah;
- iii. Kerajaan perlu memahami dengan jelas sifat dan skop peruntukan Konvensyen dan juga memberikan penerangan terperinci mengenai apa-apa pengisytiharan atau reservasi yang dibuat oleh Malaysia;
- iv. Isu kerakyatan yang termaktub dalam Artikel 18 CRPD adalah elemen penting rasional Kerajaan kepada reservasi tersebut. Para peserta juga bersetuju bahawa Kerajaan konsisten dalam reservasi yang berkaitan dengan isu kerakyatan dan Malaysia telah membuat reservasi yang sama terhadap CRC dan CEDAW; dan
- v. Masih ada orang yang tidak mengetahui tentang kepentingan mendaftar sebagai OKU dan juga faedah yang disediakan oleh Kerajaan.

Pada 18 Ogos, Suruhanjaya telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat 'Jawatankuasa Teknikal Konvensyen Antarabangsa: CEDAW, CRC dan CRPD', yang diadakan oleh KPWKM di Putrajaya. Selepas itu, Suruhanjaya telah dijemput sekali lagi untuk mesyuarat susulan bagi membincangkan reservasi terhadap CRC dan CRPD, pada 26 November dan 12 Disember.

5. HAK KEPADA KESIHATAN DAN HIV/AIDS

Suruhanjaya sejak penubuhannya telah terlibat secara konsisten dengan isu yang memberi kesan ke atas hak kepada kesihatan di Malaysia. Pada tahun ini, Suruhanjaya bersetuju untuk bersama-sama menerbitkan sebuah laporan bertajuk 'Kajian dan Perundingan Mengenai Keadaan Perundangan dan Dasar Berkaitan Perkhidmatan HIV Di Malaysia' oleh Kumpulan Tema HIV dan AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNAIDS) di Malaysia. Objektif utama laporan ini adalah untuk mengenal pasti keadaan perundangan dan dasar semasa di Malaysia yang melindungi hak asasi manusia populasi utama yang terjejas, khususnya yang berkaitan dengan pencegahan HIV, penjagaan dan rawatan.

Memandangkan pentingnya kesedaran mengenai isu ini di kalangan kumpulan yang paling rentan dan penduduk kawasan pedalaman, Suruhanjaya telah menganjurkan tiga PMB mengenai Hak kepada Kesihatan dan HIV/AIDS di Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Lumpur pada 19, 20 dan 26 November, dengan objektif seperti berikut:

- i. Untuk memahami dan menghargai undang-undang dan dasar Kerajaan mengenai HIV/AIDS dan seterusnya untuk mendapatkan gambaran keseluruhan berkenaan penyebaran maklumat tentang undang-undang dan dasar mengenai HIV/AIDS di kalangan kumpulan yang terpinggir di kawasan luar bandar dan pedalaman;
- ii. Untuk mengenal pasti jurang dan cabaran dalam melaksanakan undang-undang yang berkaitan, arahan pentadbiran dan prosedur pencegahan dan kawalan HIV/AIDS;
- iii. Untuk merangka cadangan yang praktikal untuk menyokong dan menggesa kemasukan komponen hak asasi manusia dalam rancangan Kerajaan untuk mencegah dan mengurangkan risiko dan penyebaran jangkitan HIV.



Wakil Sabah AIDS Concern Society memberi komen semasa PMB mengenai Hak kepada Kesihatan dan HIV/AIDS di Kota Kinabalu, Sabah

Pelbagai isu dan cadangan telah dibangkitkan oleh para peserta dan diringkaskan seperti berikut:

- i. Kesedaran HIV/AIDS di kalangan penduduk di kawasan terpencil di Sarawak dan Sabah adalah agak rendah. Dari perbincangan tersebut, jelas bahawa kesedaran mengenai isu yang berkaitan dengan HIV/AIDS, terutama cara penyakit tersebut berjangkit, adalah sangat rendah. Suruhanjaya berpendapat bahawa pengetahuan mengenai HIV/AIDS adalah penting dalam menangani isu yang berkaitan dengan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV dan AIDS (PLHIV).
- ii. Dicapadangkan supaya Kerajaan membangunkan satu pelan strategik khusus untuk Sabah dan Sarawak disebabkan oleh faktor geografi dan kekurangan infrastruktur. Di samping itu, turut dicadangkan agar Kerajaan membina rumah-rumah perlindungan yang dilengkapi dengan kemudahan yang cukup dan juga pengamal perubatan untuk membantu PLHIV.
- iii. Para peserta berpendapat bahawa perlu ada satu pendekatan yang bijak dan strategik dalam menangani jangkitan HIV melalui hubungan seks tanpa perlindungan kerana buat masa ini trend jangkitan HIV telah beralih daripada penggunaan dadah suntikan (IDU) kepada jangkitan melalui hubungan seksual termasuk hubungan jenis heteroseksual dan homoseksual. Populasi yang paling berisiko (MARPS) adalah di kalangan wanita dan kanak-kanak. Sehubungan itu, peserta bersetuju bahawa kesedaran tentang kesihatan seksual reproduktif di kalangan wanita dan kanak-kanak adalah penting untuk menangani masalah tersebut.

Dicapadangkan supaya Kerajaan membangunkan satu pelan strategik khusus untuk Sabah dan Sarawak disebabkan oleh faktor geografi dan kekurangan infrastruktur. Di samping itu, turut dicadangkan agar Kerajaan membina rumah-rumah perlindungan yang dilengkapi dengan kemudahan yang cukup dan juga pengamal perubatan untuk membantu PLHIV.



Antara peserta PMB mengenai Hak kepada Kesihatan dan HIV/AIDS di Kuala Lumpur

Pada masa laporan ini ditulis, laporan perbincangan meja bulat tersebut sedang disiapkan. Suruhanjaya akan meneruskan penglibatan dengan Kementerian dan agensi berkaitan terutamanya dalam menyediakan input untuk dimasukkan ke dalam Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS 2016-2020.

6. KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menjalankan beberapa kajian mengenai beberapa undang-undang dan rang undang-undang seperti di bawah.

(a) Rang Undang-Undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama

Suruhanjaya mengambil maklum bahawa rang undang-undang tersebut akan menjadikan hasutan terhadap kebencian kaum dan agama sebagai satu kesalahan. Ia juga akan menjadikan penglibatan dalam tingkah laku yang bertujuan untuk membawa kebencian dan penghinaan terhadap seorang Raja sebagai satu kesalahan.

Suruhanjaya menekankan bahawa menjadikan kebencian sebagai satu jenayah adalah selaras dengan Artikel 4 ICERD yang menghendaki supaya Negara peserta menghukum empat kategori salah laku berikut, termasuk jenayah kebencian:

- i. Penyebaran idea berdasarkan keunggulan kaum atau kebencian kaum;
- ii. Hasutan untuk menimbulkan kebencian kaum;
- iii. Tingkah laku ganas terhadap mana-mana kaum atau kumpulan orang yang berlainan warna kulit atau asal etnik; dan
- iv. Hasutan untuk tindakan di bawah (iii) di atas.

Di samping itu, Artikel 20 ICCPR mewajibkan Negara peserta untuk menjadikan advokasi terhadap "kebencian negara, kaum atau agama yang merupakan hasutan kepada diskriminasi, permusuhan atau keganasan" sebagai satu perbuatan jenayah.

Berdasarkan hujah di atas, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memastikan bahawa skop undang-undang tersebut adalah terhad dengan ketat bagi menghukum jenayah kebencian sahaja dan bukannya penzahiran pendapat atau pandangan. Idea kontroversi dan pendapat yang dibuat dalam konteks debat akademik, penglibatan politik atau aktiviti yang serupa, tanpa hasutan kepada kebencian, penghinaan, keganasan atau diskriminasi, harus dianggap sebagai penggunaan hak kebebasan bersuara yang sah.

(b) Rang Undang-Undang Rekonsiliasi dan Keharmonian Nasional

Suruhanjaya telah mengambil maklum akan tujuan rang undang-undang tersebut, iaitu untuk melaksanakan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Kerajaan dan lain-lain pihak bukan Kerajaan untuk menegakkan prinsip kesaksamaan. Ia juga bertujuan melarang diskriminasi yang tidak adil atas alasan agama, bangsa, keturunan, tempat lahir, jantina dan ketidakupayaan dalam bidang pendidikan, politik, ekonomi, sosial, budaya atau mana-mana bidang yang lain dalam kehidupan awam. Rang undang-undang ini dengan jelas mengekalkan apa-apa keistimewaan yang diberikan kepada rakyat Bumiputera dan anak negeri di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Selepas mengkaji rang undang-undang tersebut, syor Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. Walaupun bahasa yang digunakan dalam rang undang-undang tersebut mengikuti bahasa yang digunakan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, namun, bertentangan dengan Perkara 8, larangan diskriminasi dalam rang undang-undang tersebut nampaknya merangkumi orang yang bukan warganegara Malaysia oleh sebab ungkapan "tempat lahir"; dan
- ii. Agar "umur" dipertimbangkan sebagai salah satu dasar larangan diskriminasi untuk melindungi orang yang lebih tua.

(c) Akta Dadah Berbahaya

Pada bulan Mac, Suruhanjaya telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat rundingan yang dianjurkan oleh KDN yang bertujuan untuk membincangkan dan berkongsi cadangan bagi meningkatkan dan memperbaiki keberkesanan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316). Mesyuarat tersebut telah diadakan di Shah Alam, Selangor dengan objektif seperti berikut:

- i. Untuk memberi maklumat mengenai Akta 316 kepada peserta secara amnya;
- ii. Untuk menyediakan platform kepada para peserta untuk berkongsi cadangan atau pendapat dan juga untuk membolehkan penyertaan penuh daripada para peserta dengan tujuan meningkatkan keberkesanan Akta 316; dan
- iii. Untuk memastikan bahawa Akta 316 akan dikuatkuasakan dengan lebih cekap pada masa akan datang, jika Kerajaan memutuskan untuk melanjutkan akta tersebut.

Mesyuarat rundingan tersebut telah dihadiri oleh pelbagai pihak yang berkepentingan khususnya NGO dan badan-badan lain yang berkaitan, ahli akademik, pengamal undang-undang, ahli politik dan juga badan-badan agama. Kumpulan tersebut telah dibahagikan kepada beberapa sesi berlainan. Antara isu lain yang dibincangkan di dalam mesyuarat rundingan itu ialah masalah yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah dadah di kalangan rakyat Malaysia, faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah kes dadah di Malaysia, perlunya pegawai terlatih dan mahir ditempatkan di sempadan Malaysia, perlunya peralatan yang lebih canggih, hak asasi tahanan termasuk hak untuk semakan kehakiman dan amalan terbaik Singapura berkaitan dengan isu ini.

Pada bulan Oktober, Suruhanjaya telah menerima satu kunjungan hormat dari SUARAM khusus untuk membincangkan "sunset clause"³ yang diperuntukkan di bawah Akta 316. Suruhanjaya mengalu-alukan usaha SUARAM dalam mengesyorkan agar Akta 316 dimansuhkan. Sepanjang perbincangan tersebut, Suruhanjaya mengambil maklum kebimbangan SUARAM bahawa:

3 Seksyen 1 [3] Akta 316 menunjukkan seperti berikut:
"Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa untuk tempoh lima tahun dari tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen [2]."

- i. Akta 316 melanggar hak kebebasan asasi⁴ seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan UDHR;⁵
- ii. Akta 316 tidak berkesan dalam mengurangkan jumlah kesalahan dadah berbahaya di Malaysia;
- iii. Tiada ketelusan dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa;
- iv. Selain daripada Akta 316, terdapat undang-undang lain yang lebih komprehensif dan mesra hak asasi manusia seperti Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]; dan
- v. Penahanan tanpa bicara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 316 boleh membawa kesan menggalakkan rasuah di kalangan mereka yang terlibat.

Sebagai tindakan susulan kepada mesyuarat itu, Suruhanjaya bersetuju untuk menjalankan satu kajian ke atas Akta 316. Suruhanjaya sedang dalam proses menyiapkan kertas pandangan mengenai perkara ini.

(d) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Pada 3 September, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) telah mengadakan sesi dialog dengan NGO bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670). Berdasarkan taklimat oleh wakil Jabatan Peguam Negara, telah dicadangkan agar Seksyen 42(1) ATIPSOM dipinda bagi membolehkan Rumah Perlindungan NGO digunakan sebagai tempat perlindungan untuk mangsa pemerdagangan melalui perisytiharan Menteri tanpa warta.⁶ Telah dicadangkan juga agar Seksyen 43 ATIPSOM dipinda untuk membenarkan Menteri melantik mana-mana orang yang sesuai, termasuk ahli NGO, sebagai Pegawai Pelindung.

Pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan seruan Suruhanjaya kepada Kerajaan untuk membenarkan pusat perlindungan NGO diiktiraf sebagai tempat perlindungan bagi mangsa pemerdagangan orang. Namun, walaupun cadangan Kerajaan untuk membenarkan "mana-mana orang yang sesuai" termasuk ahli NGO untuk dilantik sebagai Pegawai Pelindung adalah luhur, amat penting bagi Akta tersebut menetapkan kriteria "mana-mana orang yang sesuai" untuk mengelakkan penyalahgunaan peruntukan tersebut.

7. PERANAN SURUHANJAYA DI MAHKAMAH

Suruhanjaya bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes yang melibatkan isu kewarganegaraan seorang kanak-kanak yang lahir daripada pasangan ibu bapa yang tidak berkahwin ketika kelahirannya. Dalam kes tersebut, M Navin yang berdarah Malaysia-Filipina

⁴ Perkara 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia

⁵ Artikel 3, 7, 9, 10, 11 [1], 11 [2], 13 [1] dan 13 [2] UDHR

⁶ Seksyen 42 (1) Akta ATIPSOM menyatakan bahawa: "Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana rumah, bangunan atau tempat, atau mana-mana bahagian rumah, bangunan atau tempat itu, menjadi tempat perlindungan bagi jajaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan dan boleh, dengan cara yang sama, mengisytiharkan bahawa tempat perlindungan itu terhenti menjadi suatu tempat perlindungan"

telah memfailkan saman melalui bapa kandungnya R Moorthy, seorang warganegara Malaysia, menamakan JPN, KDN dan Kerajaan sebagai defendan, dan memohon diisytiharkan bahawa dia adalah seorang warganegara Malaysia menurut Perkara 14(b) atau Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu berhak kepada MyKad. Remaja itu mendakwa pada mulanya beliau telah diberikan sijil kelahiran yang meletakkan beliau sebagai warganegara ketika dilahirkan pada 8 Julai 1998, tetapi kemudian permohonan MyKad beliau dan taraf kewarganegaraannya telah ditolak oleh JPN.

Mewakili defendan, Peguam Persekutuan telah berhujah bahawa mengikut Jadual 2 Perlembagaan Persekutuan, ibu bapa kanak-kanak itu mestilah telah berkahwin menurut undang-undang tempatan bagi membolehkan kanak-kanak tersebut memenuhi syarat untuk kewarganegaraan. "Ibu bapa" di bawah Perkara 14 bermakna dua individu yang telah berkahwin secara sah.

Pada 25 November, M Navin berjaya mendapatkan perisytiharan bahawa dia adalah warganegara Malaysia mengikut Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Menurut Mahkamah Tinggi, tidak perlu bagi orang yang memohon pendaftaran sebagai seorang warganegara untuk membuktikan bahawa ibu bapa beliau telah berkahwin pada masa kelahiran beliau. Mahkamah Tinggi juga mengarahkan JPN untuk mengeluarkan MyKad kepada M Navin.

Suruhanjaya juga bertindak sebagai peguam pemerhati dalam kes Azmi Sharom dan Abdullah Zaik. Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) dan Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948. Walau bagaimanapun, pada 17 September, Azmi Sharom telah memfailkan permohonan untuk perisytiharan bahawa Seksyen 4 Akta Hasutan adalah bertentangan dengan Perlembagaan dan melanggar Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin kebebasan bersuara. Perkara itu kini di peringkat Mahkamah Persekutuan dan Suruhanjaya akan terus menjadi peguam pemerhati dalam kes ini.

8. ANTI HUKUMAN MATI

Pada 8 Oktober, Suruhanjaya bersama dengan Delegasi EU, Majlis Peguam, Kedutaan Switzerland, Pesuruhjaya Tinggi British, Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Amnesty International Malaysia telah menganjurkan pameran awam mengenai pemansuhan hukuman mati bertajuk 'Give Life a Second Chance Exhibition' di Pusat Membeli-belah 1Utama, Petaling Jaya. Pameran ini diadakan bersempena dengan Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keperluan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia. Di pameran itu, satu pembentangan khas telah dibuat oleh Encik Toshi Kazama, seorang jurugambar Jepun, yang telah mengambil gambar banduan muda yang bakal menjalani hukuman mati di beberapa buah negara. Pameran ini telah diadakan pada 8-12 Oktober.

Selain daripada pameran itu, Encik Toshi Kazama turut menyampaikan ceramah mengenai pemansuhan hukuman mati kepada pelajar di UM dan Kolej Nottingham; memberi temu bual radio, dan menghadiri mesyuarat dengan ahli politik iaitu YB Hannah Yeoh dan YB Elizabeth Wong.

II. BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA

Semua mangsa pencabulan hak asasi manusia sepatutnya boleh merujuk kepada Majlis Hak Asasi Manusia sebagai satu forum dan pendorong untuk tindakan.

Ban Ki-moon

Setiausaha Agung PBB

Sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (NHRI), Suruhanjaya menyedari bahawa tugas utamanya adalah untuk menegakkan hak asasi manusia di dalam negara. Namun demikian, dalam menjalankan tugas ini, Suruhanjaya memperakui pentingnya melibatkan diri dalam mekanisme serta badan antarabangsa dan serantau yang berkaitan dengan promosi dan perlindungan hak asasi manusia. Penglibatan sedemikian membolehkan Suruhanjaya mempelajari daripada pengalaman dan amalan baik negara-negara lain serta menawarkan sudut pandangan nasional yang boleh membawa kepada perbincangan yang lebih bermakna di forum-forum serantau dan antarabangsa. Oleh yang demikian, Suruhanjaya beriltizam untuk memainkan peranan yang aktif di pentas antarabangsa dengan mengambil bahagian dalam pelbagai rangkaian serantau dan antarabangsa serta dalam mekanisme PBB yang berkaitan.

Bahagian Koordinasi Antarabangsa menyelia dan membantu kerja-kerja dan penglibatan Suruhanjaya di peringkat serantau dan antarabangsa. Pada tahun 2014, Suruhanjaya memasuki tahun kedua dan terakhir sebagai Pengerusi Forum Komanwel Mengenai Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (CFNHRI), dan mengambil alih jawatan Pengerusi Forum Institusi Hak Asasi Manusia Nasional Asia Tenggara (SEANF). Suruhanjaya juga memainkan peranan yang aktif dalam kitaran kedua proses Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia.

1. JAWATANKUASA PENYELARAS ANTARABANGSA BAGI INSTITUSI- INSTITUSI NASIONAL UNTUK PROMOSI DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA (ICC)

Setelah berkhidmat selama lima tahun, Suruhanjaya menamatkan penggal kedua berturut-turut sebagai ahli Biro ICC, iaitu badan pengurusan yang membuat keputusan bagi ICC – sebuah rangkaian antarabangsa bagi NHRI dengan keahlian sejumlah lebih daripada 100 institusi yang bertauliah daripada seluruh dunia.

Salah satu tugas Biro ICC adalah mempertimbangkan dan menyokong syor-syor Jawatankuasa Kecil Pentauliah ICC (ICC-SCA), yang bertanggungjawab untuk menilai dan menaksir pematuhan sesebuah NHRI terhadap Prinsip Paris dan untuk mengesyorkan status pentauliah untuk NHRI tersebut. Prinsip Paris merupakan piawaian minima yang patut

dipatuhi oleh sesebuah NHRI untuk memastikan pelaksanaan tanggungjawab dan mandatnya secara berkesan. Status 'A' di bawah sistem pentauliahan ICC menandakan pematuhan yang penuh terhadap Prinsip Paris, status 'B' membawa maksud pematuhan separa, manakala status 'C' mencerminkan ketidakpatuhan. Status pentauliahan sesebuah NHRI dinilai setiap lima tahun oleh ICC-SCA untuk menggalakkan pematuhan yang berterusan terhadap Prinsip Paris.

Kali terakhir Suruhanjaya dinilai dan diberi pentauliahan adalah pada tahun 2010 dan Suruhanjaya akan dinilai semula pada bulan Oktober 2015. Sungguhpun ia kini berstatus 'A', Suruhanjaya sedar akan sifat proses pentauliahan ICC yang sentiasa berkembang, yang secara progresif meletakkan standard yang lebih tinggi bagi NHRI. Dalam mengambil kira perkara ini, Suruhanjaya telah menyerahkan satu kertas cadangan kepada Kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Paul Low Seng Kuan, yang mengusulkan agar undang-undang penubuhan Suruhanjaya, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), dipinda untuk memperkukuhkan lagi mandat dan kuasa Suruhanjaya bagi membolehkan keberkesanan yang lebih baik dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Pada dasarnya, usul tersebut merangkumi syor-syor yang bertujuan:

- i. Menambahbaik proses pemilihan Pesuruhjaya;
- ii. Melantik Pesuruhjaya sepenuh masa dan/atau anggota Suruhanjaya sambilan;
- iii. Meningkatkan tempoh perkhidmatan anggota Suruhanjaya;
- iv. Membolehkan Suruhanjaya menjalankan lawatan menjejut ke tempat tahanan;
- v. Membolehkan Suruhanjaya bertindak sebagai pengantara;
- vi. Memformalkan proses konsultasi antara Kerajaan dan Suruhanjaya dalam penggubalan dan pindaan undang-undang;
- vii. Memastikan pemberian dana tahunan yang mencukupi kepada Suruhanjaya menerusi Parlimen;
- viii. Membolehkan Suruhanjaya memainkan peranan sebagai *amicus curiae* dalam kes mahkamah yang membabitkan pencabulan hak asasi manusia; dan
- ix. Memastikan Laporan Tahunan Suruhanjaya dibahaskan di Parlimen.

Suruhanjaya amat berharap agar Kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap syor-syor tersebut dan agar syor itu diterima pakai oleh Kerajaan. Akta SUHAKAM yang lebih mantap bukan sahaja akan membawa kepada pelaksanaan tugas Suruhanjaya yang lebih sempurna, tetapi ia juga selaras dengan seruan ICC-SCA untuk mematuhi Prinsip Paris dengan lebih baik. Tambahan pula, ia sejajar dengan syor UPR yang telah dikemukakan oleh negara Turki kepada Malaysia semasa UPR keduanya yang menyeru agar Suruhanjaya diperkukuhkan, yang mana syor ini telah diterima secara penuh oleh Malaysia.

Walaupun prestasi sesebuah NHRI tidak bergantung sepenuhnya kepada undang-undang penubuhannya, peranan penting undang-undang tersebut sebagai prasyarat kepada NHRI yang bebas dan berkesan tidak boleh dinafikan.

Walaupun prestasi sesebuah NHRI tidak bergantung sepenuhnya kepada undang-undang penubuhannya, peranan penting undang-undang tersebut sebagai prasyarat kepada NHRI yang bebas dan berkesan tidak boleh dinafikan.

Sebagai salah satu daripada 16 ahli Biro ICC, Suruhanjaya telah menghadiri kedua-dua mesyuarat Biro ICC yang telah diadakan pada bulan Mac di Geneva, Switzerland dan pada bulan Oktober di Johannesburg, Afrika Selatan. Kedua-dua mesyuarat Biro tersebut telah membincangkan perkembangan terkini dari empat rantau iaitu Afrika, Amerika, Asia Pasifik dan Eropah; pelan strategik dan pelan pelaksanaan ICC; hal ehwal kewangan ICC; dan laporan dan syor-syor ICC-SCA.

Suruhanjaya juga telah menyertai Mesyuarat Agung Tahunan ICC di Geneva pada bulan Mac, di mana beberapa sesi panel tematik telah diadakan, termasuk perbincangan mengenai kitaran kedua UPR, Prinsip-prinsip Belgrade Tentang Hubungan Antara NHRI dan Parlimen, dan pelan tindakan hak asasi manusia nasional. Sebagai ahli panel, Pengerusi Suruhanjaya Tan Sri Hasmy Agam menyampaikan pembentangan mengenai pengalaman Suruhanjaya dalam proses pentauliahian ICC.

Di samping itu, Suruhanjaya telah diberi penghormatan untuk menyediakan draf kenyataan ICC tentang hak Orang Asal, yang telah dikemukakan di Sesi Tetap Ke-27 Majlis Hak Asasi Manusia (HRC).

Tambahan pula, Suruhanjaya berjaya dalam usahanya untuk menjadi ahli Kumpulan Kerja ICC Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Suruhanjaya telah dipilih, melalui Forum Asia Pasifik NHRI (APF), sebagai ahli Kumpulan Kerja tersebut bagi tempoh dua tahun mulai bulan Mac 2015. Kumpulan Kerja tersebut membantu penglibatan NHRI dalam bidang hak asasi manusia dan perniagaan, yang kian menjadi satu isu hak asasi manusia yang penting dan utama.

2. MAJLIS HAK ASASI MANUSIA (HRC)

Suruhanjaya memperakui pentingnya HRC dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia terutamanya melalui penglibatan ketara dan aktif Negara-negara Anggota PBB.

Selaku agensi utama berkenaan hak asasi manusia dalam sistem PBB, HRC menyediakan ruang bagi perbincangan yang bermakna mengenai pelbagai isu dan situasi hak asasi manusia, dan menjadi platform untuk menangani pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku di serata dunia.

Melihat kepada peranan penting yang dimainkan oleh HRC, Suruhanjaya telah meneruskan penglibatannya dengan HRC dengan mengambil bahagian dalam sesi tetapnya dan membuat

kenyataan di dalam perbincangan panel yang berkaitan. Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah menghadiri beberapa acara sewaktu sesi tetap ke-25 dan ke-27 HRC yang masing-masing diadakan pada bulan Mac dan September. Suruhanjaya juga telah mengemukakan lima kenyataan lisan kepada HRC, yang mana dua daripadanya adalah dalam bentuk kenyataan video. Kenyataan Suruhanjaya¹ adalah seperti berikut:

Suruhanjaya juga telah mengemukakan sejumlah lima kenyataan lisan kepada HRC, yang mana dua daripadanya adalah dalam bentuk kenyataan video.

- Kenyataan Mengenai Ruang Bagi Penglibatan Masyarakat Sipil – dibentangkan semasa Sesi ke-25 HRC
- Kenyataan Mengenai Hak Kepada Makanan – dibentangkan semasa Sesi ke-25 HRC
- Kenyataan Mengenai Hak Kepada Pendidikan Bagi Orang Kurang Upaya – dibentangkan semasa Sesi ke-25 HRC
- Kenyataan Mengenai Penerimaan Hasil UPR Kedua Malaysia – dibentangkan semasa Sesi ke-25 HRC
- Kenyataan Mengenai Hak Wanita – dibentangkan semasa Sesi ke-26 HRC



Pengerusi Suruhanjaya Tan Sri Hasmy Agam menyampaikan Kenyataan Mengenai Hak Kepada Pendidikan Bagi Orang Kurang Upaya semasa Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia pada bulan Mac di Geneva

Tambahan pula, Suruhanjaya mengambil bahagian dalam mesyuarat antara NHRI dan Jawatankuasa Hak Orang Kurang Upaya (CRPD), yang telah diadakan bersempena dengan Sesi ke-27 HRC dan telah dianjurkan bersama oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia dan Pejabat PBB di Geneva. Mesyuarat tersebut, yang merupakan mesyuarat pertama seumpama itu, terbukti bermanfaat apabila peserta memutuskan untuk bekerjasama dalam membangunkan Garis Panduan Jawatankuasa CRPD mengenai penglibatan NHRI dan Mekanisme Pemantauan Kebangsaan dalam kerja-kerja Jawatankuasa CRPD.

¹ Lihat Lampiran 2 untuk transkrip kenyataan-kenyataan Suruhanjaya ke HRC

Suruhanjaya menghargai peluang dan ruang yang diberikan kepada NHRI berstatus 'A' untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri secara bebas dalam HRC. Hak penyertaan bebas yang dikurniakan kepada NHRI menggambarkan pengiktirafan HRC terhadap peranan penting yang dimainkan oleh NHRI dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Namun demikian, pengiktirafan sedemikian hanya terhad kepada badan PBB tertentu dan tidak wujud di banyak forum PBB yang lain termasuk Perhimpunan Agung PBB dan sesi Suruhanjaya Mengenai Status Wanita (CSW). Suruhanjaya berpandangan bahawa hak penyertaan bebas NHRI sepatutnya terpakai di seluruh sistem PBB dan bukan sahaja di badan PBB tertentu.

Sehubungan itu, Suruhanjaya menyambut baik Resolusi keempat HRC Mengenai NHRI, yang telah diterima pakai tanpa undi semasa Sesi ke-27 HRC pada bulan Jun. Resolusi tersebut, yang telah ditaja oleh Australia, mengalu-alukan peranan NHRI dalam mekanisme HRC seperti UPR, dan juga dalam kerja-kerja badan-badan triti dan prosedur-prosedur khas, serta memperakui bahawa NHRI tidak patut berhadapan dengan apa jua bentuk tindakan balas dan gertakan. Ia juga menggalakkan NHRI untuk bekerjasama dengan Kerajaan negara masing-masing dan pihak berkepentingan yang lain untuk mencegah pelanggaran hak asasi manusia.

Menyedari bahawa Resolusi tersebut akan meningkatkan pengiktirafan terhadap peranan penting NHRI, Suruhanjaya telah menggesa Kerajaan untuk menaja bersama Resolusi tersebut.

Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan menunjukkan sokongan lebih padu terhadap resolusi-resolusi mengenai NHRI di masa akan datang dengan menaja bersama resolusi sebegitu.

Namun, seperti tahun-tahun terdahulu, Kerajaan tidak berbuat sedemikian. Semasa sesi dialog yang telah diadakan pada bulan November bagi membincangkan Laporan Tahunan 2013 Suruhanjaya, Kementerian Luar Negeri (KLN) menjelaskan bahawa walaupun Malaysia tidak menaja bersama Resolusi tersebut, ia telah menyertai konsensus dalam menerima pakai Resolusi itu. KLN selanjutnya menerangkan bahawa pendirian yang telah diambil oleh Malaysia tidak menggambarkan tentangan terhadap Resolusi tersebut, tetapi sebenarnya adalah satu bentuk penerimaan terhadap Resolusi itu. Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum dan menghargai penjelasan serta maklum balas yang telah diberikan oleh Kerajaan, ia berpandangan bahawa penajaan bersama Resolusi tersebut merupakan

pendirian yang lebih baik bagi Malaysia kerana ini akan mencerminkan sokongan padu negara terhadap objektif dan peruntukan-peruntukan Resolusi itu, yang bertujuan mengukuhkan pengiktirafan terhadap NHRI. Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan menunjukkan sokongan lebih padu terhadap resolusi-resolusi mengenai NHRI di masa akan datang dengan menaja bersama resolusi sebegitu.

Pada bulan November, Pelapor Khas mengenai Hak Semua Orang kepada Standard Kesihatan Fizikal dan Mental yang Paling Tinggi, Encik Dainius Puras, menjalankan lawatan negara ke Malaysia untuk menilai keadaan berkaitan pencapaian hak kepada kesihatan di negara ini. Semasa misi beliau, Pelapor Khas tersebut telah mengadakan perjumpaan dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi Kerajaan, ahli Parlimen, organisasi antarabangsa,

Suruhanjaya berpendapat bahawa keputusan untuk menjemput Pelapor Khas adalah suatu inisiatif yang harus dipuji, dan berharap agar Kerajaan akan menjemput Pemegang Mandat Prosedur Khas yang lain seperti Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Migran dan Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Orang Asal untuk melawat Malaysia.

CSO dan juga Suruhanjaya. Salah satu isu yang dibincangkan semasa perjumpaan antara Suruhanjaya dan Pelapor Khas tersebut adalah projek Suruhanjaya mengenai hak kepada kesihatan di penjara. Suruhanjaya bersetuju dengan dapatan awal Pelapor Khas tersebut yang mengatakan bahawa sikap diskriminasi yang wujud terhadap kumpulan terpinggir tertentu harus dihapuskan bagi menjamin pencapaian penuh hak kepada kesihatan di negara ini.

Suruhanjaya berpendapat bahawa keputusan untuk menjemput Pelapor Khas tersebut adalah suatu inisiatif Kerajaan yang harus dipuji, dan berharap agar Kerajaan akan menjemput Pemegang Mandat Prosedur Khas yang lain seperti Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Migran dan Pelapor Khas Mengenai Hak Asasi Manusia Orang Asal untuk melawat Malaysia. Pandangan dan syor yang ditawarkan oleh Pelapor Khas amat bermanfaat

dalam membantu Kerajaan dan pihak berkepentingan lain mengenalpasti jalan penyelesaian bagi pelbagai isu hak asasi manusia di negara ini.

3. FORUM KOMANWEL INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (CFNHRI)

CFNHRI merupakan sebuah badan tidak rasmi yang dianggotai oleh NHRI dan mekanisme nasional lain, seperti institusi ombudsman yang mempunyai mandat hak asasi manusia, daripada Negara-negara Komanwel. Ia mempunyai lebih kurang 40 ahli dan merupakan platform yang berguna untuk perbincangan dan perkongsian maklumat tentang isu hak asasi manusia yang menjadi kebimbangan bersama.

Sebagai Pengerusi CFNHRI, Suruhanjaya telah menganjurkan dua aktiviti utama dalam tahun ini. Aktiviti pertama adalah Mesyuarat Tahunan CFNHRI, yang telah diadakan di Geneva dengan kerjasama Unit Hak Asasi Manusia daripada Sekretariat Komanwel. Mesyuarat Tahunan tersebut, yang berlangsung selama sehari pada 11 Mac, telah menyaksikan kehadiran 45 wakil daripada ahli-ahli CFNHRI dan organisasi lain yang berkumpul untuk membincangkan dua isu yang penting iaitu Agenda Pembangunan Pasca 2015 dan Perlindungan Kepada Pembela Hak Asasi Manusia.

Dengan tahun 2015 yang disasarkan untuk pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) yang semakin dekat, komuniti antarabangsa sedang mempertimbangkan satu set matlamat pembangunan yang baru, yang digelar sebagai Matlamat Pembangunan Mampan Pasca 2015 (SDG). Pada Mesyuarat Tahunan CFNHRI, peserta-peserta telah mempersetujui bahawa NHRI mempunyai peranan penting dalam menggesa supaya hak asasi manusia

menjadi pertimbangan utama dalam SDG. Penerapan piawai hak asasi manusia ke dalam SDG akan mengurangkan jurang antara pembangunan dan pematuhan hak asasi manusia.

Perbincangan tentang Perlindungan Kepada Pembela Hak Asasi Manusia memfokuskan kepada keperluan untuk melindungi pembela hak asasi manusia daripada menjadi mangsa kepada sebarang bentuk keganasan, ugutan, gangguan atau tindakan balas terhadap usaha mereka dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. Ia juga tertumpu kepada peranan NHRI dalam menegakkan Deklarasi PBB 1998 Tentang Pembela Hak Asasi Manusia.

Aktiviti utama kedua yang dianjurkan oleh Suruhanjaya adalah Latihan Pengantaraan Dan Perundingan Komanwel Untuk NHRI. Latihan tersebut, yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos dan dianjurkan bersama oleh Sekretariat Komanwel dan Pusat Afrika Untuk Penyelesaian Pertikaian yang Membina (ACCORD), telah dihadiri oleh pegawai kanan daripada 14 ahli CFNHRI. Objektif latihan tersebut adalah untuk mempertingkatkan keupayaan NHRI untuk mengelakkan konflik dan menggalakkan penyelesaian pertikaian secara aman melalui pengantaraan.

Tambahan pula, Suruhanjaya, dalam tugasnya sebagai Pengerusi CFNHRI, telah meneruskan pengurusan dan pentadbiran laman sesawang CFNHRI. Dari masa ke semasa, laman sesawang tersebut telah dikemas kini dengan berita dan perkembangan daripada ahli CFNHRI.



Peserta Latihan Pengantaraan dan Perundingan Komanwel, Kuala Lumpur, Ogos

4. PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR)

UPR adalah satu mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang bertujuan menambah baik keadaan hak asasi manusia di setiap Negara Anggota PBB melalui satu proses penilaian sesama kerajaan, yang dijalankan setiap empat tahun setengah.

Pada bulan Oktober 2013, Malaysia menjalani penilaian kedua di bawah proses UPR dan menerima sejumlah 232 syor daripada 104 Negara Anggota. Negara yang dinilai mempunyai budi bicara untuk menentukan syor-syor mana yang akan diterima dan dilaksanakan di peringkat kebangsaan. Semasa penerimaan hasil UPR kedua Malaysia pada Sesi Tetap ke-25 HRC pada bulan Mac, Malaysia telah mengumumkan pendiriannya berkenaan syor-syor UPR yang telah diterima. Delegasi Kerajaan mengisytiharkan bahawa 150 daripada 232 syor telah disokong atau diterima. Daripada 150 syor tersebut, 113 telah diterima secara penuh, 22 telah diterima secara prinsip, manakala 15 telah diterima secara sebahagian. Takrifan ketiga-tiga kategori syor yang diterima tersebut dan juga senarai syor yang berkaitan telah dijelaskan dalam maklum balas rasmi yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada HRC, yang boleh didapati di laman sesawang HRC dalam dokumen A/HRC25/10/Add.1 dan A/HRC25/10/Add.1/Corr.1.

Suruhanjaya, yang juga hadir di sesi tersebut, menggunakan hak istimewanya sebagai NHRI berstatus 'A' untuk menyampaikan kenyataan lisan² sepanjang dua minit, sejurus selepas pembentangan delegasi Kerajaan. Dalam kenyataan tersebut, Suruhanjaya menyeru, antara lain, agar Kerajaan memberi keutamaan terhadap penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia antarabangsa dan menjamin serta melindungi hak masyarakat sivil untuk menyumbang kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia.

Dalam kenyataan tersebut, Suruhanjaya menyeru, antara lain, agar Kerajaan memberi keutamaan terhadap penyertaan kepada triti utama hak asasi manusia antarabangsa dan menjamin serta melindungi hak masyarakat sivil untuk menyumbang kepada promosi dan perlindungan hak asasi manusia.

Berdasarkan analisa Suruhanjaya, didapati bahawa syor-syor UPR yang berkaitan dengan hak ekonomi, sosial dan kebudayaan mendapat antara peratusan tertinggi sokongan daripada Kerajaan (95%), diikuti dengan syor-syor mengenai pemerdagangan orang (93%), dan syor-syor tentang mekanisme kebangsaan mengenai hak asasi manusia (86%). Suruhanjaya gembira kerana Kerajaan telah menerima sepenuhnya ketiga-tiga syor berkaitan dengan pengukuhan Suruhanjaya dan penglibatan Kerajaan dengannya. Kerajaan telah menerima 65% daripada syor-syor tentang kumpulan rentan/terpinggir, 40% daripada syor-syor mengenai hak sivil dan politik dan 37 % daripada syor-syor mengenai kewajipan antarabangsa.

Sebelum penerimaan hasil UPR kedua Malaysia, Suruhanjaya telah menganjurkan sesi rundingan bersama CSO pada bulan Januari untuk membincangkan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Pada 27 Januari, Suruhanjaya telah mengadakan perjumpaan dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) dan menyerahkan kertas cadangan kepada KLN yang menekankan pendirian Suruhanjaya berhubung dengan syor-syor UPR yang telah diterima oleh Malaysia. Pada dasarnya, Suruhanjaya telah menyarankan agar Kerajaan menerima sebanyak mungkin syor-syor yang membina dan praktikal ke arah merealisasikan secara bermakna dan sepenuhnya hak untuk semua di Malaysia. Suruhanjaya juga menekankan bahawa walaupun ia boleh menjadi pengantara untuk menyampaikan kebimbangan CSO untuk perhatian Kerajaan, peranan tersebut tidak mengecualikan Kerajaan daripada tugasnya untuk berunding dengan pihak berkepentingan secara terus dan kerap.

2 Lihat Lampiran 2 untuk kenyataan Suruhanjaya semasa penerimaan hasil UPR kedua Malaysia

Walaupun Suruhanjaya memperakui bahawa Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama untuk melaksanakan syor-syor UPR, ia juga mengiktiraf peranan mustahak pihak berkepentingan lain seperti CSO di semua peringkat proses UPR, termasuk peringkat susulan.

Walaupun proses penilaian di Geneva – adakalanya dipanggil 'dialog interaktif' – mungkin dilihat sebagai acara kemuncak proses UPR, Suruhanjaya menganggap peringkat susulan sebagai tidak kurang pentingnya. Semasa peringkat susulan, sesebuah negara dikehendaki melaksanakan kesemua syor yang diterima. Suruhanjaya percaya bahawa walaupun UPR seterusnya bagi Malaysia dijadualkan untuk berlangsung pada tahun 2018, tindakan dan langkah-langkah seharusnya sudah diambil ke arah melaksanakan syor-syor tersebut untuk memastikan komitmen UPR yang dibuat oleh

Malaysia dapat dipenuhi sebelum Malaysia dinilai buat kali ketiga.

Walaupun Suruhanjaya memperakui bahawa Kerajaan mempunyai tanggungjawab utama untuk melaksanakan syor-syor UPR, ia juga mengiktiraf peranan mustahak pihak berkepentingan lain seperti CSO di semua peringkat proses UPR, termasuk peringkat susulan. Tambahan pula, Suruhanjaya percaya bahawa bagi memastikan agar syor-syor tersebut dilaksanakan secara berkesan, penglibatan langsung secara aktif oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan adalah diperlukan.

Tambahan pula, Suruhanjaya percaya bahawa bagi memastikan agar syor-syor tersebut dilaksanakan secara berkesan, penglibatan langsung secara aktif oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan adalah diperlukan.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosi serta menggalakkan penyertaan kesemua pihak berkepentingan dalam proses UPR, Suruhanjaya telah menganjurkan beberapa sesi taklimat mengenai proses UPR di seluruh negara, di lokasi-lokasi berikut:

- Kuala Lumpur, 14 Julai
- Kuching, 16 Julai
- Kota Kinabalu, 18 Julai
- Johor Bahru, 19 Ogos
- Pulau Pinang, 21 Ogos
- Kuala Terengganu, 26 Ogos

Peserta sesi taklimat tersebut termasuk wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, CSO dan juga media. Menyedari peranan penting media, Suruhanjaya juga telah menganjurkan sesi taklimat yang berasingan di Kuala Lumpur pada bulan Julai untuk pengamal-pengamal media yang berpangkalan di kawasan Lembah Klang.



Sesi taklimat mengenai UPR kedua Malaysia di Kuala Lumpur pada bulan Julai

Objektif sesi taklimat yang telah dijalankan di seluruh negara itu, yang telah diketuai oleh Naib-Pengerusi Suruhanjaya Datuk Dr Khaw Lake Tee, adalah seperti berikut:

- i. Untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan pihak berkepentingan terutamanya agensi-agensi Kerajaan, CSO dan media mengenai mekanisme UPR;
- ii. Untuk memupuk kesedaran tentang komitmen yang telah dibuat oleh Malaysia di bawah UPR keduanya, terutamanya syor-syor yang telah diterima oleh Kerajaan;
- iii. Untuk menekankan peranan penting kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan syor UPR;
- iv. Untuk menggalakkan penglibatan aktif kesemua pihak berkepentingan termasuk CSO dan media dalam proses UPR;
- v. Untuk menggariskan isu-isu hak asasi manusia yang telah dibangkitkan semasa UPR kedua Malaysia yang boleh dijadikan, antara lainnya, titik permulaan yang berguna bagi CSO untuk memajukan perjuangan hak asasi manusia mereka masing-masing;
- vi. Untuk menggalakkan liputan media yang lebih luas oleh media arus perdana dan juga media alternatif mengenai isu-isu hak asasi manusia termasuk UPR.

Suruhanjaya turut gembira kerana telah menerima permintaan khas daripada Ibu Pejabat Polis Pahang untuk mengadakan sesi tambahan khusus bagi polis kontinjen Pahang. Sesi khas tersebut telah diadakan pada bulan September dan telah dihadiri oleh lebih daripada 30 pegawai kanan polis.

Setelah mengambil kira maklum balas dan pandangan yang diperolehi semasa sesi-sesi taklimat tersebut, Suruhanjaya mengemukakan syor-syor berikut berkaitan dengan tindakan susulan UPR:

- i. Agar satu Pasukan Petugas Khas yang terdiri daripada wakil agensi-agensi Kerajaan ditubuhkan dan satu pelan tindakan dibangunkan bagi memastikan proses tindakan susulan UPR yang berkesan;
- ii. Agar rundingan yang meluas dan bermakna diadakan bersama pihak berkepentingan termasuk CSO;
- iii. Agar perbincangan berkelompok yang melibatkan agensi Kerajaan dan CSO berkaitan diadakan bagi membincangkan kelompok-kelompok khusus syor UPR;
- iv. Agar Kerajaan menyerahkan laporan separuh penggal kepada Majlis Hak Asasi Manusia di pertengahan kitaran kedua;
- v. Agar syor-syor UPR diambil kira dalam Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional;
- vi. Agar maklumat mengenai UPR kedua Malaysia seperti syor-syor yang diterima oleh Kerajaan diterjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan dan diedarkan secara meluas untuk tatapan umum; dan
- vii. Agar ruang disediakan bagi membincangkan syor-syor UPR yang telah ditolak kerana ianya berkait rapat dengan sebilangan isu hak asasi manusia yang penting di negara ini.

Semasa sesi dialog mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa ia akan mula berinteraksi dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk Suruhanjaya dan CSO pada tahun 2015 untuk membincangkan rancangan tindakan susulan UPR Malaysia. Suruhanjaya mengalu-alukan interaksi tersebut dan berharap agar ianya akan membawa kepada langkah-langkah kukuh dan praktikal ke arah memenuhi komitmen UPR Malaysia secara berkesan.

Suruhanjaya yakin dengan potensi proses UPR untuk membawa perubahan positif ke arah penghormatan dan pematuhan hak asasi manusia yang lebih baik di Malaysia. Meskipun terdapat sikap pesimis dan kritikan oleh sesetengah pihak terhadap mekanisme UPR, yang sebahagiannya disebabkan oleh sifat diplomatik proses penilaian antara kerajaan di Geneva, dan kesamaran sejumlah besar syor-syor UPR, Suruhanjaya yakin bahawa UPR boleh membawa kepada peningkatan dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia, dengan syarat kesemua pihak berkepentingan memainkan peranan masing-masing dengan aktif. Suruhanjaya berpendapat bahawa UPR direka untuk mengambil pendekatan mesra dalam mendorong negara untuk memperbaiki pelbagai isu dan menambah baik keadaan hak asasi manusia dalam negara secara beransur-ansur. Oleh itu, adalah amat penting bagi Kerajaan selaku pihak berkewajipan memberikan iltizam yang penuh terhadap tindakan susulan UPR supaya hasil terbaik UPR dapat dicapai.

Oleh itu, adalah amat penting bagi Kerajaan selaku pihak berkewajipan memberikan iltizam yang penuh terhadap tindakan susulan UPR supaya hasil terbaik UPR dapat dicapai.

5. FORUM ASIA PASIFIK INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (APF)

APF adalah sebuah organisasi hak asasi manusia serantau yang terdiri daripada NHRI dari Asia Pasifik. Tumpuannya adalah sokongan terhadap penubuhan dan pengukuhan NHRI dalam rantau tersebut melalui pelbagai program dan aktiviti. APF pada masa sekarang mempunyai 22 ahli, yang mana Suruhanjaya merupakan salah satu ahli.

APF, melalui Sekretariat yang berpangkalan di Sydney, menitikberatkan pembangunan kapasiti ahli APF. Ia kerap menganjurkan latihan dan bengkel tentang pelbagai isu hak asasi manusia untuk pegawai daripada ahli APF, dengan menggunakan kepakaran dari seluruh dunia. Sekretariat APF juga menghasilkan buku panduan untuk NHRI tentang bidang tematik hak asasi manusia yang berbeza, untuk melengkapkan sesi latihan yang disediakan, dan membekalkan pembangunan kapasiti untuk anggota Suruhanjaya melalui Dialog Peringkat Tinggi. Suruhanjaya telah menyertai hampir kesemua program APF dan berasa bahawa inisiatif dan usaha yang mereka jalankan sangat berguna dan bermanfaat, terutamanya dalam mempertingkatkan kapasiti Suruhanjaya untuk melaksanakan pelbagai tugas yang diperlukan bagi memenuhi mandat dan tanggungjawabnya secara berkesan.

Suruhanjaya memuji Kerajaan atas tindakan ini dan percaya bahawa sokongan ini akan banyak membantu dalam menyumbang kepada pengukuhan NHRI di rantau ini.

Atas dasar itu, Suruhanjaya, pada tahun 2013, telah mencadangkan agar Kerajaan Malaysia membuat sumbangan kewangan tahunan kepada APF, sebagai satu tanda sokongan kepada APF untuk kerjanya yang wajar dihargai. Kerajaan dengan besar hati telah bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya dan memutuskan untuk menyumbang sebanyak USD50,000 setiap tahun kepada APF untuk tempoh tiga tahun. Suruhanjaya memuji Kerajaan atas tindakan ini dan percaya bahawa sokongan ini akan banyak membantu dalam menyumbang kepada pengukuhan NHRI di rantau ini.

Suruhanjaya telah menyertai Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APF yang diadakan pada bulan Jun di Sydney. Di mesyuarat ini, Setiausaha Suruhanjaya telah menyampaikan satu pembentangan tentang Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal (NI) yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya. Suruhanjaya juga telah menghadiri Mesyuarat Tahunan APF di New Delhi pada bulan September, di mana Suruhanjaya telah dipilih sebagai salah satu wakil APF kepada Kumpulan Kerja ICC Mengenai Hak Asasi Manusia dan Perniagaan. Salah satu agenda utama Mesyuarat Tahunan tersebut adalah sesi tentang Pelan Strategik APF untuk tahun 2015-2020.

Dalam tahun ini, Suruhanjaya telah memberikan inputnya untuk beberapa buku panduan APF yang baru, yang sedang dalam proses perkembangan. Pemberian input tersebut adalah dibuat atas jemputan APF. Bagi Buku Panduan APF mengenai Pemantauan Hak Ekonomi dan Sosial, Suruhanjaya telah memberikan maklumat tentang projeknya mengenai Pemantauan Akses Kepada Pendidikan Bagi Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran. Suruhanjaya telah berkongsi maklumat tentang kes mahkamah yang berkaitan dengan seorang individu kurang

upaya, di mana Suruhanjaya telah bertindak sebagai peguam pemerhati, untuk tujuan buku panduan APF Mengenai Hak Orang Kurang Upaya.

6. FORUM INSTITUSI HAK ASASI MANUSIA NASIONAL ASIA TENGGARA (SEANF)

SEANF merupakan satu lagi forum bagi NHRI di Asia Tenggara untuk bekerjasama menegakkan hak asasi manusia melalui aktiviti dan projek usahasama. SEANF dianggotai oleh enam ahli iaitu Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional Myanmar, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Thailand dan Pejabat Provedor Bagi Hak Asasi Manusia dan Keadilan Timor Leste.

Suruhanjaya, sebagai salah satu daripada pengasas SEANF, meneruskan penglibatan secara aktif dalam aktiviti dan mesyuarat SEANF. Suruhanjaya telah menghadiri kedua-dua Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal (TWG), yang telah dianjurkan oleh Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Indonesia (Komnas HAM), di Bali dan Jakarta, pada bulan April dan bulan September.

Suruhanjaya juga telah menghadiri Mesyuarat Tahunan ke-11 SEANF, yang telah diadakan selama dua hari di Bali. Di Mesyuarat Tahunan tersebut, ahli-ahli telah membincangkan isu berkaitan seperti hak asasi manusia dan keamanan serta keselamatan, Komuniti ASEAN, hak warga emas dan juga hak asasi manusia dan perniagaan. Pengerusi Suruhanjaya telah menyampaikan pembentangan tentang usaha-usaha Suruhanjaya yang berhubung dengan hak warga emas dan juga cadangan pembangunan sebuah instrumen serantau bagi warga emas kerana ketiadaan instrumen sebegitu di peringkat antarabangsa. Tambahan pula, Suruhanjaya, sebagai ketua NHRI bagi projek bersama SEANF mengenai hak Orang Asal, juga telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk 'Amalan Terbaik dalam Mempromosi dan Melindungi Hak Orang Asal'.

Pada bulan November, Suruhanjaya telah menyandang jawatan Pengerusi SEANF, yang akan dipegangnya selama satu tahun sehingga Mesyuarat Tahunan SEANF seterusnya pada tahun 2015. Dengan tanggungjawab ini, Suruhanjaya beriltizam untuk memupuk kerjasama yang lebih erat di kalangan ahli-ahli SEANF ke arah mencapai advokasi hak asasi manusia yang lebih berkesan di sub-rantau ini.

7. SURUHANJAYA ANTARA KERAJAAN ASEAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA (AICHR)

Sebagai entiti hak asasi manusia yang paling utama dalam struktur ASEAN, AICHR mempunyai tanggungjawab yang besar untuk meningkatkan promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Asia Tenggara. Setelah lima tahun ditubuhkan, harapan terhadap badan hak asasi manusia utama dalam ASEAN ini semakin tinggi.

Suruhanjaya gembira kerana AICHR, melalui beberapa wakilnya, telah menggiatkan penglibatan mereka dengan pihak berkepentingan, termasuk NHRI dari negara anggota ASEAN. Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menyertai beberapa acara AICHR, yang mana kebanyakannya merupakan rundingan. Antara acara tersebut adalah seperti berikut:

- i. Konsultasi Serantau Tentang Kebebasan Beragama dan Kepercayaan Dalam ASEAN, Jakarta, Indonesia, 19-20 Feb;
- ii. Konsultasi Antara AICHR dan Organisasi Masyarakat Sipil dan Pihak Berkepentingan mengenai Penyemakan Semula Terma Rujukan (TOR) Bagi AICHR, Jakarta, Indonesia, 29 April;
- iii. Bengkel AICHR Mengenai Hak Asasi Manusia, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yangon, Myanmar, 13-15 Sept;
- iv. Bengkel Susulan Bagi Agenda Pembangunan Milenium Pasca 2015, Jakarta, Indonesia, 15-16 Okt;
- v. Dialog Hak Asasi Manusia Jakarta Ketiga Mengenai Moratorium Hukuman Mati, Jakarta, Indonesia, 10-11 Nov;
- vi. Bengkel AICHR Tentang Mekanisme Serantau dan Hak Asasi Manusia, Bangkok, Thailand, 17-18 Nov; dan
- vii. Konsultasi ASEAN Tentang Amalan-amalan Kebudayaan dan Agama yang Memberikan Kesan Terhadap Hak Kanak-kanak, Jakarta, Indonesia, 18-20 Nov.

Rundingan seperti ini memainkan peranan penting dalam mendapatkan gambaran yang lebih tepat dan realistik tentang keadaan hak asasi manusia di lapangan, yang mana ianya sangat penting untuk merangka dasar dan undang-undang yang berkesan dan praktikal di peringkat domestik. Suruhanjaya berharap agar AICHR akan mengekalkan amalan rundingan ini dan berusaha untuk mengadakan rundingan yang lebih meluas dengan pelbagai pihak berkepentingan pada masa akan datang.

Dengan penyemakan semula Terma Rujukan (TOR) AICHR yang sedang dijalankan, Suruhanjaya berharap agar TOR yang lebih baik dapat dicapai, yang boleh membawa kepada mekanisme hak asasi manusia ASEAN yang lebih dinamik dan berkesan. Oleh itu, Suruhanjaya berharap Malaysia, sebagai salah satu daripada 10 ahli ASEAN, akan berusaha agar TOR yang baru tersebut akan mengandungi rujukan yang jelas terhadap peranan NHRI sebagai salah satu rakan dialog AICHR, serta kuasa perlindungan yang lebih mantap.

Oleh itu, Suruhanjaya berharap Malaysia, sebagai salah satu daripada 10 ahli ASEAN, akan berusaha agar TOR yang baru tersebut akan mengandungi rujukan yang jelas terhadap peranan NHRI sebagai salah satu rakan dialog AICHR, serta kuasa perlindungan yang lebih mantap.

Pada tahun 2015, Wakil Malaysia ke AICHR, Tan Sri Dato' Sri Dr Muhammad Shafee Abdullah, akan mengambil alih peranan sebagai Pengerusi AICHR, selari dengan jawatan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN. Oleh itu, Suruhanjaya berharap agar dapat bekerjasama dengan beliau dalam usaha mewujudkan perbincangan yang lebih bermakna berkaitan dengan isu hak asasi manusia di forum ASEAN.

Oleh itu, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan Malaysia memastikan bahawa hak asasi manusia menjadi komponen asas dalam Visi Pasca 2015 ASEAN. Tambahan pula, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan mengadakan rundingan bermakna dengan pihak-pihak berkepentingan seperti NHRI dan organisasi masyarakat sivil dalam merangka Visi ASEAN yang baru ini.

Malaysia merupakan sebuah negara yang dipandang tinggi oleh komuniti antarabangsa dan dihormati oleh rakan-rakan sejian ASEAN di atas kejayaan yang telah dicapai selama ini. Apabila Malaysia mengambil alih jawatan sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015 nanti, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan memainkan peranan utama dalam memperjuangkan hak asasi manusia di kalangan negara-negara ASEAN. Suruhanjaya yakin bahawa Malaysia, sebagai Pengerusi ASEAN, akan memberikan impak yang besar dalam menetapkan aspirasi dan hala tuju ASEAN. Komuniti ASEAN dijangka akan tercapai sepenuhnya pada akhir tahun 2015, dan dengan itu perangkaan Visi Pasca 2015 ASEAN kini

dalam perancangan. Oleh itu, Suruhanjaya menyeru agar Kerajaan Malaysia memastikan bahawa hak asasi manusia menjadi komponen asas dalam Visi Pasca 2015 ASEAN. Tambahan pula, Suruhanjaya berharap agar Kerajaan akan mengadakan rundingan bermakna dengan pihak-pihak berkepentingan seperti NHRI dan organisasi masyarakat sivil dalam merangka Visi ASEAN yang baru ini. Ini akan membolehkan pandangan masyarakat ASEAN diambil kira dalam perangkaan dokumen yang penting ini, selaras dengan tema keseluruhan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, iaitu 'ASEAN Mesra-Penduduk' (*People-Centred ASEAN*).

8. PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA NASIONAL (NHRAP)

Seawal tahun 2001, Suruhanjaya telah mencadangkan agar Kerajaan merangka satu NHRAP sebagai satu rancangan yang inklusif dan kukuh bagi promosi dan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Setelah bertahun-tahun advokasi dilakukan oleh Suruhanjaya, Kerajaan akhirnya telah memutuskan pada tahun 2010 untuk membangunkan pelan tersebut. Pada tahun 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NHRAP pertama telah diadakan. Selaku ahli Jawatankuasa Pemandu tersebut, Suruhanjaya telah mengambil bahagian dalam kedua-dua Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu kedua yang telah diadakan pada bulan Oktober, YB Puan Hajah Nancy Shukri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan maklumat terkini tentang kemajuan pelan tersebut. Beliau telah menekankan bahawa fasa kedua kajian dasar bagi pelan tersebut akan bermula pada tahun 2015 dan akan melibatkan rundingan dengan pihak berkepentingan di seluruh negara.

Sebelum Mesyuarat tersebut, Suruhanjaya telah mengemukakan kertas cadangan kepada Menteri, di mana Suruhanjaya telah mengetengahkan kebimbangan dan syor-syor berikut:

1. Supaya rundingan yang kerap, bermakna dan menyeluruh diadakan dengan semua pihak berkepentingan di setiap peringkat proses pembangunan pelan tersebut;
2. Supaya wakil-wakil CSO dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu;
3. Supaya penyertaan Malaysia kepada triti teras hak asasi manusia antarabangsa dan juga syor-syor UPR Malaysia diutamakan dalam NHRAP; dan
4. Supaya penyiapan pelan tersebut, yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada akhir tahun 2016, dipercepatkan.

Pada bulan November, Suruhanjaya telah menghadiri satu acara mengenai NHRAP yang telah dianjurkan oleh BHEUU, yang merupakan agensi utama dan urus setia bagi pembangunan NHRAP. Acara tersebut yang melibatkan wakil dari agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil menjadi platform untuk perbincangan mengenai perkembangan pelan tersebut. Suruhanjaya memuji Kerajaan atas inisiatif yang telah diambil untuk meningkatkan penglibatan dengan organisasi masyarakat sivil dan berharap agar lebih banyak rundingan yang bermakna dapat dijalankan dalam masa terdekat. Suruhanjaya bersedia untuk menawarkan bantuan kepada Kerajaan dengan memberikan pandangan dan input ke arah pembangunan NHRAP yang berkesan dan praktikal.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar akan terus memantau tindakan Kerajaan berhubung dengan syor-syor Suruhanjaya, serta mengenal pasti bidang untuk advokasi susulan. Pada tahun 2015, disebabkan oleh penyusunan semula, ia akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Pembaharuan Perundangan dan Tritis serta Bahagian Dasar. Ini dilakukan dengan tujuan untuk menjadi lebih strategik, praktikal dan berkesan dalam memenuhi fungsinya dan menjalankan mandat Suruhanjaya.

Memandangkan tahun 2015 merupakan tahun yang penting bagi Suruhanjaya – dengan mengambil kira peranannya sebagai pengerusi kepada CFNHRI dan SEANF, serta penilaian semula Suruhanjaya di bawah sistem pentauliahan ICC yang dijadualkan untuk tahun ini – **Bahagian Koordinasi Antarabangsa** berazam untuk menyokong Suruhanjaya bagi membolehkan Suruhanjaya memberikan sumbangan yang besar dan bermakna dalam mempromosikan perjuangan hak asasi manusia di pentas antarabangsa. Bahagian Koordinasi Antarabangsa percaya bahawa walaupun usaha-usaha di peringkat domestik perlu diutamakan, advokasi bagi hak asasi manusia di pentas antarabangsa tidak patut ditinggalkan. Semua usaha harus digunakan untuk memastikan hak asasi manusia dihormati dan dinikmati dengan lebih baik di negara ini.

4

BAB

LAPORAN PEJABAT SABAH

Hak bukanlah sesuatu yang ORANG BERIKAN kepada anda; ia adalah sesuatu yang tak seorang pun boleh ambil dari anda.

Ramsey Clark

Peguam dari America, Aktivis

Berterusan dari tahun-tahun sebelumnya, tahun ini Pejabat Suruhanjaya di Sabah (Pejabat Sabah) telah menerima pelawat dari semua daerah di negeri Sabah, terutamanya dari daerah pedalaman, yang datang untuk memfailkan aduan serta mendapatkan khidmat nasihat berkenaan isu yang dihadapi oleh mereka, terutamanya isu tanah.

Pejabat Sabah juga meneruskan usaha mempromosi dan membela hak asasi manusia melalui pelbagai aktiviti dan program dengan kerjasama agensi Kerajaan dan NGO. Program dan aktiviti sebegini bukan saja memajukan objektif bersama semua pihak iaitu peningkatan kefahaman hak asasi manusia, tapi juga dalam masa yang sama turut mengeratkan jalinan kerjasama di antara Suruhanjaya, Kerajaan dan NGO. Sepanjang tahun 2014, respon orang ramai terhadap program yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Sabah semakin meningkat. Program tersebut telah berjaya memupuk kesedaran terhadap hak asasi manusia serta peranan dan fungsi Suruhanjaya, terutamanya di kalangan masyarakat pedalaman Sabah.

Sepanjang tahun 2014, respon orang ramai terhadap program yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Sabah semakin meningkat.

1. ADUAN

Pejabat Sabah telah menerima 279 aduan yang kebanyakannya melibatkan isu tanah. (Sila lihat Jadual 1). Aduan dibuat melalui memorandum, surat, emel, panggilan telefon dan kehadiran sendiri pengadu. Pejabat Sabah turut merekodkan keterangan lisan pengadu semasa sesi program 'Hari Bertemu Pelanggan' anjuran Biro Pengaduan Awam (BPA) Negeri dan Persekutuan.

Prosedur pengendalian aduan menghendaki surat rasmi dikeluarkan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan penerangan berkenaan status tanah yang menjadi isu. Suruhanjaya turut mengesyorkan agar jabatan seperti Jabatan Tanah dan Ukur Sabah menubuhkan satu unit khas untuk mengendalikan aduan atau pertikaian. Ini juga akan mempercepatkan respon bila adanya pertanyaan lanjut.

Jadual 1: Aduan yang Diterima oleh Pejabat Sabah, 2014

| JENIS ADUAN | BILANGAN KES |
|--|--------------|
| Hal-hal berkaitan tanah | 71 |
| Kewarganegaraan | 74 |
| Sijil Kelahiran | 71 |
| Hal-hal berkaitan Polis (tahanan pencegahan serta kegagalan untuk bertindak) | 3 |
| Pekerjaan | 10 |
| Imigresen | 18 |
| Pendidikan | 3 |
| Lain-Lain | 29 |
| Jumlah | 279 |

2. SIASATAN ADUAN

Pejabat Sabah turut membuat lawatan dan siasatan terhadap aduan yang diterima untuk mengesahkan aduan tersebut serta mendapatkan maklumat lanjut. Pada 8 Oktober, Pejabat Sabah telah menganjurkan sesi dialog bersama dengan 300 orang penduduk kampung di Dewan Masyarakat Sandakan.

Pada 11 Oktober, dialog yang serupa telah diadakan di Dewan Masyarakat Semporna dah ia telah dihadiri oleh Pegawai Daerah, Setiausaha Majlis Keselamatan untuk Sabah/Labuan serta para pegawai daripada Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOM). Seramai 200 orang penduduk kampung menghadiri dialog tersebut.

3. KANAK-KANAK TIDAK BERNEGARA DI MALAYSIA

Pejabat Sabah telah menerima banyak aduan tentang kelambatan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam memproses dokumen pengenalan, terutamanya bagi rakyat tempatan yang telah berkahwin dengan orang migran, anak-anak orang migran, dan juga orang asal yang tinggal di kawasan pedalaman. Ketiadaan dokumen pengenalan telah membawa pelbagai masalah kepada para pengadu, seperti kesukaran mendapat pekerjaan atau mendaftar anak-anak mereka di sekolah. Kanak-kanak tidak boleh mendapat pendidikan rasmi tanpa sijil kelahiran mereka.

4. PROGRAM MENGENAI HAK KEPADA KESIHATAN DI PENJARA

Program Hak kepada Kesihatan di Penjara jatuh di bawah salah satu bidang tematik Suruhanjaya, yang mana antaranya, melibatkan lawatan ke penjara di Sabah. Lawatan telah dibuat ke Penjara

Kota Kinabalu pada 7-8 Mei, Penjara Sandakan pada 13-14 Oktober dan Penjara Tawau pada 16-17 Oktober. Lebih daripada 500 salinan borang soal selidik telah diedarkan kepada para responden.



Lawatan oleh Pejabat Sabah ke Penjara Tawau

5. PROGRAM MENGENAI KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS

Program mengenai Kematian dalam Tahanan Polis juga jatuh di bawah salah satu bidang tematik Suruhanjaya, yang mana melibatkan lawatan ke enam buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Sabah iaitu IPD Kota Kinabalu, Penampang, Ranau, Sandakan, Lahad Datu, dan Tawau pada 22-27 September hasil daripada Perbincangan Meja Bulat (PMB) Suruhanjaya mengenai kematian dalam tahanan pada 20-21 Ogos 2013.



Lawatan ke IPD

6. PROGRAM MENGENAI HAK KEPADA KESIHATAN DAN HIV/AIDS

Pada 20 November, PMB telah diadakan berkenaan Program Hak kepada Kesihatan dan HIV/AIDS di Kota Kinabalu. Lebih kurang 50 orang peserta telah menghadiri PMB tersebut. Antara

penyampai yang terlibat adalah Encik Hairudin Masnin dari Kumpulan Tema UN HIV/AIDS; Dr Khamisah Awang Lukman dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah; dan Profesor Dr Kamarudin D Mudin dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS. (Lihat Laporan di muka surat 79)

7. SESI TAKLIMAT SURUHANJAYA MENGENAI PENILAIAN PENGALAN SEJAGAT (UPR) MALAYSIA YANG KEDUA

Malaysia telah melalui UPR yang kedua pada 24 Oktober 2013 di Geneva, Switzerland dan disusuli dengan penerimaan laporan hasil UPR Malaysia yang kedua oleh Majlis Hak Asasi PBB (UNHCR) pada 20 Mac 2014. Untuk menggalakkan kesedaran tentang proses UPR serta syor-syor yang diterima oleh Malaysia, Suruhanjaya turut memperkembangkan Pelan Tindakan Susulan UPR. Sebagai sebahagian daripada pelan itu, Suruhanjaya telah mengadakan sesi taklimat untuk memaklumkan pihak berkenaan di peringkat Persekutuan dan Negeri tentang proses UPR dan juga peranan mereka masing-masing bagi membolehkan syor-syor UPR dilaksanakan dengan penuh dan berkesan sebelum penilaian seterusnya dilakukan pada tahun 2018. Satu sesi taklimat telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 18 Julai. Seramai 60 orang dari pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta NGO Kerajaan dari Sabah turut hadir dalam sesi taklimat tersebut. UPR kedua telah mendapat liputan yang lebih luas daripada pihak media tempatan berbanding UPR pertama. Ini amat dihargai oleh Suruhanjaya kerana ia membantu meningkatkan kesedaran dan minat terhadap proses UPR khususnya dan hak asasi manusia umumnya. Suruhanjaya berharap agar pihak media akan terus menunjukkan minat yang aktif terhadap isu hak asasi manusia.

8. LAWATAN KE PULAU BERHALA, SANDAKAN

Pada 1 Ogos, Pejabat Sabah yang diketuai oleh Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating telah melawat Pulau Berhala dengan tujuan memeriksa kemudahan bilik darjah yang telah dibina oleh Markas Angkatan Bersama bagi kemudahan penduduk pulau tersebut yang kebanyakannya terdiri daripada orang yang tidak berdaftar. Selain daripada infrastruktur fizikal, pengajaran bacaan dan tulisan secara percuma turut diberikan kepada penduduk pulau tersebut oleh staf Markas Angkatan Bersama.



Lawatan Pesuruhjaya Nordin Kasim ke Pulau Berhala, Sandakan

9. ROAD SHOW MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

Pejabat Sabah telah meneruskan penyertaannya dalam program 'Hari Bertemu Pelanggan' yang dianjurkan oleh BPA peringkat Persekutuan dan Negeri. Sepanjang tahun 2014, seramai 425 orang telah melawat kaunter bergerak Suruhanjaya (150 orang di Tamparuli pada 8 Januari dengan BPA-Jabatan Ketua Menteri, 135 orang di Kuala Penyu pada 29 April dengan BPA-Jabatan Ketua Menteri, dan 140 orang di Papar pada 28 September dengan BPA-Jabatan Perdana Menteri). Biasanya, sebanyak 25-35 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan membuka kaunter aduan bagi memudahkan masyarakat di setiap daerah untuk membuat aduan. Program ini juga membuka peluang kepada orang awam untuk memberi komen serta cadangan bagi penambahbaikan mutu perkhidmatan Kerajaan secara keseluruhannya.



Pegawai Suruhanjaya di salah satu sesi 'Hari Bertemu Pelanggan'

10. SAMBUTAN HARI ORANG ASAL SEDUNIA

Pejabat Sabah telah dijemput oleh Jaringan Orang Asal Malaysia (JOAS) untuk menyertai secara aktif program sambutan peringkat kebangsaan Hari Orang Asal Sedunia pada 7-10 Ogos. Pejabat Sabah telah menganjurkan pameran tentang hak Orang Asal dan forum sehari tentang ekonomi Orang Asal di Malaysia. Sepanjang lima hari sambutan tersebut, Pejabat Sabah turut serta dalam pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk mengeratkan kerjasama di antara masyarakat Orang Asal di Malaysia serta memaklumkan masyarakat umum mengenai hak Orang Asal. Sambutan tersebut, serta isu yang dihadapi oleh Orang Asal, telah mendapat liputan meluas daripada media.



Sambutan Hari Orang Asal Sedunia, 7-10 Ogos

11. LAIN-LAIN AKTIVITI

(a) Lawatan Ke Pusat Tahanan Sementara Kimanis/Sandakan/Tawau

Pejabat Sabah telah melawat pusat tahanan sementara di Sabah bagi melicinkan pemberian khidmat perubatan kepada para tahanan di pusat tersebut. Lawatan pertama telah diadakan pada 16 Jun di Pusat Tahanan Sementara Sandakan; lawatan kedua pada 17 Jun di Pusat Tahanan Sementara Tawau; dan yang ketiga pada 23 Jun di Pusat Tahanan Sementara Kimanis. Hasil daripada lawatan, didapati ketiga-tiga pusat tahanan tersebut mengalami masalah seperti sistem perparitan yang tersumbat akibat ketiadaan kerja-kerja penyelenggaraan berkala.

(b) Lawatan Ke Penempatan Semula Penduduk Kampung Tanduo Di Tanjung Labian Dan Tanjung Batu

Pada 15 April, Pejabat Sabah yang diketuai oleh Pesuruhjaya Nordin Kasim Madating telah melawat kampung penempatan semula bagi penduduk Kg Tanduo di Tanjung Labian dan Tanjung Batu. Lawatan ini adalah bertujuan untuk memeriksa keperluan asas seperti kemudahan bekalan air bersih dan pusat perubatan untuk penduduk kampung yang terlibat.

(c) Pendidikan Mengenai Hak Asasi

Pejabat Sabah telah bekerjasama dengan Pusat Latihan RELA di Sabah dalam usaha untuk mempromosi hak asasi manusia di kalangan pelatih RELA sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan mereka. Dalam tahun 2014, Pejabat Sabah telah mengadakan 10 sesi bersama Pusat Latihan RELA. Dalam setiap sesi yang berlangsung selama dua setengah jam, para pelatih telah diberi taklimat tentang peranan dan fungsi Suruhanjaya, serta prinsip utama hak asasi manusia. Seramai 2,500 orang peserta telah menghadiri latihan tersebut sepanjang tahun 2014.

II. HARAPAN MASA DEPAN

Pejabat Sabah akan terus mencari cara untuk mempertingkatkan kerjasama di antara NGO, sektor Kerajaan dan sektor swasta bagi menyasat perkara-perkara yang ditimbulkan dalam aduan yang diterima. Sehubungan dengan itu, Pejabat Sabah akan mendapatkan kerjasama serta bantuan setiap lapisan masyarakat, termasuk pihak media, untuk mempromosi dan membela hak asasi manusia di Sabah.

5

BAB

LAPORAN PEJABAT SARAWAK

Hak tidak akan dapat dimenangi dengan hanya diam membisu. Hak tidak dikurniakan dari atas; ia harus dipaksa oleh tekanan dari bawah.

Roger Baldwin

Pengasas, American Civil Liberties Union

Pada tahun 2014, Pejabat Sarawak meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang hak asasi manusia melalui ceramah dan *road show* serta siasatan terhadap aduan pencabulan hak asasi manusia di negeri ini. Isu tanah masih lagi menjadi isu utama bagi kebanyakan aduan yang diterima.

1. PENYELESAIAN ADUAN

Pada tahun 2014, Pejabat Sarawak telah menerima sejumlah 29 aduan (Jadual 1), di mana 16 daripadanya tidak berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia. Suruhanjaya berjaya menyelesaikan satu aduan berkaitan dengan kes pemerdagangan orang dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), manakala baki 12 aduan lagi sedang menanti tindakan oleh pihak berkenaan. Pecahan aduan adalah seperti yang tertera di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Aduan yang Diterima oleh Pejabat Sarawak, 2014

| NO | JENIS ADUAN | BILANGAN |
|----|---|----------|
| 1. | Hak tanah adat anak negeri | 7 |
| 2. | Kesaksamaan/diskriminasi (atas dasar bangsa, agama, jantina, ketidakupayaan, fahaman politik dan lain-lain) | 2 |
| 3. | Kebebasan asasi dan keselamatan diri | 1 |
| 4. | Pemerdagangan/penyeludupan manusia | 1 |
| 5. | Kesaksamaan di sisi undang-undang/Hak ke atas percabaran yang adil dan terbuka | 1 |
| 6. | Hak untuk memiliki harta | 1 |
| 7. | Lain-lain | 16 |

(a) Tanah Adat Anak Negeri

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kebanyakan aduan yang telah diterima adalah berkenaan isu tanah adat anak negeri. Tuduhan yang dibuat masih menekankan masalah pencerobohan ke atas tanah yang dianggap sebagai tanah adat anak negeri, oleh agensi Kerajaan mahupun syarikat swasta yang terlibat dengan pembalakan, penanaman kelapa sawit dan juga perhutanan. Boleh dikatakan dalam kesemua aduan sebegini, tanah yang dipertikaikan merupakan tanah Kerajaan, bererti pampasan tidak perlu dibayar kepada pengadu. Dalam sesetengah kes di mana bayaran pampasan telah dipersetujui, aduan timbul akibat kelewatan pembayaran serta jumlah pampasan yang tidak setimpal.

Kebanyakan aduan berkisar tentang:

- Pengawai penguatkuasa yang tidak memandang serius terhadap aduan yang dibuat, malah dalam sesetengah kes, pengadu pula yang dikenakan tindakan;
- Pampasan yang tidak dibayar, atau bayaran yang tertunggak, atau jumlah pampasan yang tidak setimpal dalam kes di mana tanah telah diambil oleh pihak berkuasa; dan
- Pencerobohan oleh agensi Kerajaan serta syarikat swasta ke dalam kawasan yang dianggap tanah adat anak negeri.

2. CERAMAH KESEDARAN HAK ASASI MANUSIA DAN HAK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Jadual 2: Ceramah Hak Asasi Manusia, 2014

| TARIKH | LOKASI | TOPIK |
|---------|--------------------------------|---|
| 19 Ogos | Sri Aman | Ceramah Kesedaran Hak Asasi Manusia dan Hak OKU |
| 25 Sept | Lundu | Ceramah Kesedaran Hak Asasi Manusia dan Hak OKU |
| 25 Okt | RH Bihai Baoh Ulu Dalat, Mukah | Ceramah Kesedaran Hak Asasi Manusia dan Hak OKU |

Isu yang telah dibangkitkan oleh para peserta:

- Hak OKU.
- Kesukaran mendapatkan perlindungan keselamatan sosial untuk OKU, warga emas serta fakir miskin.
- Tindakan JKM memotong elaun bulanan OKU daripada RM300 kepada RM150 tanpa notis, yang telah menyebabkan ketidakpuasan di kalangan OKU.
- Elaun yang tidak mencukupi untuk pemimpin masyarakat dan gesaan untuk penilaian semula elaun tersebut.
- Keengganan Kerajaan Negeri untuk mengeluarkan geran bagi tanah yang dihuni oleh komuniti Orang Asal.

- Kelewatan yang tidak sepatutnya dalam memproses permohonan tanah oleh individu.
- Keraguan terhadap status tanah 'NCR' dan 'tanah Kerajaan' di mana tanah dimiliki oleh penduduk kampung yang tidak mempunyai dokumen rasmi seperti geran tanah, namun mereka mendakwa adanya bukti kukuh, seperti kewujudan kubur lama di atas tanah tersebut, yang menunjukkan bahawa mereka telah memiliki tanah tersebut dari zaman nenek moyang mereka lagi.
- Pencerobohan ke atas tanah adat anak negeri oleh syarikat kelapa sawit swasta.

3. LAWATAN

(a) Lawatan Ke Murum

Pada 18 Jun, Suruhanjaya telah mengadakan satu lawatan ke SK Tegulang, penempatan Long Malim (kaum Kenyah), penempatan Long Wat (kaum Penan) dan Empangan Murum. Lawatan tersebut telah dihadiri oleh Pesuruhjaya James Nayagam, Encik Simon Karunagaram (Ketua Bahagian Aduan dan Pemantauan), Cik Nur Adlin (Pegawai Bahagian Inkuiri) dan Encik Alfonso Min (Pegawai Pejabat Sarawak) bersama dengan pegawai Sarawak Energy Berhad (SEB).

Dalam mesyuarat pada 17 Jun bersama SEB, Suruhanjaya diberitahu bahawa kaum Penan dan Kenyah yang terlibat dengan program penempatan semula akan mendapat pampasan di bawah *Murum Resettlement Action Plan* sepertimana berikut:

- 15 hektar tanah bagi setiap keluarga, berdasarkan perkiraan berikut :
 - 1 hektar untuk penempatan
 - 6 hektar untuk penanaman padi
 - 0.5 hektar untuk penanaman sayur-sayuran
 - 1.5 hektar untuk penanaman ubi kayu, jagung, keladi, kentang dan sebagainya
 - 1 hektar untuk penanaman buah-buahan (durian, petai, pisang dan sebagainya)
 - 1 hektar untuk penanaman sagu
 - 4 hektar untuk penanaman getah
- Kebenaran memasuki kawasan hutan untuk mengutip hasil hutan dan memburu binatang – melibatkan kawasan seluas 20 hektar;
- Pampasan sebanyak RM15,000 bagi setiap keluarga semasa perpindahan;
- Elaun sementara sebanyak RM850 setiap keluarga (RM250 diberikan secara tunai manakala RM650 disalurkan dalam bentuk bekalan makanan);
- Penempatan percuma (1 unit rumah panjang yang berkeluasan 1,300 kaki persegi);
- Bekalan air bersih yang mencukupi;
- Bekalan elektrik di mana subsidi sebanyak RM40 sebulan diberikan kepada setiap keluarga;
- Pemasangan pakej Astro NJOI secara percuma;
- Pembinaan rumah ibadat dan taman permainan;
- Sekolah;
- Bantuan perubatan;

- Lot tanah kebun untuk setiap keluarga; dan
- Program berkaitan pembangunan aktiviti pertanian bagi meningkatkan taraf hidup penduduk.

Lawatan telah diadakan untuk melihat dan memantau kawasan penempatan baru akibat pembinaan Empangan Murum, mengenalpasti isu berbangkit, dan mendapatkan maklum balas daripada kaum Kenyah dan kaum Penan berhubung syarat perjanjian yang telah dipersetujui antara komuniti tersebut dengan SEB. Butir-butir lawatan adalah seperti berikut:

i. SK Tegulang

Pihak SEB telah mengubahsuai tiga blok bangunan yang merupakan bekas pejabat mereka untuk dijadikan sekolah bagi anak-anak penduduk penempatan semula. SK Tegulang mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari dengan bilangan guru seramai 11 orang. Sekolah tersebut mempunyai kapasiti murid seramai 119 orang dan pecahannya sepertimana berikut:

- Tahun 1: 23 orang
- Tahun 2: 22 orang
- Tahun 3: 18 orang
- Tahun 4: 23 orang
- Tahun 5: 20 orang
- Tahun 6: 13 orang

Isu di SK Tegulang :

i. Masalah Pengangkutan

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa kehadiran murid-murid di SK Tegulang semakin menurun disebabkan oleh masalah pengangkutan. Buat masa ini, pengangkutan yang digunakan untuk menghantar kanak-kanak kaum Kenyah dan kaum Penan ke sekolah adalah kenderaan pacuan 4 roda (Toyota Hilux). Sebanyak dua buah Toyota Hilux telah dibekalkan oleh SEB bagi setiap penempatan. Jalan yang digunakan untuk menghantar kanak-kanak tersebut ke sekolah adalah jalan untuk pembalakan dan sekiranya hari hujan, keadaan jalan tersebut yang licin dan tidak rata akan membahayakan keselamatan kanak-kanak tersebut. Ini menyebabkan sebilangan ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Selain itu, Suruhanjaya juga dimaklumkan bahawa kenderaan yang disediakan tidak mencukupi memandangkan kenderaan tersebut turut digunakan oleh penduduk kampung untuk pengagihan bekalan makanan.

ii. Kekurangan Buku Teks

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa tidak semua buku teks telah disalurkan ke sekolah tersebut untuk diberikan kepada kanak-kanak kaum Penan dan kaum Kenyah. Pada bulan Mac, pihak pengurusan SK Tegulang telah melaporkan kepada Kementerian Pendidikan (KPM) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berkenaan perkara tersebut. Namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas yang diterima.

Tinjauan yang dibuat di SK Tegulang mendapati bahawa sekolah tersebut berdepan dengan masalah kekurangan guru dan mereka sedang dalam proses untuk mendapatkan guru tambahan daripada KPM.

- iii. Bantuan Kewangan
Sehingga kini, pihak SEB membekalkan makanan pada waktu rehat bagi murid di SK Tegulang semasa sesi persekolahan. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan telah memohon bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk setiap murid daripada pihak PPD. Namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas yang diterima.
- iv. Bekalan Air Dan Elektrik
Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya dimaklumkan bahawa tenaga elektrik yang dihasilkan oleh mesin jana kuasa hanya dibekalkan ke kawasan sekolah dan kuarters guru bagi tempoh enam jam sahaja sehari. Pengehadan tempoh tersebut adalah untuk menjimatkan bekalan diesel. Buat masa ini, diesel bagi kegunaan mesin jana kuasa dibekalkan oleh pihak SEB.

Selain itu, Suruhanjaya turut dimaklumkan bahawa terdapat masalah kekurangan bekalan air bersih bagi SK Tegulang dan kuarters guru.

ii. Penempatan Long Malim

Kaum Kenyah yang merupakan penduduk di penempatan Long Malim telah mula berpindah ke penempatan baru pada bulan November 2013. Keluasan bagi satu unit rumah panjang adalah 1,300 kaki persegi dan terdapat dua blok yang telah dibina di penempatan Long Malim.

Isu di penempatan Long Malim:

- i. Elaun Sementara dan Bayaran Pampasan
Suruhanjaya telah dimaklumkan bahawa elaun sementara sebanyak RM250 telah diberikan kepada komuniti yang terlibat yang mana ianya dibayar setiap tiga bulan sekali. Selain itu, penduduk kampung juga telah menerima bayaran pampasan sebanyak RM15,000 yang diberikan semasa mereka mula-mula berpindah ke penempatan Long Malim.
- ii. Reka Bentuk Kediaman
Semasa lawatan, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada penduduk rumah panjang berkenaan tentang keadaan dapur mereka yang terdedah. Dapur yang dibina tidak mempunyai dinding atau pintu untuk menghalang orang luar daripada memasuki kawasan dapur. Situasi ini menyebabkan berlakunya kecurian barang-barang yang diletakkan di dapur rumah panjang tersebut.

Penduduk rumah panjang turut menyatakan bahawa mereka telah memohon kepada pihak SEB untuk disediakan kipas. Namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas yang diterima daripada pihak SEB.

- iii. Bekalan Air Dan Elektrik
Suruhanjaya dimaklumkan bahawa bekalan elektrik yang dihasilkan oleh mesin jana kuasa di sini juga dihadkan untuk tempoh enam jam sahaja. Berkenaan bekalan air pula, penduduk menyatakan bahawa mereka menerima bekalan air bersih yang mencukupi.
- iv. Bekalan Makanan
Berdasarkan *Murum Resettlement Action Plan*, sebanyak RM650 setiap bulan akan digunakan bagi membeli bekalan makanan untuk kaum Kenyah. Menurut maklum balas yang diterima, bekalan makanan tersebut hanya dihantar ke penempatan Long Malim sekali setiap dua atau tiga bulan disebabkan oleh kekurangan kenderaan untuk mengangkut bekalan makanan tersebut.
- v. Pembahagian Tanah
Berdasarkan *Murum Resettlement Action Plan*, setiap keluarga akan mendapat sebanyak 15 hektar tanah untuk kegunaan pertanian. Namun begitu, berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Suruhanjaya, penduduk kampung masih belum menerima 15 hektar tanah sepertimana yang dijanjikan. Disebabkan ini, penduduk kampung hanya bergantung kepada bekalan makanan dan elaun RM250 yang diberikan untuk meneruskan hidup memandangkan mereka masih belum diberikan tanah pertanian.
- vi. Aspek Kesihatan
Suruhanjaya mendapati bahawa klinik bergerak telah disediakan bagi memudahkan penduduk kampung menerima bantuan perubatan.

iii. Penempatan Long Wat

Penempatan Long Wat didiami oleh kaum Penan yang mula berpindah ke penempatan tersebut pada bulan Disember 2013.

Isu di penempatan Long Wat:

- i. Elaun Sementara dan Bayaran Pampasan
Semasa lawatan, Suruhanjaya mendapati bahawa elaun sementara sebanyak RM250 telah dibayar setiap 3 bulan sekali. Selain itu, penduduk kampung juga telah menerima bayaran pampasan sebanyak RM15,000 yang diberikan semasa mereka mula-mula berpindah ke penempatan Long Wat.
- ii. Reka Bentuk Kediaman
Semasa lawatan tersebut, Suruhanjaya telah menerima aduan daripada penduduk rumah panjang berkenaan tentang keadaan longkang yang tersumbat di bahagian belakang rumah. Penduduk memaklumkan bahawa aduan telah dihantar kepada pihak SEB dan semasa lawatan dijalankan, pihak SEB telah mengambil maklum tentang masalah ini.

Selain itu, wakil penduduk yang merupakan Pengerusi *Murum Penan Development Committee* (MPDC), En Taliwas Paneh menyatakan bahawa dinding di dalam bilik anak beliau telah retak. Wakil Suruhanjaya dan pihak SEB turut meninjau bilik yang dinyatakan dan mendapati terdapat keretakan di dinding. Pihak SEB telah mengambil maklum mengenai perkara ini.

Suruhanjaya turut menerima aduan daripada penduduk yang menyatakan bahawa siling di bahagian hadapan rumah panjang (dewan) bocor dan aduan telah dibuat kepada pihak SEB.

iii. Bekalan Air dan Elektrik

Suruhanjaya dimaklumkan bahawa bekalan elektrik yang dijana menerusi mesin jana kuasa juga dihadkan untuk tempoh enam jam sahaja. Berkenaan bekalan air pula, penduduk menyatakan bahawa mereka menerima bekalan air bersih yang mencukupi.

iv. Bekalan Makanan

Menurut maklum balas yang diterima, bekalan makanan dihantar ke penempatan Long Wat setiap dua atau tiga bulan sekali disebabkan oleh kekurangan kenderaan untuk mengangkut bekalan makanan tersebut.

v. Pembahagian Tanah

Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Suruhanjaya, tiada pembahagian tanah sepertimana yang dijanjikan telah dibuat kepada penduduk kampung.

Selain itu, penduduk turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah berjanji untuk memberikan kawasan penanaman getah dan kelapa sawit untuk diusahakan dan diuruskan oleh penduduk kampung tetapi sehingga kini, penduduk masih belum menerima tanah tersebut.

vi. Tempat Pembuangan Sampah

Suruhanjaya turut menerima aduan daripada penduduk kampung yang menyatakan bahawa tempat pembuangan sampah tidak disediakan kepada mereka.

vii. Aspek Kesihatan

Suruhanjaya mendapati bahawa klinik bergerak telah disediakan bagi memudahkan penduduk kampung menerima bantuan perubatan.

viii. Mesyuarat bersama SEB

Mesyuarat di antara Suruhanjaya dan SEB telah diadakan sehari sebelum lawatan ke penempatan tersebut. Dalam mesyuarat tersebut, kedua-dua belah pihak telah membincangkan perkara-perkara berikut:

- Dialog Bersama NGO

Untuk tujuan ini, SEB telah meminta Suruhanjaya menjadi orang tengah bagi dialog di antara syarikat tersebut dengan NGO yang telah dikenalpasti. Dialog tersebut bertujuan memberikan gambaran sebenar tentang situasi di kawasan yang terlibat serta memberikan informasi terkini berkaitan usaha-usaha syarikat tersebut bagi membantu komuniti yang terjejas akibat projek pembangunan empangan tersebut. Ini adalah bagi mengelakkan salah faham terhadap usaha syarikat tersebut dalam menjaga kebajikan penduduk.

- **Imej dan Reputasi Korporat SEB**
SEB turut menyatakan hasrat mereka untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya dengan harapan agar melalui kerjasama tersebut, imej dan reputasi korporat SEB di mata masyarakat dapat diperbaiki serta tanggapan yang salah dapat diperbetulkan.
- **Perkongsian Maklumat Secara Telus**
Dalam mesyuarat tersebut, SEB berjanji akan lebih telus dalam menyediakan maklumat kepada Suruhanjaya.

Ulasan keseluruhan:

Secara umumnya, Suruhanjaya mendapati bahawa masih wujud isu-isu yang menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan penduduk, misalnya masalah pengangkutan, keadaan jalan, pembahagian tanah bagi tujuan pertanian, pembayaran elaun dan tempoh bekalan elektrik.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

1. Mengadakan satu PMB bersama agensi Kerajaan seperti Jabatan Tanah dan Survei untuk membincangkan masalah berkaitan dengan pemberian dan pengagihan tanah kepada penduduk di Long Malim dan Long Wat.
2. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, Suruhanjaya mengesyorkan pembinaan asrama sementara bagi menempatkan murid-murid SK Tegulang. Penempatan murid di asrama dapat membantu mengatasi masalah ketidakhadiran ke sekolah di kalangan kanak-kanak kaum Penan dan kaum Kenyah.
3. Suruhanjaya turut mendapati perlunya penambahan bilangan kuarters guru. Buat masa ini, guru-guru bujang terpaksa berkongsi rumah yang hanya mempunyai dua bilik sebagai kuarters.

(b) Lawatan Ke Pusat Tahanan

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah melawat beberapa pusat tahanan untuk melihat sendiri keadaan pusat tahanan tersebut dan juga bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti Peraturan Minimum Standard Antarabangsa Bagi Layanan Terhadap Tahanan.

Jadual 3: Lawatan Ke Pusat Tahanan, 2014

| NO | TARIKH | PUSAT TAHANAN |
|----|--------|-----------------------------|
| 1. | 21 Jan | Lokap Wanita Satok, Kuching |
| 2. | 21 Jan | Lokap Berpusat, Kuching |
| 3. | 28 Jan | Depot Imigresen Semuja |
| 4. | 18 Mac | Penjara Pusat Sibü |

Perkara yang menimbulkan kekhuatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Kesan negatif akibat menahan orang di lokasi yang terpencil dengan keadaan fizikal yang jerih seperti di Depot Imigresen Semuja;
- ii. Infrastruktur yang tidak sesuai yang mirip kepada penjara dan keadaan asrama tahanan yang tidak memuaskan, serta akses yang terhad kepada kemudahan komunikasi di Depot Imigresen Semuja; dan
- iii. Kekurangan peluang bagi tahanan untuk beriadah dengan aktiviti luar, kekurangan fasiliti untuk tujuan pendidikan serta rekreasi, serta gangguan bekalan air yang kerap terjadi.

Sewaktu lawatan, Suruhanjaya telah mengesyorkan agar semua tahanan diberikan selimut serta tempat tidur yang lebih baik. Suruhanjaya juga menekankan yang amat penting bagi pihak pentadbir Depot tersebut untuk membawa isu gangguan bekalan air kepada perhatian Jabatan Kerja Raya bagi mengenalpasti punca masalah dan mencari penyelesaian jangka panjang.

(c) Lawatan ke Rumah untuk Warga Emas

Pejabat Sarawak telah mengadakan lawatan ke rumah untuk warga emas seperti berikut:

Jadual 4: Lawatan Ke Rumah Untuk Warga Emas, 2014

| NO | TARIKH | LOKASI |
|----|-------------|---------------------------------|
| 1. | 19 Februari | Rumah untuk Warga Emas, Kuching |
| 2. | 18 Mac | Rumah untuk Warga Emas, Sibü |

Perkara yang menimbulkan kekhuatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Kekurangan kakitangan termasuk sukarelawan. Buat masa sekarang terdapat hanya 30 orang kakitangan di setiap rumah tersebut. Contohnya, di Rumah untuk Warga Emas Kuching, terdapat 57 orang penghuni yang dijaga oleh 30 orang kakitangan manakala di Rumah untuk Warga Emas Sibü pula, terdapat 78 orang penghuni yang dijaga oleh 30 orang kakitangan.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Penambahan jumlah kakitangan serta sukarelawan bagi memastikan penjagaan warga emas dapat dilakukan dengan cukup dan dengan lebih baik. Justeru itu, nisbah kakitangan kepada penghuni seharusnya turut ditambah.

(d) Lawatan Ke Pusat/Sekolah Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran

Pejabat Sarawak telah mengadakan lawatan ke pusat serta sekolah bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran seperti berikut:

Jadual 5: Lawatan Ke Pusat/Sekolah Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran, 2014

| NO | TARIKH | PUSAT/SEKOLAH | LOKASI |
|----|--------|-----------------|----------|
| 1. | 26 Feb | SK Tabuan | Kuching |
| 2. | 19 Mac | Pusat Agape | Sibu |
| 3. | 16 Apr | SK Buntal | Kuching |
| 4. | 8 Mei | SMK Sri Aman | Sri Aman |
| 5. | 20 Mei | SMK Lanang | Sibu |
| 6. | 21 Mei | SJKC Tiong Hin | Sibu |
| 7. | 22 Mei | SJKC Thai Kwang | Sibu |

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Kekurangan guru pendidikan khas. Kebanyakan sekolah ini kekurangan guru pendidikan khas bagi menampung pertambahan bilangan murid.
- ii. Infrastruktur kelas yang tidak memuaskan. Kebanyakan kelas tidak memiliki peralatan pembelajaran dan pengajaran yang cukup seperti meja, papan putih dan sebagainya.
- iii. Sekolah-sekolah ini tidak mendapat dana yang cukup. Ketika lawatan tersebut, pihak sekolah telah memaklumkan kepada Pejabat Sarawak bahawa mereka berdepan dengan masalah kewangan.
- iv. Kekurangan penyertaan ibu bapa serta tahap kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

1. Jumlah sekolah pendidikan khas harus ditambah bagi menampung pertambahan pelajar;
2. Kerajaan harus menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada sekolah jenis ini. Dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, Kerajaan Negeri menyatakan bahawa ia sentiasa mengambil perhatian terhadap keperluan untuk menaik taraf sekolah pendidikan khas sedia ada dan keperluan untuk membina sekolah baru. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peruntukan yang diberikan oleh KPM.
3. Kementerian berkaitan perlu mengkaji semula peruntukan yang diberikan kepada sekolah jenis ini. Dalam Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya 2013, Jabatan Pelajaran Negeri menyatakan bahawa ia telah menyediakan lebih banyak peruntukan kepada sekolah pendidikan khas.
4. Aktiviti yang berkaitan dan juga kempen untuk meningkatkan tahap penyertaan di kalangan ibu bapa serta kempen kesedaran tentang kepentingan pendidikan untuk kanak-kanak dengan masalah pembelajaran wajar diadakan.

(e) Lawatan Ke Persatuan Kecederaan Spina

Pejabat Sarawak telah mengadakan lawatan ke cawangan Sibuan persatuan ini bagi melihat sendiri keadaan di sana selain bagi mewujudkan hubungan dengan persatuan tersebut. Ketika lawatan, Encik Francis John Adam telah memberikan taklimat kepada ahli persatuan berkenaan aktiviti Suruhanjaya serta hak-hak OKU.

Jadual 6: Lawatan Ke Persatuan Kecederaan Spina, 2014

| NO | TARIKH | PERSATUAN | LOKASI |
|----|--------|-----------------------------------|--------|
| 1. | 19 Mac | Persatuan Kecederaan Spina Sibuan | Sibuan |

(f) Lawatan Ke Sekolah Agama

Pejabat Sarawak turut membuat lawatan ke sekolah agama bagi melihat sendiri keadaan di sana selain bagi mewujudkan hubungan dengan sekolah-sekolah agama di Sarawak.

Jadual 7: Lawatan Ke Sekolah Agama

| NO | TARIKH | SEKOLAH | LOKASI |
|----|--------|-------------------|----------|
| 1. | 14 Jul | SK Agama Sri Aman | Sri Aman |
| 2. | 21 Jul | SMK Agama Matang | Kuching |

(g) Lawatan Ke Pusat Perlindungan Kanak-Kanak

Pejabat Sarawak telah mengadakan dua lawatan, iaitu ke sekolah pemulihan akhlak dan pusat perlindungan kanak-kanak bagi meninjau keadaan sekolah tersebut serta memastikan mereka mematuhi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Jadual 8: Lawatan Ke Pusat Perlindungan Kanak-Kanak, 2014

| NO | TARIKH | SEKOLAH | LOKASI |
|----|--------|---------------------|---------|
| 1. | 14 Jul | Taman Seri Puteri | Kuching |
| 2. | 21 Jul | Sekolah Tunas Bakti | Kuching |

Perkara yang menimbulkan kekhawatiran Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- i. Bilangan guru yang tidak mencukupi. Menurut kedua-dua sekolah, mereka benar-benar memerlukan lebih ramai guru dan telah memohon kepada kementerian yang berkenaan untuk menyediakan lebih ramai guru kepada sekolah masing-masing.
- ii. Kelengkapan bilik darjah termasuk buku, meja, papan putih dan rak buku yang tidak mencukupi, serta infrastruktur sekolah sedia ada yang tidak diselenggara dengan baik.

- iii. Bilangan pengawal keselamatan wanita yang tidak mencukupi di Sekolah Taman Seri Puteri. Pada masa ini, tidak ada pengawal keselamatan wanita diletakkan di Sekolah Taman Seri Puteri.

Syor Suruhanjaya adalah seperti berikut:

1. Bilangan guru harus ditambah. Lebih ramai guru terlatih harus ditempatkan di sekolah pemulihan dan pusat perlindungan untuk memenuhi keperluan;
2. Bilik darjah harus dilengkapkan dengan lebih baik;
3. Kerja penyelenggaraan sekolah harus dilakukan dengan lebih kerap; dan
4. Keselamatan perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku pada masa depan.

(h) Lawatan Ke Pusat Pemulihan Dan Penjagaan (CCRC)

Pada 23 April, Pejabat Sarawak telah membuat lawatan ke CCRC bagi meninjau keadaan pusat tersebut selain bagi mengukuhkan hubungan di antara kedua-dua belah pihak.

Pengarah CCRC, Puan Winnie Lugit telah memberikan taklimat kepada Suruhanjaya dengan menyatakan bahawa:

- Pusat tersebut boleh menampung 100 orang klien dalam satu masa;
- 70 peratus kliennya adalah merupakan penagih dadah jenis Methamphetamine; dan
- 54.5 peratus klien pusat tersebut adalah mereka yang berumur di antara 22 sehingga 29 tahun.

Jadual 9: Lawatan Ke CCRC, 2014

Jadual 9: Lawatan Ke CCRC, 2014

| NO | TARIKH | PUSAT | LOKASI |
|----|--------|-------------------------------|---------|
| 1. | 23 Apr | Pusat Pemulihan dan Penjagaan | Kuching |



Memperkukuhkan jaringan: kakitangan Suruhanjaya berkongsi momen yang ceria dengan Pengarah CCRC Kuching, Puan Winnie Lugit serta kakitangan pusat tersebut.

(i) Lawatan Ke Institusi Kanak-Kanak

- Rumah Kanak-Kanak Ajibah Abol, Sri Aman

Pada 20 Ogos, Pejabat Sarawak telah membuat lawatan ke rumah ini sebagai sebahagian daripada lawatan berkala ke institusi kanak-kanak bagi meninjau keadaan sekolah tersebut selain untuk memastikan pematuhan mereka kepada CRC.

Rumah kanak-kanak Ajibah Abol telah dibina pada April 1993 di atas tanah seluas 8.64 ekar yang terletak di KM 5, Jalan Sabu, Sri Aman. Buat masa sekarang, rumah kanak-kanak ini memiliki sebuah blok pentadbiran, sebuah dapur, sebuah bilik solat, sebuah bilik darjah, sebuah bilik aktiviti, blok untuk latihan vokasional, bilik rawatan serta empat buah hostel lelaki dan perempuan. Rumah kanak-kanak ini boleh memuatkan seramai 100 orang kanak-kanak dalam satu masa yang mana setiap hostelnya mampu menampung seramai 25 orang kanak-kanak.

Perkhidmatan yang disediakan oleh rumah tersebut termasuklah:

- Penjagaan dan perlindungan;
- Kaunseling;
- Pendidikan;
- Latihan vokasional;
- Pendidikan keagamaan dan kerohanian; dan
- Aktiviti riadah.

(j) Lawatan Ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pada tahun lepas, Suruhanjaya telah melawat dua buah pusat pemulihan dalam komuniti. Lawatan tersebut telah diadakan bagi menilai perkhidmatan yang disediakan terutamanya perkhidmatan PDK untuk kanak-kanak kurang upaya.

Konsep pemulihan dalam komuniti secara umumnya tertumpu kepada meningkatkan taraf hidup OKU dan keluarga mereka; memenuhi keperluan asas mereka; serta membolehkan penyertaan mereka dalam komuniti setempat.

Perkhidmatan yang disediakan oleh kedua-dua buah pusat ini adalah:

- Lawatan ke rumah;
- Aktiviti luar;
- Latihan untuk meningkatkan kemahiran motor halus bagi kanak-kanak kurang upaya; dan
- Latihan teknologi komunikasi dan maklumat.

Perkara yang menimbulkan kekhuatiran Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i. Kekurangan sumber kewangan. Sepanjang tahun 2014, JKM hanya memperuntukkan RM1000 sahaja untuk kedua-dua pusat;

- ii. Infrastruktur yang tidak sesuai. Buat masa sekarang, kedua-dua PDK beroperasi di rumah sewa; dan
- iii. Kekurangan tenaga pengajar. Buat masa sekarang hanya ada 11 orang tenaga pengajar di PDK Buntal dan 10 orang tenaga pengajar di PDK Sri Aman.

Syor Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- 1. JKM seharusnya menilai semula peruntukan kewangan yang disalurkan kepada pusat-pusat seperti ini memandangkan sumber kewangan mereka sangat terhad;
- 2. Pusat pemulihan dalam komuniti seharusnya disediakan dengan infrastruktur yang lebih baik; dan
- 3. Tenaga pelatih di pusat-pusat seperti ini perlu ditambah untuk menampung peningkatan jumlah kemasukan kanak-kanak ke pusat-pusat seperti ini.

Jadual 10: Lawatan Ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, 2014

| NO | TARIKH | PUSAT | LOKASI |
|----|--------|--------------------|----------|
| 1. | 7 Mei | Pusat PDK Buntal | Kuching |
| 2. | 14 Jul | Pusat PDK Sri Aman | Sri Aman |



Orang ramai yang hadir memberikan sepenuh perhatian kepada penerangan tentang hak asasi manusia.

4. KUNJUNGAN HORMAT

Pada tahun 2014, Suruhanjaya telah mengadakan beberapa kunjungan hormat ke agensi Kerajaan untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama. Pejabat Sarawak telah mengunjungi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Pengarah RELA Negeri, Encik Rini Tupong. Semasa kunjungan tersebut, Suruhanjaya telah menerangkan peranan dan fungsinya, memaklumkan perkembangan terkini aktiviti dan berusaha meningkatkan kerjasama mengenai perkara-perkara di bawah kepentingan bersama.

Jadual 11: Kunjungan Hormat

| NO | LAWATAN | TARIKH | AHLI |
|----|----------------------|--------|--------------------------|
| 1. | Naib Canselor UNIMAS | 14 Apr | Encik Francis Johen Adam |
| 2. | Pengarah RELA Negeri | 15 Apr | Encik Francis Johen Adam |

Antara kejayaan paling bermakna yang telah dicapai hasil daripada kunjungan hormat tahun 2014 ialah penubuhan Kluster Hak Asasi Manusia di UNIMAS.

Iktibar serta peluang yang terhasil daripada kunjungan hormat yang dibuat:

Objektif kunjungan hormat adalah untuk mengukuhkan hubungan di antara Pejabat Sarawak dan agensi Kerajaan di seluruh Negeri Sarawak. Antara kejayaan paling bermakna yang telah dicapai hasil daripada kunjungan hormat tahun 2014 ialah penubuhan Kluster Hak Asasi Manusia di UNIMAS. Pejabat Sarawak berharap agar lebih banyak program berkenaan hak asasi manusia akan dianjurkan dengan kerjasama Kluster Hak Asasi Manusia tersebut pada masa akan datang.



Kakitangan Suruhanjaya, sewaktu mengunjungi YBhg Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi selaku Naib Canselor UNIMAS, telah menerangkan kepada beliau tentang aktiviti Suruhanjaya dan juga tentang penubuhan Kluster Hak Asasi Manusia di UNIMAS.

III. HARAPAN MASA DEPAN

Pejabat Sarawak telah menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan misinya pada tahun 2014. Cabaran besar yang pertama ialah tahap kesedaran yang rendah mengenai hak asasi manusia di kalangan masyarakat umum. Ini amat menyukarkan usaha-usaha untuk terus melindungi, mempromosi, serta mengukuhkan hak asasi manusia di kalangan masyarakat awam. Cabaran besar yang kedua adalah ketiadaan kehendak politik di kalangan ahli politik untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia.

Bagi menangani segala cabaran ini, Pejabat Sarawak akan mengambil langkah untuk memperkukuhkan hubungannya dengan Kerajaan Negeri, NGO dan masyarakat umum serta meningkatkan kesedaran terhadap hak asasi manusia melalui *road show*, seminar, dan perbincangan meja bulat.

LAMPIRAN

LAMPIRAN I

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA 2014

| NO | TARIKH | TAJUK |
|-----|-------------|---|
| 1. | 4 Januari | Tahap Toleransi dan Rasa Hormat yang Tinggi Diperlukan di dalam Menangani Isu Agama |
| 2. | 9 Januari | Kenyataan KDN Berkenaan Comango Merupakan Satu Halangan Terhadap Kebebasan Berpersatuan dan Kebebasan Bersuara di Malaysia |
| 3. | 20 Februari | SUHAKAM Mempelawa Pencalonan Bagi Anugerah Hak Asasi Manusia 2014 |
| 4. | 21 Mac | SUHAKAM Menyeru untuk Pelaksanaan yang Efektif Bagi Hasil Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia Kali Kedua |
| 5. | 2 April | SUHAKAM Menyeru untuk Jaminan Bahawa Akta Pencegahan Jenayah seperti yang Dipinda Akan Digunakan Hanya Sebagai Pilihan Terakhir |
| 6. | 1 Mei | Perhimpunan Aman Satu Hasil Positif Daripada Kerjasama Semua Pihak yang Terlibat |
| 7. | 16 Mei | SUHAKAM Kesal Tanggapan Salah Terhadap Konsep Hak Asasi Manusia |
| 8. | 17 Mei | SUHAKAM Mengalu-alukan Komitmen Kerajaan Terhadap Prinsip dan Nilai Hak Asasi Manusia |
| 9. | 17 Mei | Akta Hasutan Satu Sekatan Kepada Kebebasan Bersuara dan Meluahkan Pendapat |
| 10. | 20 Jun | SUHAKAM Mengulangi Seruan untuk Akta Hasutan Dimansuhkan |
| 11. | 22 Jun | SUHAKAM Menyeru Kerajaan Mempergiatkan Usaha Memerangi Perneragangan Manusia dan Penyeludupan Migran |
| 12. | 15 Ogos | SUHAKAM Terkejut Dengan Reaksi Keterlaluan Pihak Berkuasa dan Guru |
| 13. | 2 September | SUHAKAM Menggesa Agar Penggunaan Akta Hasutan Ditamatkan Segera |
| 14. | 9 September | Lapan Memenangi Anugerah Hak Asasi Manusia Sempena Hari SUHAKAM |
| 15. | 10 Oktober | SUHAKAM Menyeru Agar Hak Kebebasan Beragama Dihormati |

| NO | TARIKH | TAJUK |
|-----|-------------|--|
| 16. | 17 Oktober | SUHAKAM Mengucapkan Tahniah Atas Kejayaan Kerajaan Malaysia Memenangi Keahlian di Majlis Keselamatan PBB |
| 17. | 27 Oktober | SUHAKAM Menyeru untuk Pembaharuan Penjara di Malaysia |
| 18. | 7 November | Maklum Balas SUHAKAM Terhadap Laporan Utusan Malaysia: "Kes Anwar: Majlis Peguam, SUHAKAM Amal Dwi Standard" |
| 19. | 11 November | Kanak-Kanak Berhak untuk Bebas Daripada Keganasan, Gangguan dan Buli |
| 20. | 25 November | SUHAKAM Memperingati Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada 25 November 2014 |
| 21. | 28 November | SUHAKAM Menyokong Usaha Kerajaan dalam Memerangi Keganasan dan Ekstremisme |
| 22. | 2 Disember | Siaran Media Meraikan Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya pada 3 Disember 2014 "2014 Theme: Sustainable Development: The Promise of Technology" |
| 23. | 5 Disember | SUHAKAM Kesal Keputusan Kerajaan untuk Mengekalkan Akta Hasutan 1948 |
| 24. | 8 Disember | SUHAKAM Memperingati Hari Hak Asasi Manusia 2014: Hak Asasi Manusia 365 |
| 25. | 18 Disember | SUHAKAM Memperingati Hari Migran Antarabangsa pada 18 Disember 2014 |



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

TAHAP TOLERANSI DAN RASA HORMAT YANG TINGGI DIPERLUKAN DI DALAM MENANGANI ISU AGAMA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) memandang serius dan amat bimbang terhadap tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan pihak polis dalam menyerbu premis Persatuan Bible Malaysia (BSM) dan cara serbuan seperti yang dilaporkan, serta penangkapan ke atas Presiden BSM Lee Min Choon, dan pengurus Sinclair Wong pada 2 Januari 2014.

Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah amat penting bagi pihak berkuasa dalam menjalankan tugas mereka, melaksanakan kuasa dan budi bicara mereka mengikut undang-undang dan sejajar dengan prinsip-prinsip hak kepada perbicaraan yang adil dan hak untuk mendapat perlindungan samarata di sisi undang-undang sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Suruhanjaya juga menyeru pihak berkuasa untuk menghormati dan memastikan hak semua rakyat kepada kebebasan beragama, termasuk hak semua komuniti untuk menganut dan mengamalkan agama mereka secara bebas, seperti yang dijamin di bawah Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 18 dalam UDHR.

Memandangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai pelbagai budaya dan agama, Suruhanjaya berpandangan bahawa adalah penting bagi rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat untuk menunjukkan tahap toleransi agama dan rasa hormat yang lebih tinggi di dalam menangani isu agama dan kebudayaan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

DATUK DR KHAW LAKE TEE

Naib Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

4 Januari 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

KENYATAAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI BERKENAAN COMANGO MERUPAKAN SATU HALANGAN TERHADAP KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN KEBEBASAN BERSUARA DI MALAYSIA

Kuala Lumpur (9 Januari 2014) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) amat kesal dan bimbang dengan kenyataan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 8 Januari 2014 yang menyatakan Gabungan Badan Bukan Kerajaan Malaysia (Comango) adalah sebuah organisasi haram.

Suruhanjaya berpendapat bahawa kenyataan sedemikian menafikan hak asasi kumpulan masyarakat sivil kepada kebebasan berpersatuan dan kebebasan bersuara serta menjejaskan usaha kumpulan masyarakat sivil dan para pejuang hak asasi dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Kenyataan tersebut juga mencerminkan kegagalan pihak Kementerian dalam mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh kumpulan masyarakat sivil sebagai mekanisme “check and balance” dalam sebuah sistem demokrasi yang berfungsi sepenuhnya dan berkembang maju, seperti yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri.

Suruhanjaya menyeru pihak Kerajaan, selaku ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Hak Asasi Manusia yang dihormati, mematuhi dan memenuhi komitmennya sepertimana yang tertera dalam Resolusi 12/2 Majlis Hak Asasi Manusia (“Kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, wakil-wakilnya dan mekanisme dalam bidang hak asasi manusia”) yang memerlukan negara-negara anggota mengambil langkah-langkah untuk melindungi pembela-pembela hak asasi manusia dan menghalang segala jenis intimidasi atau tindakan balas terhadap mereka yang melakukan kerja-kerja mempromosi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk berunding dan berdialog bagi menangani cabaran pluralisme dalam semangat “1 Malaysia”, dan bukannya melakukan gangguan dan penindasan secara selektif terhadap Comango dan kumpulan hak asasi manusia yang lain di negara ini.

Suruhanjaya juga menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada yang bersifat menekan, khususnya Akta Pertubuhan 1966, yang mengehadkan hak warganegara untuk membentuk dan mengendalikan organisasi mereka. Sebarang penggantungan dan kajian semula terhadap persatuan seharusnya dilakukan secara saksama, bebas serta mematuhi

prinsip-prinsip hak asasi manusia yang merupakan asas kepada sebuah sistem demokrasi yang berfungsi sepenuhnya.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

9 Januari 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMPELAWA PENCALONAN BAGI ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA 2014

Sekali lagi tiba masanya untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mempelawa pencalonan awam bagi Anugerah Hak Asasi Manusia 2014 yang bertujuan untuk memberi penghormatan kepada rakyat Malaysia dalam kalangan individu, kumpulan dan organisasi, agensi kerajaan dan entiti perniagaan atas sumbangan mereka ke arah mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Bagi tahun 2014, Anugerah Hak Asasi Manusia akan memberi penghormatan dalam lima kategori iaitu; Anugerah Individu, Anugerah Kumpulan atau Organisasi, Anugerah Media, serta Anugerah Agensi Kerajaan dan Entiti Perniagaan. Ini akan memberikan peluang kepada Suruhanjaya untuk memberi penghormatan kepada mereka yang telah mendedikasikan masa dan tenaga untuk menegakkan prinsip hak asasi manusia melalui pendekatan mereka yang tersendiri.

Suruhanjaya berharap agar kempen ini akan terus menggalakkan persefahaman dan sokongan yang lebih tinggi di kalangan orang awam dan dalam masa yang sama, akan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif di kalangan ahli masyarakat dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Pencalonan akan ditutup pada 30 Jun 2014 dan anugerah akan disampaikan kepada para pemenang pada 9 September 2014, bersempena dengan sambutan Hari SUHAKAM, yang memperingati penubuhan Suruhanjaya pada tahun 1999.

Suruhanjaya mengalu-alukan pencalonan bagi individu, kumpulan atau organisasi lain serta pencalonan sendiri. Borang pencalonan dan maklumat tambahan boleh diperolehi daripada portal rasmi Suruhanjaya di www.suhakam.org.my. Jangan lepaskan peluang ini untuk menghargai para pembela hak asasi manusia kita!

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Februari 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU UNTUK PELAKSANAAN YANG EFEKTIF BAGI HASIL PENILAIAN PENGGALAN SEJAGAT (UPR) MALAYSIA KALI KEDUA

Kuala Lumpur (21 Mac 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) mengalu-alukan penerimapaikain hasil laporan Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) Malaysia kali kedua oleh Majlis Hak Asasi Manusia (HRC) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 Mac 2014 di Geneva.

Berdasarkan 232 syor yang telah diterima daripada Negara-Negara Ahli PBB semasa penilaian yang telah diadakan pada 24 Oktober 2013, Malaysia telah menerima 150 syor, yang mana 113 syor diterima sepenuhnya, 22 syor diterima secara prinsip dan 15 syor lagi diterima secara sebahagian. Malaysia tidak menyokong sebanyak 82 syor yang menyeru perubahan segera kepada undang-undang, peraturan dan dasar yang sedia ada atau perkara yang ia tidak bersedia untuk mempertimbangkan atau menyatakan kesanggupannya untuk melaksanakan pada masa ini.

Antara syor yang diterima sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia adalah syor berkaitan hak ekonomi, sosial dan budaya, terutamanya pembasmian kemiskinan, pendidikan dan akses kepada penjagaan kesihatan; dan juga peningkatan hak wanita dan kesaksamaan gender serta memerangi pemerdangangan manusia. Kerajaan Malaysia juga menyokong syor mengenai pengukuhan mekanisme hak asasi manusia kebangsaan, dan juga promosi dan perlindungan hak orang kurang upaya, kanak-kanak, serta akses kepada keadilan bagi pekerja asing.

Suruhanjaya telah berharap agar Kerajaan Malaysia mempertimbangkan secara positif dan menerima sebanyak mungkin syor ke arah mengesahkan komitmennya untuk meningkatkan hak asasi manusia di peringkat domestik. Namun begitu, Suruhanjaya kesal bahawa syor mengenai penyertaan triti-triti utama hak asasi manusia, pembaharuan undang-undang negara dan pemansuhan hukuman mati tergolong dalam kebanyakan syor yang tidak disokong oleh Kerajaan Malaysia. Suruhanjaya bimbang bahawa hal ini akan terus menghalang Negara daripada meningkatkan rekod hak asasi manusianya dan juga dalam mencapai status negara maju menjelang akhir dekad ini.

Suruhanjaya juga kecewa bahawa pihak Kerajaan tidak menyokong enam syor yang penting berkenaan Orang Asal/Asli, terutama sekali syor mengenai hak tanah mereka yang mana selari dengan syor dalam Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli di Malaysia (Laporan NI).


Walaupun Suruhanjaya mengambil maklum pendirian Kerajaan dalam perkara ini adalah untuk mengelakkan sebarang andaian awal terhadap hasil dapatan Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan pada 2013 untuk mengkaji Laporan NI Suruhanjaya, Suruhanjaya mengulangi seruannya tentang keperluan segera Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan awal dan efektif

syor dalam Laporan NI memandangkan masalah tersebut telah berlarutan dan dihadapi oleh masyarakat Orang Asal/Asli di Malaysia sekian lama.

Suruhanjaya menantikan pelaksanaan efektif Kerajaan ke atas syor dan konsultasi yang bermakna bersama pelbagai pihak berkepentingan, termasuk organisasi masyarakat sivil mengenai susulan kepada UPR, dalam tempoh masa empat tahun setengah, sebelum sesi penilaian yang akan datang pada 2018. Suruhanjaya turut berharap Kerajaan mengkaji semula beberapa syor lain yang mana ia tidak disokong, seperti mana yang dinyatakan dalam hasil laporan UPR Malaysia kali kedua.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

21 Mac 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU UNTUK JAMINAN BAHAWA AKTA PENCEGAHAN JENYAH SEPERTI YANG DIPINDA AKAN DIGUNAKAN HANYA SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR

Kuala Lumpur (2 April 2014) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) merasa kesal dengan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013, yang telah dirangka tanpa rundingan dengan Suruhanjaya, telah bermula berkuatkuasa pada 2 April 2014 walaupun terdapat bantahan daripada pelbagai pihak berkepentingan terhadap ketidakpatuhan Akta ini dengan prinsip hak asasi manusia.

Walaupun Kerajaan telah mengulangi bahawa elemen hak asasi manusia telah diambil kira dalam menggubal pindaan berkenaan, Suruhanjaya mengulangi kebimbangan ke atas peruntukan yang membenarkan penahanan tanpa bicara dan penafian hak individu untuk perwakilan undang-undang dan kepada perbicaraan yang adil, serta hak dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah dalam perbicaraan terbuka mengikut undang-undang.

Walaupun Suruhanjaya menghargai hasrat murni Kerajaan dalam memerangi jenayah yang serius dan terancang di Negara ini, ia masih bimbang bahawa Akta ini masih mundur dalam sifatnya dan tidak konsisten dengan prinsip hak asasi manusia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR).

Dalam mengalu-alukan jaminan Kerajaan bahawa Akta ini akan digunakan hanya sebagai pilihan terakhir dan mereka yang ditahan di bawah Akta ini akan diberikan kaunseling, Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah penting bagi Kerajaan untuk menterjemahkan jaminan itu ke dalam peruntukan undang-undang ke arah memastikan pelaksanaan Akta yang efektif dan pemulihan bagi tahanan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

2 April 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

PERHIMPUNAN AMAN SATU HASIL POSITIF DARIPADA KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT

Kuala Lumpur (1hb Mei, 2014) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memuji pengendalian aman bagi himpunan anti-GST di sekitar jalan Dataran Merdeka di Kuala Lumpur pada hari ini. Suruhanjaya melihat perkara ini sebagai satu hasil positif daripada kerjasama baik di kalangan penganjur perhimpunan, peserta dan pihak berkuasa.

Suruhanjaya turut memuji pihak polis dan penganjur atas hubungan kerjasama positif mereka menerusi satu siri dialog yang telah diadakan sebelum perhimpunan yang membawa kepada persetujuan kedua-dua pihak dalam beberapa aspek utama yang berkaitan dengan perhimpunan, terutamanya persetujuan polis untuk penganjur menggunakan jalan raya berhampiran Dataran Merdeka walaupun Dataran tersebut ditutup untuk kerja naik taraf.

Suruhanjaya berbesar hati memerhatikan bahawa tiada Unit Simpanan Persekutuan (FRU) digunakan semasa perhimpunan tersebut dan jalan-jalan utama dan stesen pengangkutan awam juga tidak ditutup. Pihak polis, dengan bantuan marshal penganjur, telah berjaya memudahcarakan kawalan lalu lintas dan pergerakan orang ramai sepanjang perhimpunan tersebut bagi memastikan peserta perhimpunan boleh bergerak dari semua lokasi tanpa banyak kesulitan.

Suruhanjaya juga berbesar hati dengan pembaharuan positif dalam profesionalisme pihak polis dan pihak berkuasa yang lain dalam mengendalikan perhimpunan awam seperti yang ditunjukkan menerusi KL112 dan perhimpunan anti-kenaikan harga serta perhimpunan hari ini. Demikian juga, Suruhanjaya memuji penganjur dan peserta atas hubungan kerjasama positif mereka dengan pihak berkuasa.

Suruhanjaya mengalu-alukan kerjasama berterusan, persefahaman dan rasa hormat dalam perhimpunan aman masa depan ke arah memastikan hak asasi rakyat untuk kebebasan berhimpun dapat dipelihara sepenuhnya pada setiap masa.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

1 Mei 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM KESAL TANGGAPAN SALAH TERHADAP KONSEP HAK ASASI MANUSIA

Kuala Lumpur (16 Mei 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) kesal bahawa konsep hak asasi manusia telah disalah anggap sebagai satu bentuk ancaman baru kepada Islam dan kepercayaan terasnya adalah berdasarkan kepada “kemanusiaan, sekularisme dan juga liberalism”.

Walaupun Suruhanjaya mengiktiraf bahawa setiap orang berhak memberi pendapat sendiri, ia kesal bahawa konsep kesejagatan hak asasi manusia sekali lagi, disalah anggap sebagai nilai “sesat” yang terhad kepada promosi hak untuk kebebasan beragama atau kepercayaan dan juga hak kumpulan LGBT dalam konteks tuntutan hak. Ini adalah tidak benar kerana konsep kesejagatan seperti yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR), yang mana Malaysia, selaku ahli PBB yang bertanggungjawab harus menegakkan, merangkumi nilai dan prinsip yang diterimapakai oleh keseluruhan masyarakat antarabangsa, termasuk Negara-negara Islam yang juga telah meratifikasi atau menyertai banyak triti teras hak asasi manusia, mungkin dengan beberapa reservasi yang mereka berhak untuk membuat, atau tanpa sebarang reservasi.

Suruhanjaya juga ingin menyatakan bahawa dalam usaha untuk mematuhi prinsip dan norma sejagat ini, Malaysia telah menyertai proses Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) dan menerima 150 daripada 232 syor yang dikemukakan oleh negara-negara anggota PBB semasa sesi UPR ke-dua baru-baru ini. Pada masa yang sama, Malaysia sedang membangunkan satu Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional (NHRAP) yang dipuji oleh masyarakat antarabangsa.

SUHAKAM berpendapat bahawa adalah penting bagi semua pihak berkepentingan memahami bahawa hak asasi manusia adalah hak dan kebebasan yang wujud semula jadi yang mana semua manusia berhak menuntut, tanpa mengira bangsa, agama, jantina, bahasa, dan sebarang status yang lain. Adalah menjadi peranan utama Negara untuk memastikan bahawa hak asasi manusia dinikmati sepenuhnya oleh rakyatnya tanpa diskriminasi.

SUHAKAM amat risau bahawa peningkatan salah tanggapan tentang konsep hak asasi manusia ini akan menimbulkan keraguan serius terhadap kedudukan Malaysia berkenaan dengan pematuhannya terhadap prinsip-prinsip sejagat ini di samping akan menghalang Malaysia daripada mengambil langkah yang progresif ke arah merealisasikan matlamatnya untuk

menjadi sebuah negara maju menjelang akhir dekad ini, dan juga sebagai negara contoh dalam menegakkan hak asasi manusia.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

16 Mei 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENGALU-ALUKAN KOMITMEN KERAJAAN TERHADAP PRINSIP DAN NILAI HAK ASASI MANUSIA

Kuala Lumpur (17 Mei 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan penjelasan Perdana Menteri seperti yang dipaparkan di laman Facebook beliau yang menyatakan bahawa pihak Kerajaan komited terhadap prinsip dan nilai hak asasi manusia serta menerimapkai falsafah, konsep dan norma Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Suruhanjaya menghargai cabaran yang dihadapi oleh kepimpinan negara dalam menangani isu-isu hak asasi manusia dalam masyarakat majmuk ini. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul dan bagi memastikan kredibiliti negara di peringkat antarabangsa terpelihara, SUHAKAM berpendapat adalah penting bagi Kerajaan menyampaikan pendirian berkenaan hak asasi manusia yang jelas dan konsisten pada setiap masa, terutama dalam menangani kepelbagaian segmen yang berbilang budaya dan agama dalam negara ini.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 Mei 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

AKTA HASUTAN SATU SEKATAN KEPADA KEBEBASAN BERSUARA DAN MELUAHKAN PENDAPAT

Kuala Lumpur (17 Mei 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bimbang dengan penggunaan berterusan Akta Hasutan 1948 dan pendakwaan oleh pihak berkuasa berkenaan ke atas individu atas dakwaan mengeluarkan kenyataan yang 'bersifat hasutan'.

SUHAKAM berpendapat bahawa penggunaan Akta Hasutan dalam kes-kes tersebut adalah tidak wajar kerana remedi perundangan atau undang-undang lain sepatutnya boleh digunakan oleh pihak berkuasa dalam menangani perkara tersebut dan bukannya menerusi Akta Hasutan yang membenarkan penghukuman jenayah ke atas kebebasan bersuara atau perbuatan yang mempunyai "kecenderungan menghasut" tanpa perlu membuktikan niat tertuduh.

Suruhanjaya mengiktiraf bahawa kebebasan bersuara bukannya tanpa had dan seharusnya digunakan dengan bertanggungjawab. Sekiranya didapati tindakan undang-undang benar-benar diperlukan oleh pihak berkuasa ke atas mereka yang telah mencabuli atau menyalahguna hak ini, SUHAKAM berpendapat adalah penting bagi pihak berkuasa untuk menegakkan prinsip kesaksamaan seperti yang termaktub di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk memastikan bahawa tindakan undang-undang yang diambil dan digunakan terhadap semua pihak yang berkenaan adalah saksama dan tanpa ragu-ragu.

Suruhanjaya merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri pada tahun 2012 bahawa Akta Hasutan akan dimansuhkan dan digantikan dengan "Akta Harmoni Negara" yang bertujuan untuk menyediakan keseimbangan di antara jaminan kebebasan bersuara dan keperluan untuk mengendalikan kerumitan masyarakat majmuk di Malaysia. Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk memenuhi komitmen ini dan menggubal undang-undang ini dengan kadar segera dalam menegakkan dan melindungi hak asasi rakyat kepada kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat (UDHR).

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

Tan Sri Hasmy Agam

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 Mei 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENGULANGI SERUAN UNTUK AKTA HASUTAN DIMANSUHKAN

Kuala Lumpur (20 Jun 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) melahirkan kebimbangannya terhadap penggunaan Akta Hasutan 1948 (Akta Hasutan) oleh pihak berkuasa ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima RSN Rayer baru-baru ini kerana mengeluarkan perkataan tidak sopan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 20 Mei 2014.

Walaupun SUHAKAM mengiktiraf bahawa terdapat pengecualian kepada keistimewaan dan imuniti yang dinikmati oleh Ahli Parlimen dan ADUN seperti yang termaktub di bawah Perkara 63(4) dan Perkara 72(4), masing-masing dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa seseorang boleh dikenakan prosiding sekiranya dia dituduh atas suatu kesalahan di bawah Akta Hasutan, ia berpendapat adalah penting bagi pihak berkuasa memastikan hukuman yang setimpal dikenakan terhadap Ahli Parlimen dan ADUN dengan mengambil kira sepenuhnya peruntukan sedia ada di bawah Perintah Tetap Parlimen dan DUN.

SUHAKAM amat bimbang dengan penggunaan berterusan Akta Hasutan khususnya terhadap Ahli Parlimen dan ADUN akan meningkatkan potensi penyalahgunaan Akta tersebut. Lebih-lebih lagi, ia akan menyekat kebebasan Ahli Parlimen dan ADUN untuk membahaskan isu-isu secara terbuka serta melaksanakan fungsi mereka dengan lebih berkesan yang mana ianya penting untuk sesebuah demokrasi yang dinamik dan berkembang maju. SUHAKAM menggesa Peguam Negara mempertimbangkan semula keperluan untuk mendakwa ADUN Seri Delima RSN Rayer di bawah Akta Hasutan atas kenyataan kurang sopan beliau yang mana boleh ditangani dengan Perintah Tetap DUN.

Lanjutan daripada itu, SUHAKAM mengulangi seruannya agar Kerajaan memenuhi komitmen untuk memansuhkan Akta Hasutan ke arah menegakkan hak rakyat kepada kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 19 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

20 Jun 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU KERAJAAN MERPERGIATKAN USAHA MEMERANGI PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

Kuala Lumpur (22 Jun 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memandang serius terhadap Laporan Pemerdagangan Orang 2014 (TIP) oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) bahawa Malaysia telah diturunkan kepada Kedudukan Ketiga, Senarai Pemerhatian (Tier 3, Watch List) atas kegagalan mematuhi sepenuhnya standard minimum bagi penghapusan pemerdagangan manusia di bawah Akta Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat 2000 (TVPA), walaupun dua pengecualian berturut-turut telah diberikan kepadanya, masing-masing pada tahun 2012 dan 2013.

Antara perkara yang menjadi kebimbangan SUHAKAM adalah penemuan Jabatan Negara AS bahawa usaha Malaysia dalam memerangi pemerdagangan orang dalam tiga aspek utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan adalah tidak mencukupi atau memuaskan, dan juga sebahagian daripada ketiga-tiga aspek itu telah diketengahkan secara konsisten oleh pihak Suruhanjaya melalui laporan tahunan, serta dialog dan perbincangan meja bulat dengan agensi Kerajaan yang berkaitan dan pihak berkepentingan yang lain.

SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada syor-syor berikut:

1. Mengukuhkan mekanisme dalam mendakwa pesalah, melindungi mangsa dan mencegah pemerdagangan orang. Ini perlu dilakukan dengan kerjasama kumpulan masyarakat sivil dan wakil diplomat, serta pihak berkepentingan antarabangsa dan serantau.
2. Memastikan bahawa Badan Bukan Kerajaan (NGO) disediakan ruang untuk menawarkan kepakaran mereka kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), memandangkan kebanyakan mangsa lebih cenderung untuk mendekati anggota masyarakat sivil bagi mendapatkan bantuan.
3. Memastikan bahawa semua mangsa diberikan pemeriksaan kesihatan segera apabila tiba di rumah perlindungan serta menerima lawatan berkala oleh kakitangan perubatan.
4. Mempertimbangkan penubuhan sebuah mahkamah khas bagi mempercepatkan penyelesaian kes yang berkaitan dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Mangsa juga perlu dimaklumkan mengenai status kes mereka.

Memandangkan kesan yang tidak diingini akibat daripada penurunan kedudukan ini oleh Jabatan Negara AS, terutamanya ke atas rekod hak asasi manusia dan pembangunan ekonomi negara, SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk mempergiatkan usaha untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, dan juga memastikan perlindungan sepenuhnya dan bantuan diberikan kepada mangsa pemerdagangan dan

penyeludupan di semua peringkat, selaras dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh Protokol Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pamerdagangan Orang terutama di kalangan Wanita dan Kanak-kanak.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

22 Jun 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM TERKEJUT DENGAN REAKSI KETERLALUAN PIHAK BERKUASA DAN GURU

Kuala Lumpur (15 Ogos 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memandang serius terhadap laporan media tentang cara dimana sekurang-kurangnya dua orang guru sekolah dan polis menangani insiden yang melibatkan seorang pelajar Tingkatan Lima yang telah klik 'Suka' pada laman Facebook 'I Love Israel'.

SUHAKAM berpendapat bahawa siasatan hasutan ke atas pelajar tersebut seperti yang dilaporkan itu adalah reaksi keterlaluan oleh pihak polis. Adalah dikesali bahawa guru berkenaan gagal menangani perkara tersebut dengan penuh tanggungjawab terutama sebagai pendidik. Sebaliknya, mereka mewujudkan situasi yang telah melanggar hak asasi pelajar tersebut serta bertentangan dengan semangat dan perkara yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang mana Malaysia merupakan sebuah Negara Pihak yang telah menyertai Konvensyen ini.

Situasi ini merupakan satu lagi contoh yang menunjukkan bagaimana Akta Hasutan boleh menyekat kebebasan bersuara. Perkara ini sepatutnya boleh diselesaikan melalui pendekatan lain tanpa perlu menggunakan Akta Hasutan atau mendedahkan pelajar tersebut kepada kritikan dan ugutan oleh pelbagai pihak. Sehubungan dengan ini, SUHAKAM menyeru semua pihak berkuasa yang berkaitan untuk mempertimbangan tindakan mereka berdasarkan situasi dan menggunakan budi bicara yang sewajarnya dalam menangani perkara yang melibatkan media sosial dan luahan pandangan dan pendapat.

SUHAKAM menggesa semua pihak untuk mengawal reaksi dan tidak terlibat dalam mana-mana tindakan yang menggalakkan kejahilan dan perasaan benci. Sebaliknya, semua rakyat Malaysia harus berusaha untuk mengamalkan rasa hormat dan sikap toleransi di antara satu sama lain. SUHAKAM turut menggesa Kementerian Pelajaran agar memasukkan hak asasi manusia sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah bagi mempromosi rasa hormat, persefahaman dan penerimaan terhadap hak asasi semua rakyat, termasuk golongan pelajar.

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

15 Ogos 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENGGESA AGAR PENGGUNAAN AKTA HASUTAN DITAMATKAN SEGERA

Kuala Lumpur (2 September 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) amat bimbang dengan peningkatan yang merisaukan dalam penahanan dan dakwaan di bawah Akta Hasutan oleh pihak berkuasa ke atas Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, pelajar serta baru-baru ini seorang ahli akademik.

Suruhanjaya kesal melihat bahawa penggunaan berterusan undang-undang lapuk yang digubal oleh pihak berkuasa penjajah ini untuk menyekat kebebasan bersuara individu semakin meningkat dan seolah-oleh digunakan secara tetap. Tindakan sedemikian oleh pihak berkuasa adalah tidak wajar dan akan terus menyekat hak rakyat untuk membahaskan isu atau menyuarakan pendapat secara bebas yang mana merupakan asas kepada demokrasi yang berkembang maju.

SUHAKAM menggesa pihak berkuasa untuk mempertimbangkan semula kesesuaian, justifikasi dan keperluan untuk menahan dan mendakwa individu di bawah Akta tersebut atas kenyataan atau tindakan mereka yang didakwa sebagai bersifat "menghasut" Adalah penting bagi Kerajaan untuk memenuhi janjinya dengan kadar segera untuk memansuhkan Akta Hasutan dan menggantikannya dengan "Akta Harmoni Negara" ke arah melindungi hak asasi rakyat kepada kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan juga Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

-TAMAT-

"HAK ASASI UNTUK SEMUA"

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

2 September 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

LAPAN MEMENANGI ANUGERAH HAK ASASI MANUSIA SEMPENA HARI SUHAKAM

Kuala Lumpur [9 September 2014] – Sempena memperingati tahun ke-14 sejak penubuhannya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengadakan sebuah majlis bagi memberi penghormatan kepada lapan pemenang Anugerah Hak Asasi Manusia SUHAKAM 2014 untuk mengiktiraf sumbangan cemerlang mereka dalam pelbagai bidang hak asasi manusia di Malaysia.

Mereka yang telah menerima pengiktirafan daripada SUHAKAM adalah mendiang Irene Fernandez, Sarawak Women for Women Society (SWWS), Wan Noor Hayati Wan Alias wartawan meja jenayah Berita Harian, Elantiraian Perumal wartawan kanan The Star, stesen radio BFM89.9, Angkatan Tentera Malaysia, DiB (Deaf-in-Business) Coffees of Hawaii dan Hafrulidzwan Mohd Isa dari SMK TTDI.

Berikutan pelawaanya untuk pencalonan awam pada bulan Februari, SUHAKAM telah menerima sebanyak 32 pencalonan daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi lima kategori iaitu : Anugerah Individu, Anugerah Organisasi, Anugerah Media, Anugerah Agensi Kerajaan dan Anugerah Entiti Perniagaan.

Mendiang Irene Fernandez, pemenang Kategori Individu, diiktiraf bagi usahanya yang luar biasa serta tanpa mengenal erti penat dalam mempertahankan hak asasi golongan rentan, termasuk pekerja tempatan dan asing, wanita, serta pelarian.

SWWS menerima anugerah bagi Kategori Organisasi bagi usahanya yang signifikan dalam mempromosi kesaksamaan wanita dan penghapusan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta memperkasakan remaja wanita di kawasan pedalaman Sarawak.

Wan Noor Hayati dan Elantiraian Perumal dianugerahkan dengan Anugerah Media Cetak bagi laporan penyiasatan yang telah mereka terbitkan serta keberanian mereka dalam mendedahkan kebenaran berkaitan isu-isu hak asasi manusia yang telah memberi kesan kepada hak masyarakat akar umbi.

Hak Asasi Untuk Semua” “Human Rights For All” BFM89.9 pula menerima anugerah bagi Kategori Media Penyiaran kerana menyampaikan laporan yang adil dan seimbang mengenai masyarakat, keadilan sosial serta isu hak asasi manusia yang menjadi kebimbangan orang awam.

DiB Coffees of Hawaii memenangi Anugerah Entiti Perniagaan dalam usahanya untuk memberikan peluang pekerjaan dan peluang pembangunan diri yang sama rata kepada golongan Orang Kurang Upaya Pendengaran melalui perniagaan berasaskan pendekatan hak asasi.

Markas Angkatan Bersama dari Angkatan Tentera Malaysia diberi pengiktirafan melalui Anugerah Agensi Kerajaan untuk inisiatif sukarela mereka dalam menyediakan pendidikan tidak formal untuk kanak-kanak terpinggir di Pulau Berhala, Sandakan sejak tahun 2009.

Anugerah Khas turut dianugerahkan oleh SUHAKAM kepada Hafrulidzwan Mohd Isa untuk usaha berterusan beliau dalam mempromosikan amalan terbaik hak asasi manusia serta Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dikalangan warga sekolah.

Setiap pemenang menerima wang tunai sebanyak RM2,000, sebuah plak dan sijil daripada SUHAKAM.

Suruhanjaya berharap agar pencapaian semua pemenang akan memberikan inspirasi kepada orang ramai untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

9 September 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU AGAR HAK KEBEBASAN BERAGAMA DIHORMATI

Kuala Lumpur (10 Oktober 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) kesal dan risau terhadap justifikasi yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan juga hasil dapatan pihak berkuasa bahawa seruan yang keterlaluan untuk membakar Alkitab, bible berbahasa Melayu bukan satu ugutan terhadap suatu kumpulan masyarakat tetapi dilakukan demi mempertahankan Islam.

Sungguhpun SUHAKAM memahami sepenuhnya tahap sensitiviti isu agama di negara ini, ia berpendapat bahawa setiap individu dan komuniti, tanpa mengira perbezaan dalam kepercayaan, menikmati hak asas kepada agama dan kebebasan untuk menganut kepercayaan mereka seperti yang terjamin di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 18 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

SUHAKAM mengulangi seruannya agar pihak Kerajaan memenuhi komitmen yang telah dibuat, samada secara dasar atau sepenuhnya, semasa sesi kedua Penilaian Penggalan Sejagat (UPR) berkenaan dengan keperluan untuk memerangi segala bentuk diskriminasi terutama sekali diskriminasi terhadap agama, melindungi kumpulan agama minoriti dalam negara ini, mendamaikan fahaman agama Islam dan agama lain, serta mempromosi dan melindungi hak semua orang untuk menyembah dalam keadaan aman dan damai tanpa diskriminasi atau sekatan.

Sehubungan dengan ini, adalah amat penting bagi Kerajaan untuk memerangi tindakan termasuk ugutan dan gangguan yang menggalakkan fahaman keagamaan yang melampau dan perasaan benci di antara komuniti agama yang berbeza, bagi melindungi hak asasi semua orang untuk mengamalkan kepercayaan mereka secara bebas seperti mana yang telah diamalkan sekian lama dalam negara ini.

Dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia, keamanan dan keharmonian dalam negara harus dijamin melalui dasar dan amalan kesederhanaan – satu pendekatan yang digalakkan oleh Kerajaan di peringkat antarabangsa dan yang harus dipuji. Dalam konteks ini, adalah penting bahawa kenyataan keterlaluan itu, yang tidak selaras dengan dunia global pada hari ini, akan menyampaikan mesej yang salah kepada orang ramai sekiranya tidak dikecam oleh pihak berkuasa dan akan menambahkan salah faham dan perpecahan di kalangan mereka. Pada masa yang sama, Suruhanjaya mengambil kesempatan ini untuk memperbaharui seruannya agar Akta Hasutan yang ketinggalan zaman ini dimansuhkan secepat mungkin, atas sebab yang

telah dinyatakan di dalam kenyataannya sebelum ini, antaranya adalah ia tidak selaras dengan prinsip dan norma hak asasi manusia antarabangsa.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Oktober 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENGUCAPKAN TAHNIAH ATAS KEJAYAAN KERAJAAN MALAYSIA MEMENANGI KEAHLIAN DI MAJLIS KESELAMATAN PBB

Kuala Lumpur (17 Oktober 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia atas kejayaan mendapatkan keahlian sebagai anggota tidak tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) bagi penggal 2015-2016, dengan 187 undi yang menyokong pencalonan Malaysia sebagai wakil bagi rantau Asia.

Dalam meraikan bersama-sama seluruh warga negara kejayaan penting yang dicapai menerusi penyertaan aktif Malaysia di arena antarabangsa ini, SUHAKAM menyatakan sokongannya terhadap aspirasi Kerajaan untuk terus menyokong keamanan dan keharmonian antarabangsa melalui dasar dan amalan kesederhanaan oleh negara-negara demi kebaikan bersama manusia sejagat, serta untuk mengekalkan kepentingan negara dalam lingkungan keamanan dan keselamatan antarabangsa yang mana kita percaya akan mendatangkan kesan positif dalam negara.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”

TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 Oktober 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYERU UNTUK PEMBAHARUAN PENJARA DI MALAYSIA

Kuala Lumpur (27 Oktober 2014) – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin merujuk kepada pendedahan oleh Encik P. Uthayakumar berkenaan pemenjaraan beliau di Penjara Kajang, dan ingin menyatakan bahawa berikutan memorandum yang diterima daripada Persatuan Penasihat Pengguna-Pengguna Malaysia pada 5 Ogos 2013 mengenai layanan buruk yang dialami oleh Encik P. Uthayakumar di Penjara Kajang, SUHAKAM telah menjalankan siasatan ke atas tuduhan yang dibuat dan mengambil beberapa tindakan susulan. Ini termasuk mengadakan lawatan ke Penjara Kajang pada 13 Ogos 2013 untuk mengesahkan aduan yang diterima dengan pihak-pihak yang berkaitan, menghantar surat rasmi kepada Jabatan Penjara pada 21 Ogos 2013 mengenai isu-isu yang diketengahkan dalam memorandum tersebut, dan diikuti dengan satu mesyuarat bersama Jabatan Penjara pada 4 September 2013 untuk membincangkan antara lain, isu prosedur yang berkaitan dengan aduan bertulis yang diterima daripada tahanan, semasa lawatan SUHAKAM ke penjara.

SUHAKAM juga telah mengambil langkah tambahan dengan menjalankan kajian tematik berkaitan hak kepada kesihatan di dalam penjara. Objektif utama kajian ini adalah untuk memastikan bahawa keadaan semua penjara di negara ini adalah konsisten dengan tahap kesihatan dan keselamatan yang wajar, serta melindungi martabat manusia untuk mencapai sistem keadilan jenayah yang menghormati hak-hak individu.

Dalam melaksanakan kajian ini, SUHAKAM telah membuat lawatan khas ke penjara-penjara di seluruh negara untuk mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan isu-isu yang dihadapi oleh kedua-dua banduan dan kakitangan penjara. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kaji selidik melalui borang soal selidik dan sesi temu bual bersama responden yang berkaitan mengenai akses kepada penjagaan kesihatan di penjara. SUHAKAM telah melawat sebanyak tigabelas (13) penjara - Kajang dan Penjara Wanita Kajang, Sungai Buloh (Selangor), Taiping (Perak), Pengkalan Chepa (Kelantan), Tapah dan Bentong (Pahang), Seremban (Negeri Sembilan), Kuching, Miri, Sibu dan Limbang (Sarawak), serta Kota Kinabalu (Sabah). Sehingga hari ini, sebanyak 4086 tahanan, 646 kakitangan dan 37 pembantu perubatan telah terlibat dalam kaji selidik tersebut. Laporan yang mengandungi hasil kajian dan syor-syor akan diserahkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan serta pihak Kerajaan, sejajar dengan objektif SUHAKAM dalam projek ini, iaitu untuk memperjuangkan peningkatan taraf kesihatan di penjara-penjara di seluruh Malaysia.

Berdasarkan lawatan berkala telah dijalkannya pada masa lalu, SUHAKAM melihat keperluan untuk reformasi yang lebih sistematik dan konsisten dalam penjara untuk menangani pelbagai isu asas berkaitan penjagaan kesihatan, termasuk penjagaan kesihatan mental untuk kedua-dua kakitangan dan tahanan, keadaan di penjara, dan juga keadaan kerja kakitangan penjara.

SUHAKAM juga sedang mengalakkan pihak Kerajaan untuk membuat pindaan tambahan kepada undang-undang penubuhannya yang, antara lain, akan memberikannya kuasa untuk melakukan kunjungan mengejut ke penjara dan pusat tahanan di Malaysia.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

27 Oktober 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

MAKLUM BALAS SUHAKAM TERHADAP LAPORAN UTUSAN MALAYSIA: “KES ANWAR: MAJLIS PEGUAM, SUHAKAM AMAL DWI STANDARD”

Kuala Lumpur (7 November 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) berpandangan dengan penuh perhatian dan menyesali kenyataan yang dilaporkan dalam Utusan Malaysia pada 6 November 2014: “Kes Anwar: Majlis Peguam, Suhakam amalkan dwi standard.”

Suruhanjaya mengakui bahawa semua individu berhak kepada hak asasi mereka dan kebebasan untuk berhimpun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Artikel 20(1) Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan juga Akta Perhimpunan Aman 2012, serta Artikel 19 UDHR mengenai kebebasan bersuara. Suruhanjaya berpendirian teguh bahawa sementara keamanan dan ketenteraman awam perlu dikekalkan pada setiap masa, perhimpunan aman juga mesti diiktiraf sebagai satu bentuk demokrasi yang sah untuk orang ramai untuk mengekspresikan diri serta mengulangi pendiriannya bahawa perhimpunan awam menyediakan ruang untuk orang ramai menampilkan diri dalam isu-isu yang menjadi perhatian mereka.

Meskipun demikian, dalam usaha mencapai fungsi demokrasi sepenuhnya, Suruhanjaya seringkali menggesa agar semua pihak melaksanakan hak mereka secara bertanggungjawab dalam memastikan keamanan dan keselamatan semua yang terlibat dilindungi dan sama penting, bahawa hak orang lain yang tidak terlibat secara langsung mesti dihormati dan dilindungi.

Suruhanjaya juga ingin menyatakan bahawa sehingga kini, tiada sebarang aduan diterima mengenai dakwaan salah laku atau tindakan dalam perhimpunan yang berlaku di luar Istana Kehakiman di Putrajaya.

Suruhanjaya ingin menyatakan sekali lagi bahawa apabila sesuatu perkara yang masih berada di bawah pertimbangan kehakiman, Suruhanjaya adalah dihalang, sepertimana yang terkandung oleh Akta penubuhannya untuk membuat sebarang kenyataan berhubung perkara tersebut. Dalam apa jua keadaan, Suruhanjaya hendaklah tidak membuat sebarang rujukan kepada mana-“Hak Asasi Untuk Semua” “Human Rights For All” mana perkara yang belum selesai di mahkamah, yang mana Suruhanjaya mengakui bahawa sebagai sebuah badan kehakiman yang berwibawa, bebas dan saksama serta tanpa keraguan integriti adalah merupakan sebahagian daripada demokrasi dan dalam menegakkan kedaulatan undang-undang.

Suruhanjaya yakin bahawa perhimpunan tersebut jika berlaku tidak boleh mempengaruhi, menghalang penemuan, keputusan, dan / atau penghakiman Mahkamah atau menjejaskan kebebasan badan kehakiman berkenaan untuk memberikan keadilan dalam rayuan itu.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

7 November 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

KANAK-KANAK BERHAK UNTUK BEBAS DARIPADA KEGANASAN, GANGGUAN DAN BULI

KUALA LUMPUR (11 November 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bimbang terhadap laporan berita baru-baru ini mengenai keganasan terhadap kanak-kanak, terutamanya buli di sekolah, dan mengingatkan semua pihak yang berkenaan bahawa semua kanak-kanak mempunyai hak mendapatkan pendidikan yang bebas daripada keganasan, gangguan dan buli.

Suruhanjaya berpandangan, isu ini adalah merangkumi kedua-dua aspek kekerasan fizikal dan psikologi melibatkan kanak-kanak dalam dan luar kawasan sekolah, sebagai pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia, yang mungkin mempunyai impak yang mendalam kepada hak asasi manusia yang lain, termasuklah hak untuk pendidikan dan kesihatan. Selain itu, buli dalam apa jua bentuk termasuk buli siber, mungkin mempunyai kesan berterusan dan kekal terhadap kesihatan fizikal dan mental terhadap kanak-kanak, serta kesan social mangsa dan pembuli.

Kerajaan telah mengambil inisiatif melalui beberapa rangka perundangan dan polisi untuk menangani, antara lain, isu ini, termasuklah Akta Kanak-Kanak 2001, Dasar Negara dan Pelan Tindakan Kanak-kanak dan Dasar Negara dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak pada tahun 2009 sebagai tambahan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah, yang meletakkan buli di bawah bidang kuasa kesalahan jenayah. Di samping itu, sebagai Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Malaysia mempunyai tanggungjawab di bawah Artikel 19 dan 37 untuk memastikan bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi daripada segala bentuk keganasan fizikal dan mental, termasuk seksaan atau kezaliman, penghinaan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan. Di samping itu, pihak berkuasa turut mempunyai tanggungjawab untuk mewujudkan dan mempromosikan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan maksimum kanak-kanak.

Oleh itu, Suruhanjaya menyeru pihak berkuasa yang berkaitan untuk melaksanakan dasar anti-buli yang berkesan dan strategi sokongan untuk mangsa kanak-kanak dan juga keluarga mereka. Suruhanjaya juga mengesa pihak berkuasa yang berkaitan dan pelbagai pihak untuk terlibat dalam perbincangan di peringkat nasional mengenai isu ini dan bertindak dengan segera dalam memenuhi tanggungjawab utama hak asasi manusia Malaysia di bawah CRC. Walaupun tanggungjawab utama undang-undang terletak pada Kerajaan, Suruhanjaya menekankan

bahawa semua sektor masyarakat dan pihak berkepentingan yang berkongsi tanggungjawab untuk mengancam dan mencegah keganasan dan buli terhadap kanak-kanak.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

11 November 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMPERINGATI HARI ANTARABANGSA MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA PADA 25 NOVEMBER 2014

KUALA LUMPUR (25 November 2014) - Pada Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengulangi pendiriannya dalam mengutuk segala bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dan bersama-sama menyertai panggilan untuk bertindak dalam kempen '16 hari menentang Aktiviti Keganasan Berasaskan Gender' oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Suruhanjaya bimbang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan terus mendominasi sebagai kebimbangan utama sosial walaupun perhatian global dan tidak dapat dinafikan kemajuan mengenai isu-isu hak wanita dalam negara meningkat.

Keganasan terhadap wanita bukan sahaja melanggar hak asasi manusia dan boleh dikatakan sebagai sumber asas diskriminasi berasaskan gender, tetapi juga struktur ungkapan utama terhadap ketidaksamaan antara lelaki dan wanita. Keganasan terhadap wanita adalah merangkumi pelbagai bentuk dan tidak terhad kepada sesuatu negara, budaya, bangsa, agama atau kumpulan. Laporan Setiausaha Agung PBB 2006: Kajian Terperinci Mengenai Segala Bentuk Keganasan terhadap Wanita yang dibentangkan menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya satu daripada setiap tiga wanita di seluruh dunia pernah dipukul atau didera sepanjang hayat mereka.


Malaysia secara prinsip telah menerima rangka kerja hak asasi manusia antarabangsa untuk mencegah, menghukum dan mengutuk diskriminasi terhadap wanita, khususnya, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Malaysia juga telah melancarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja (1995) oleh Kementerian Sumber Manusia, dan menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang, jika jenayah termasuk dalam bidang kuasa Kanun Keseksaan.

Suruhanjaya mengulangi panggilannya terhadap komitmen dan usaha yang berterusan untuk menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan oleh semua pihak yang berkepentingan, dan juga untuk memastikan kesaksamaan berkaitan dengan hak ekonomi dan sosial. Membanteras segala bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan

menjadi tunjang penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kekal menjadi keutamaan bagi Suruhanjaya.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

25 November 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MENYOKONG USAHA KERAJAAN DALAM MEMERANGI KEGANASAN DAN EKSTREMISME

KUALA LUMPUR (28 November 2014) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyokong inisiatif yang diambil dan berikrar sokongan berterusan kepada Kerajaan dalam usaha untuk memerangi keganasan dan ekstremisme, termasuk ancaman yang ditimbulkan oleh Negara Islam.

Suruhanjaya mengambil perhatian bahawa Parlimen telah meluluskan Kertas Putih untuk menangani ancaman Negara Islam yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, termasuklah cadangan undang-undang anti-keganasan dan pindaan kepada undang-undang sedia ada dalam memerangi keganasan.

Suruhanjaya berpandangan bahawa pindaan itu hendaklah bertujuan untuk mencegah tindakan radikal, mengukuhkan langkah-langkah pencegahan keganasan dan penyiasatan yang sedia ada dan untuk menyediakan kawalan terhadap segala bentuk gangguan aktiviti pengganas. Suruhanjaya juga ambil maklum bahawa undang-undang dan pindaan tersebut hendaklah berdasarkan sumber yang benar, terutamanya setelah pihak berkuasa Malaysia mengenal pasti 39 militan Malaysia di Syria sehingga kini.

Suruhanjaya juga menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan sebarang pindaan atau undang-undang baharu pada keadaan yang amat penting ketika ini dengan rundingan bermakna dengan pihak berkepentingan yang berkenaan termasuklah pasukan polis dan pihak keselamatan. Memandangkan kepentingan yang amat mendesak dan tempoh masa yang singkat, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa sebarang langkah baharu hendaklah disertakan dengan perlindungan yang sesuai terhadap hak asasi manusia.

Suruhanjaya menyokong kelulusan Rang Undang-undang anti-keganasan yang dicadangkan, tertakluk kepada cadangan-cadangan yang boleh menangani kebimbangan mengenai kesan Rang Undang-undang tersebut terhadap hak asasi manusia. Walaupun Suruhanjaya mengakui keperluan yang mendesak dalam memastikan agensi-agensi keselamatan negara kita mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk melindungi keselamatan negara, sebarang batasan terhadap hak asasi manusia mestilah diminimakan, jelas, sah dan seimbang.

Suruhanjaya juga ingin menyatakan bahawa undang-undang anti-keganasan hanya boleh digunakan atas tujuan tersebut, kerana ia akan memberi kesan bertentangan jika kuasa digunakan dengan tidak betul atau disalahgunakan oleh pihak berkuasa. Di samping itu, cadangan peruntukan undang-undang anti-keganasan mestilah ditakrifkan dengan jelas dalam undang-undang Malaysia, dan digubal dalam pematuhan kepada standard hak asasi manusia antarabangsa agar lebih berkesan.

Suruhanjaya berhak untuk memberi pandangan lanjut mengenai cadangan terhadap komponen pindaan atau Rang Undang-undang.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

28 November 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SIARAN MEDIA MERAIKAN HARI ANTARABANGSA ORANG KURANG UPAYA PADA 3 DISEMBER 2014 “2014 THEME: SUSTAINABLE DEVELOPMENT: THE PROMISE OF TECHNOLOGY”

KUALA LUMPUR (2 Disember 2014) - Pada Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia menegaskan bahawa semua orang kurang upaya haruslah menikmati hak asasi manusia dan kebebasan asasi seperti yang dinyatakan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR), Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Setiap hari di seluruh dunia, orang kurang upaya (OKU) menghadapi diskriminasi dan halangan yang boleh menyekat mereka daripada mengambil bahagian dalam masyarakat atas asas kesaksamaan dengan orang lain. Berdasarkan Program Pembangunan PBB (UNDP), 80 peratus daripada orang kurang upaya tinggal di negara-negara membangun.

Di Malaysia, OKU terus dinafikan hak mereka untuk, antara lain, dimasukkan dalam sistem pendidikan umum dan peluang untuk diambil bekerja di kedua-dua sektor swasta dan awam. Ketidaksamaan yang dihadapi oleh orang kurang upaya disebabkan oleh pelbagai halangan, termasuklah halangan sikap dan stigma yang sering menyebabkan OKU dianggap sebagai tidak dapat melibatkan diri dalam masyarakat khususnya dalam proses pembuatan keputusan. Tambahan pula, OKU terus menghadapi stereotaip, terpinggir dan sering dipandang rendah sama ada daripada majikan dan juga rakan sekerja. Dalam negara, sikap tidak ambil kisah di tempat kerja boleh dikaitkan berpunca daripada tiadanya pemantauan terhadap ppatuhan kepada undang-undang yang sedia ada dan rangka kerja undang-undang, termasuklah Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD).

CRPD yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 2010, dengan beberapa reservasi, menawarkan standard yang mencukupi bagi melindungi OKU terhadap hak-hak sivil, budaya, ekonomi, politik dan sosial atas dasar kesaksamaan dan tanpa diskriminasi. Malaysia juga mempunyai Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan pada 1 Julai 2013, telah melancarkan “Strategi Incheon 2013-2022: Dekad Baru bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia”. Selaras dengan CRPD, Kerajaan juga menyediakan satu Dasar dan Pelan Tindakan OKU yang memberi panduan untuk pihak berkepentingan dalam usaha mengarusperdanakan OKU, serta Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bagi memantau pelaksanaan dasar dan program yang berkaitan OKU.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bimbang kerana ketiadaan peruntukan berkenaan hukuman dan kekurangan mekanisme terhadap tindakan undang-undang, akibat ketidakpatuhan kepada peruntukan di dalam akta 2008.

Suruhanjaya mengulangi seruannya terhadap komitmen dan usaha yang berterusan daripada pihak berkuasa serta semua pihak berkepentingan dalam mengenal pasti dan mengatasi halangan yang terus mendiskriminasi OKU serta ingin menyatakan bahawa kesaksamaan dan tanpa diskriminasi OKU mesti dimasukkan sebagai isu yang saling berkaitan dalam semua dasar dan rangka kerja nasional, termasuk Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional. Malaysia juga perlu menetapkan tempoh masa bagi memperuntukkan sumber yang mencukupi dalam menghapuskan halangan sedia ada yang dihadapi oleh OKU secara beransur-ansur serta mengkaji semula amalan negara dalam mencapai pengiktirafan hak asasi manusia OKU yang lebih baik, termasuk kesedaran terhadap Konvensyen dan Protokol Pilihan. Suruhanjaya juga menyeru Kerajaan untuk menarik balik reservasi yang sedia ada terhadap Konvensyen dan meratifikasi Protokol Pilihan.

Pada Hari Antarabangsa Orang Kurang Upaya, Suruhanjaya komited untuk meneruskan usaha dan menjalin kerjasama erat dengan Kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak berkepentingan lain dalam mempromosikan hak orang kurang upaya serta meningkatkan usaha dalam memastikan adanya pendidikan untuk kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

2 Disember 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM KESAL KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MENGEKALKAN AKTA HASUTAN 1948

KUALA LUMPUR [5 Disember 2014] - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia kesal dengan pengumuman Kerajaan untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dan untuk mengukuhkannya dengan peruntukan tambahan, walaupun janji yang dibuat pada tahun 2012 untuk memansuhkan undang-undang yang menindas dan lapuk.

Keputusan yang mengecewakan ini tidak memberikan gambaran baik kepada negara di saat ia akan menyandang dua jawatan bertaraf antarabangsa yang penting dan berprofil tinggi menjelang Januari 2015 iaitu sebagai anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pengerusi ASEAN, sesuai dengan kemunculannya ketika ini sebagai komuniti serantau yang makin bersepadu, dinamik dan berpandangan jauh. Dengan menggalas kedua-dua jawatan ini, harapan agar Malaysia dapat meningkatkan prestasi dan standard yang tinggi dalam ruang lingkup hak asasi manusia dengan jangkaan yang lebih kukuh dan dipergiatkan lagi.

Walaupun Suruhanjaya memahami keseimbangan antara kebebasan dan keselamatan, dan mengakui bahawa amalan kebebasan bersuara mungkin tertakluk kepada sekatan yang ketat seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang, terutamanya bagi melindungi hak asasi orang lain, ia menegaskan bahawa sebarang sekatan mesti seimbang, berkadar, jelas dan adil. Seterusnya, sekatan itu hendaklah mematuhi norma antarabangsa mengenai hak untuk kebebasan bersuara dan berucap.

Oleh itu, semua undang-undang atau pindaan kepada undang-undang sedia ada seperti yang diumumkan, mestilah tertumpu kepada semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, dan prinsip-prinsip hak asasi manusia antarabangsa. Ini hendaklah juga mengambil kira realiti globalisasi yang bercirikan dimensi baru terhadap kebebasan bersuara melalui Internet dan media sosial.

Suruhanjaya turut menggesa Kerajaan untuk memastikan bahawa pindaan kepada undang-undang sedia ada atau undang-undang yang baru mestilah berdasarkan penglibatan sepenuhnya dan perundingan bermakna dengan semua pihak yang berkenaan secara adil, jelas dan mematuhi proses yang sewajarnya, dan tidak tergesa-gesa .

Memandangkan bahawa Akta Hasutan tidak direka untuk tujuan mempromosi, memupuk dan mengekalkan keamanan dan keharmonian negara, Suruhanjaya mengulangi pendiriannya bahawa Akta Keharmonian Nasional yang dicadangkan mestilah segera menggantikan Akta Hasutan. Suruhanjaya yang juga telah dirujuk mengenai undang-undang yang dicadangkan ini, berpendapat bahawa undang-undang ini boleh mengatasi cabaran kebebasan bersuara secara mutlak, dan ancaman terhadap nilai demokrasi, serta pada masa yang sama memastikan rakyat Malaysia menikmati hak asas dan jaminan perlembagaan kepada kebebasan bersuara.

Suruhanjaya berpendapat juga bahawa Akta Keharmonian Nasional yang dicadangkan ini bertujuan untuk mencari keseimbangan yang saksama antara hak kebebasan berucap dan bersuara dengan hak rakyat untuk hidup aman, harmoni dan stabil.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



DATUK DR KHAW LAKE TEE

Pemangku Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

5 Disember 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMPERINGATI HARI HAK ASASI MANUSIA 2014: HAK ASASI MANUSIA 365

KUALA LUMPUR (8 Disember 2014) - Hari Hak Asasi Manusia disambut setiap tahun pada 10 Disember bagi memperingati hari pada tahun 1948 apabila Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menerima pakai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) yang akan diraikan pada tahun 2014 bertemakan "Hak Asasi Manusia 365". Penekanan ini adalah untuk memberikan kefahaman bahawa setiap hari merupakan hari hak manusia, dan bahawa hak asasi manusia adalah hak yang tidak terpisah daripada semua.

Pada hari ini, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ingin menyatakan bahawa hak asasi manusia adalah untuk semua, juga merupakan slogannya, akan dicapai apabila kita mampu untuk mengubah idea di sebalik UDHR ke dalam budaya, dengan mengamalkan prinsip dalam kehidupan seharian, di samping mengambil kira konteks khusus setiap masyarakat.

Suruhanjaya ingin mengingatkan semua pihak bahawa walaupun UDHR bukan sebuah instrumen yang mengikat, namun ia telah berkembang untuk menjadi konvensyen dan triti yang mengikat secara undang-undang. UDHR telah diisytiharkan sebagai "standard bersama terhadap pencapaian oleh semua masyarakat dan Negara", yang mana individu dan masyarakat harus bergerak ke arah "berusaha dengan langkah progresif, di peringkat negara dan antarabangsa, bagi menjamin pengiktirafan dan pematuhan sejagat yang berkesan". Ia adalah undang-undang antarabangsa yang mana selepas diratifikasikan, sesebuah Negara itu diwajibkan oleh undang-undang antarabangsa untuk melaksanakan dan mematuhi semua peruntukan triti tersebut, kecuali jika terdapat reservasi. Oleh itu, Suruhanjaya berpandangan bahawa, sebaik sahaja diratifikasi dan dipersetujui, kesahihan atau kesesuaian sesuatu triti antarabangsa tidak harus dibangkitkan sebagai isu.

Pada hari Hak Asasi Manusia ini, Suruhanjaya juga ingin menyangkal tanggapan bahawa hak asasi manusia adalah agenda barat, dan mengulangi konsep kesejagatan hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Paling penting, hak asasi manusia adalah berasaskan penghormatan terhadap maruah dan bernilai bagi setiap individu.

Suruhanjaya mengulangi semula seruannya agar Kerajaan memenuhi peruntukan perisytiharan seperti Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asli dan memperbaharui cadangannya bahawa Kerajaan akan menyertai baki teras triti hak

asasi manusia antarabangsa untuk terus maju ke arah mencapai matlamat yang mampan dan pertumbuhan inklusif serta penghormatan terhadap hak asasi manusia.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



TAN SRI HASMY AGAM

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

8 Disember 2014



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

SUHAKAM MEMPERINGATI HARI MIGRAN ANTARABANGSA PADA 18 DISEMBER 2014

KUALA LUMPUR (18 Disember 2014) - Pada Hari Migran Antarabangsa, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia memperingati hak migran dan mengambil peluang untuk mengiktiraf sumbangan yang dilakukan oleh migran kepada pertumbuhan dan pembangunan di kebanyakan negara.

Suruhanjaya menggesa agar usaha yang lebih mantap untuk menghapuskan stigma dan diskriminasi yang dihadapi oleh kumpulan terdedah ini dan menyeru penggunaan istilah yang lebih tepat digunakan apabila merujuk kepada migran yang tidak berdokumen. Suruhanjaya ingin mengingatkan media bahawa istilah 'pendatang haram' bukanlah satu konsep undang-undang malah tidak tepat, kerana seseorang itu tidak boleh dianggap haram.

Sebagai sebahagian daripada langkah progresif yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha ke arah agenda yang berkesan dan menyeluruh mengenai migrasi antarabangsa, Suruhanjaya menyeru kepada pelan yang mengintegrasikan pembangunan dan menghormati hak asasi manusia bagi migran dan keluarga mereka.

Suruhanjaya berpendapat bahawa dalam menangani aspek tertentu berkaitan migran dan pekerja asing dengan lebih berkesan, Kerajaan mesti meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka. Di samping itu, Malaysia juga perlu mengambil usaha yang konkrit dan langkah-langkah yang sejajar dan diterima sebulat suara semasa Dialog Peringkat Tertinggi mengenai Migrasi dan Pembangunan Antarabangsa, Perisytiharan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perisytiharan ini mengesahkan keperluan untuk mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi semua migran, mengulangi komitmen untuk memerangi pemerdagangan manusia, dan mengesahkan manifestasi perkauman dan sikap tidak bertoleransi terhadap kumpulan ini.

Selanjutnya, menurut Artikel 22 Perisytiharan ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak Pekerja Migran yang diterima pakai pada tahun 2007, negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk membangunkan Instrumen ASEAN mengenai Promosi dan Perlindungan Pekerja Migran. Ia bagaimanapun masih belum dimuktamadkan. Dalam kapasiti sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Suruhanjaya menyeru Kerajaan untuk menyelesaikan penggubalan

dokumen ini dengan kadar segera dengan rundingan bermakna dengan semua pihak yang berkepentingan.

-TAMAT-

“HAK ASASI UNTUK SEMUA”



Tan Sri Hasmy Agam

Pengerusi

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

18 Disember 2014

LAMPIRAN II

KENYATAAN SURUHANJAYA KEPADA MAJLIS HAK ASASI MANUSIA

| NO | TARIKH | TAJUK |
|----|--------|--|
| 1. | Mac | Transkrip Kenyataan Video SUHAKAM mengenai Panel tentang Promosi dan Perlindungan Ruang Masyarakat Sipil Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, Mac 2014 |
| 2. | Mac | Transkrip Kenyataan Video SUHAKAM mengenai Laporan Pelapor Khas tentang Hak kepada Makanan Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, 10 Mac 2014 |
| 3. | Mac | Transkrip Kenyataan SUHAKAM tentang Hak Orang Kurang Upaya kepada Pendidikan Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, 19 Mac 2014 |
| 4. | Mac | Transkrip Kenyataan SUHAKAM tentang Penerimaan Hasil Kitaran Kedua Penilaian Penggalan Sejagat Malaysia Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia Palais des Nations, Geneva, 20 Mac 2014 |
| 5. | Jun | Transkrip Kenyataan Lisan SUHAKAM Ke Majlis Hak Asasi Manusia Sempena Perbincangan Tahunan Mengenai Hak Wanita Sesi Ke-26 Majlis Hak Asasi Manusia Palais Des Nations, Geneva, 17 Jun 2014 |

Transkrip Kenyataan Video SUHAKAM
Panel tentang Promosi dan
Perlindungan Ruang Masyarakat Sipil
Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia
Palais des Nations, Geneva, Mac 2014

Presiden,

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan persidangan Panel tentang Promosi dan Perlindungan Ruang Masyarakat Sipil, yang telah ditubuhkan di bawah Resolusi Majlis Hak Asasi Manusia 24/21. SUHAKAM yakin bahawa Panel ini akan menawarkan langkah-langkah kukuh bagi menggalakkan lagi kerjasama antara Negara-negara dengan masyarakat sivil dalam usaha ke arah mencapai hasrat bersama terhadap keamanan dan kemakmuran saksama.

Presiden,

SUHAKAM menegaskan bahawa kesahihan sesebuah demokrasi tidak hanya bergantung kepada anjuran pilihan raya berkala. Sebaliknya, teras utama sesebuah masyarakat demokratik adalah satu sistem yang membenarkan, dan juga menggalakkan kepelbagaian pandangan dan perbincangan awam melalui jaminan ke atas hak kepada kebebasan untuk bersuara, berpersatuan dan berhimpun, yang membenarkan kebebasan asas untuk membuat pilihan dan memastikan kesahihan dan kebertanggungjawaban Kerajaan. SUHAKAM mengambil maklum bahawa walaupun diiktiraf secara meluas, terdapat peningkatan dalam undang-undang dan dasar di serata dunia yang bertujuan menyekat keupayaan masyarakat sivil untuk menyuarakan pendapat mereka.

Dalam konteks Malaysia, jaminan terhadap hak kepada kebebasan untuk berhimpun terganggu oleh pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang diletakkan terhadap hak tersebut. SUHAKAM juga bimbang dengan "pengharaman" sebuah gabungan NGO baru-baru ini, setelah gabungan NGO tersebut menyuarakan kebimbangan mereka tentang keadaan hak asasi manusia di Malaysia dalam proses UPR tahun lepas. Tambahan pula, kekurangan konsultasi secara langsung antara Kerajaan dengan NGO bagi tujuan UPR Malaysia juga merupakan satu perkara yang membimbangkan.

Adalah penting bagi Kerajaan untuk memastikan agar peruntukan undang-undang dan dasar mempunyai kesan menggalakkan operasi aktif pihak NGO, dan bukannya mengambil tindakan balas terhadap mereka yang berusaha untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia. SUHAKAM menyeru agar Kerajaan menghormati dan melindungi hak masyarakat sivil untuk turut serta secara aktif dalam proses demokratik.

Terima kasih Presiden.

Transkrip Kenyataan Video SUHAKAM mengenai Laporan Pelapor Khas tentang Hak kepada Makanan

*Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia
Palais des Nations, Geneva, 10 Mac 2014*

Presiden,

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan laporan komprehensif Pelapor Khas tentang Hak kepada Makanan, Mr. Olivier De Schutter.

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang produktif dalam mengeluarkan hasil pertanian dan berkemampuan untuk menghasilkan bekalan makanan yang banyak. Oleh itu, akses kepada makanan jarang dilihat sebagai satu isu hak asasi manusia yang besar di negara ini. Namun demikian, SUHAKAM bimbang kerana ramai tidak sedar bahawa selain daripada adanya bekalan makanan, pencapaian penuh hak kepada makanan juga bergantung kepada kebolehan masyarakat untuk mengakses sumber makanan tersebut.

Dalam mengorak langkah ke depan, SUHAKAM menegaskan pentingnya Kerajaan Malaysia untuk menghapuskan deprivasi di kalangan sesetengah pihak bagi memastikan semua segmen masyarakat mempunyai akses fizikal dan kewangan yang mencukupi kepada makanan berkhasiat. Oleh itu, keutamaan perlu diberikan dengan segera kepada golongan rentan yang menghadapi risiko paling tinggi untuk terkecuali daripada menikmati hak kepada makanan, seperti komuniti orang asal/asli, pelarian dan pencari suaka.

SUHAKAM juga bersetuju dengan Pelapor Khas bahawa pertimbangan yang serius perlu diberikan oleh penggubal dasar ke arah memastikan wujudnya bekalan makanan ruji yang mencukupi, kemampunan penghasilan makanan serta langkah-langkah keselamatan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang mungkin timbul disebabkan keadaan pasaran ekonomi dan alam sekitar yang berubah-ubah.

Dalam usaha mencapai status Negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, dasar-dasar Negara sering dipengaruhi oleh perkara-perkara yang boleh membawa kepada pertumbuhan makroekonomi yang pesat, tanpa mengambil kira hak asasi manusia. Oleh yang demikian, proses pembangunan yang mengambil pendekatan berasaskan hak asasi manusia adalah amat penting dalam mencapai keseimbangan antara pembangunan negara dan pematuhan prinsip-prinsip hak asasi manusia, yang menjurus kepada kemakmuran dan kualiti hidup yang lebih baik di seluruh negara.

Akhir sekali, SUHAKAM menggesa agar Kerajaan memberi pertimbangan positif kepada syor-syor Pelapor Khas bagi menjamin pencapaian penuh hak kepada makanan di Malaysia.

Terima kasih Presiden.

Transkrip Kenyataan SUHAKAM tentang Hak Orang Kurang Upaya kepada Pendidikan

*Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia
Palais des Nations, Geneva, 19 Mac 2014*

Naib Presiden,

Pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap kepentingan pendidikan inklusif, yang ditunjukkan melalui langkah-langkah progresif yang telah diambil oleh Kerajaan-kerajaan untuk mengubah sistem pendidikan mereka, menandakan satu titik perubahan yang penting dalam mempromosi hak kepada pendidikan untuk semua, terutamanya bagi orang kurang upaya.

Dalam konteks Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mendapati bahawa banyak usaha telah dilaksanakan untuk menambah baik pendidikan bagi orang kurang upaya pendengaran atau penglihatan. Namun begitu, perhatian kurang diberikan kepada orang yang mempunyai masalah pembelajaran, seperti orang yang mempunyai Sindrom Down, autisme dan disleksia, yang memerlukan pendekatan pendidikan yang berbeza. Terdapat kekurangan kesedaran di kalangan masyarakat umum mengenai keperluan untuk memastikan akses yang sama rata kepada pendidikan untuk orang yang mempunyai masalah pembelajaran, sebaik-baiknya melalui pendidikan inklusif, sebagai prasyarat untuk penyertaan mereka secara penuh dan bermakna dalam masyarakat.

Suruhanjaya telah melaksanakan satu kajian untuk mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dengan isu tersebut dan akan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk membolehkan akses yang lebih luas kepada pendidikan untuk kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran. Laporan kajian tersebut akan dikongsi dengan masyarakat awam tidak lama lagi.

Naib Presiden,

SUHAKAM dengan sukacitanya diambil maklum bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mempunyai pelan hala tuju untuk mencapai tahap 75 tahap peratus bagi pendaftaran murid dengan keperluan khas, termasuk orang kurang upaya, dalam persekitaran pendidikan inklusif menjelang tahun 2025, dengan kemudahan dan kelengkapan yang diperlukan untuk membentuk keadaan pembelajaran yang kondusif dan menggalakkan.

Kami berharap agar semua pihak berkepentingan, terutamanya agensi Kerajaan dan organisasi masyarakat sivil yang berkaitan, akan berusaha secara bersepadu untuk merealisasikan sepenuhnya matlamat dan objektif Pelan Pembangunan tersebut, bagi membuahkan hasil yang positif ke arah mencapai akses dan peluang kepada pendidikan yang sama rata untuk semua orang kurang upaya.

Terima kasih Naib Presiden.

Transkrip Kenyataan SUHAKAM tentang Penerimaan Hasil Kitaran Kedua Penilaian Penggalan Sejagat Malaysia

*Sesi ke-25 Majlis Hak Asasi Manusia
Palais des Nations, Geneva, 20 Mac 2014*

Presiden,

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah berharap agar Kerajaan Malaysia menerima kebanyakan daripada 232 syor yang telah dikemukakan; walau bagaimanapun, SUHAKAM memuji Kerajaan kerana telah menerima 150 syor dan berharap agar syor-syor tersebut akan dilaksanakan dengan gigih pada kitaran UPR semasa. SUHAKAM juga mencadangkan agar syor-syor yang telah diterima tersebut akan dijadikan isi kandungan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional Malaysia, yang kini sedang dibangunkan.

Suruhanjaya juga menyeru agar penyertaan kepada triti-triti hak asasi manusia antarabangsa teras yang selebihnya diberi keutamaan. Bagi tujuan ini, kerja-kerja Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji kebolehlaksanaan penyertaan kepada ICCPR, ICESCR, ICERD dan CAT harus dipercepatkan. Namun demikian, kami memperakui dan memuji kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam bidang ESCR, iaitu pembasmian kemiskinan dan hak kepada kesihatan dan pendidikan.

SUHAKAM mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk mengkaji pelaksanaan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Inkuiri Nasional Suruhanjaya mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal.

SUHAKAM melahirkan kebimbangannya terhadap pemakaian semula penahanan tanpa bicara di Malaysia, melalui pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan juga penggubalan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012. Kami menegaskan sekali lagi bahawa penahanan tanpa bicara adalah bertentangan dengan hak-hak kepada kebebasan peribadi, pembicaraan adil dan juga hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah, dan oleh itu, ianya hendaklah dihapuskan.

Akhir sekali, SUHAKAM menegaskan hak masyarakat sivil untuk menyumbang secara aktif terhadap tadbir urus yang baik. Kami mengalu-alukan tumpuan yang diberikan oleh NGO terhadap proses UPR. Kami percaya bahawa ini merupakan peluang yang baik bagi Kerajaan untuk bekerjasama dengan masyarakat sivil ke arah mencapai kepentingan bersama dalam bidang hak asasi manusia. Penyertaan mereka tidak seharusnya dianggap sebagai satu ancaman; dan kami kesal sekiranya apa-apa tindakan punitif diambil terhadap NGO atas penglibatan mereka dalam isu-isu hak asasi manusia.

Terima kasih.

**TRANSKRIP KENYATAAN LISAN SUHAKAM KE
MAJLIS HAK ASASI MANUSIA
SEMPENA PERBINCANGAN TAHUNAN MENGENAI HAK WANITA**

*Sesi ke-26 Majlis Hak Asasi Manusia
Palais Des Nations, Geneva, 17 Jun 2014*

Presiden,

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memuji Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kesungguhannya dalam menangani hak-hak wanita. Lebih daripada separuh penduduk dunia terdiri daripada wanita dan mereka mempunyai keupayaan yang tidak ternilai untuk menyumbang kepada masyarakat dan pembangunan. Oleh itu, SUHAKAM percaya bahawa sasaran MDG untuk memastikan kesaksamaan gender dan pemeraksanaan wanita seharusnya diteruskan dalam Agenda Pembangunan Pasca 2015. Pada ketika ini, SUHAKAM ingin berkongsi maklumat mengenai keadaan wanita di Malaysia.

Di Malaysia, peranan wanita dalam masyarakat terus ditekankan dalam rancangan pembangunan jangka masa panjang Malaysia dan perkembangan positif dapat dilihat. Sebagai contoh, kuota untuk melibatkan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam jawatan membuat keputusan kini telah dilaksanakan di sektor swasta baru-baru ini. Di samping itu, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dipinda baru-baru ini untuk merangkumi kecederaan psikologi dan emosi. Kini, ia juga menjadi satu kesalahan bagi seorang suami untuk memaksa isterinya melakukan hubungan seks dengan penggunaan atau ancaman keganasan atau kematian.

